

MENCORAK MASA HADAPAN YANG LESTARI

LAPORAN KELESTARIAN 2022



KANDUNGAN

MENGENAI LAPORAN INI	3
PERUTUSAN PENERUSI KAMI	4
KAMI ADALAH PLUS	10
EKOSISTEM KELESTARIAN KAMI	32
MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA	44
PENGELOLAAN ALAM SEKITAR	64
KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT	84
KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS	130
KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI	152
CADANGAN TCFD	161
INDEKS KANDUNGAN GRI	162
MELANGKAH KE HADAPAN	165



MENCORAK MASA HADAPAN YANG LESTARI

Muka hadapan untuk Laporan Kelestarian sukarela kami yang kedua ini bertemakan **Mencorak Masa Hadapan Yang Lestari**. Ia memberikan gambaran holistik akan komitmen kami terhadap pengendalian perniagaan dan operasi yang peka terhadap alam sekitar dan tanggungjawab sosial, sambil menegaskan nilai-nilai tadbir urus yang terbaik. Ini adalah selaras dengan misi kami bagi *Menghubungkan Komuniti untuk Mencorakkan Masa Hadapan yang Selamat dan Lestari*. Jalan yang mengelilingi gambar tengah menggambarkan kebolehubungan rangkaian lebuh raya kami yang melebihi 1,130km di Semenanjung Malaysia, disertakan dengan grafik-grafik unik yang memaparkan kepelbagaian perkhidmatan dan kemudahan kami yang menggambarkan matlamat jenama kami iaitu *Menjaga Anda Di Sepanjang Perjalanan*. Kanak-kanak di bahagian tengah muka hadapan ini melambangkan masa hadapan yang diamanahkan kepada kami, termasuk individu-individu yang membentuk nadi perniagaan dan operasi kami dalam melangkah ke masa hadapan.

MENGENAI LAPORAN INI

Kami di PLUS menghubungkan komuniti untuk mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari.

Misi kami di PLUS Malaysia Berhad (PLUS) adalah *Menghubungkan Komuniti untuk Mencorakkan Masa Hadapan yang Selamat dan Lestari*. Sebagai pengendali lebuh raya sepanjang 1,130 km untuk membolehkan aktiviti-aktiviti ekonomi dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia, kami turut memainkan peranan penting sebagai pemacu amalan kelestarian dalam ekosistem. Kami komited untuk memastikan perniagaan dan operasi kami dikendalikan secara peka terhadap alam sekitar, bertanggungjawab terhadap keperluan sosial serta menegakkan nilai tadbir urus yang baik.

Menerusi Laporan ini, kami menzahirkan pendekatan kami terhadap kelestarian, perkara-perkara utama yang diperbaharui, serta komitmen berterusan ke arah memajukan agenda kelestarian selaras dengan pelbagai piawaian yang diiktiraf. Ini meletakkan kami dalam kedudukan yang lebih baik untuk memahami keperluan pihak-pihak berkepentingan dan mengemudi organisasi ke arah masa hadapan yang lebih lestari untuk semua.

SKOP DAN RANGKUMAN

Maklumat yang dizahirkan dalam Laporan ini meliputi keseluruhan operasi dan aktiviti PLUS mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022 melainkan dinyatakan sebaliknya.

Bagi memastikan data, statistik dan maklumat dalam Laporan ini tepat dan lengkap, kami telah melaksanakan proses kawalan dalaman dan pengesahan sewajarnya.

PIAWAIAN PELAPORAN

Kami telah mengguna pakai amalan terbaik pelaporan korporat dalam menyediakan Laporan ini, dengan pendedahan-pendedahan yang merujuk kepada Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia Berhad (Edisi ke-3) dan Kod Tadbir Urus Korporat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Laporan ini juga telah disediakan selaras dengan Piawaian Sejagat Inisiatif Pelaporan Global (GRI) dan Cadangan-cadangan Jawatankuasa Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD).

MAKLUM BALAS

Kami terus berusaha untuk menambah baik lagi piawaian penzahiran kami dan memacu integrasi amalan-amalan kelestarian yang lebih bermakna dalam organisasi kami. Oleh yang demikian, kami mengalu-alukan sebarang maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan. Sebarang pertanyaan dan maklum balas boleh dikongsikan kepada kami menerusi e-mel ke sustainability@plus.com.my atau saluran komunikasi yang disenaraikan di laman web kami, www.plus.com.my.



Di dalam Laporan ini, kami meletakkan beberapa kod QR dengan pautan luar untuk memberi anda lebih banyak maklumat mengenai inisiatif kelestarian kami, serta pautan kepada pelbagai platform Media Sosial PLUS. Imbas kod QR ini untuk dihubungkan ke laman web korporat PLUS.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA DENGAN MEMAJUKAN KELESTARIAN



**Dato' Mohamad
Nasir Ab. Latif**
*Pengerusi,
PLUS Malaysia Berhad*

PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

“

Saya dengan sukacitanya ingin mempersembahkan kepada anda Laporan Kelestarian sukarela kami yang kedua, meliputi jangka masa 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022. Sepanjang dua tahun yang lalu, kami telah mencapai kemajuan yang ketara dalam kembara kelestarian kami yang berterusan. Laporan ini memperincikan inisiatif-inisiatif yang telah kami lancarkan untuk mencipta nilai jangka masa panjang untuk dikongsikan bersama.

”

PERUTUSAN PENERUSI KAMI

Menghayati Misi yang Holistik

Sebagai peneraju yang mengendalikan rangkaian lebuh raya sepanjang lebih 1,130km, misi kami mengemudi pendekatan yang diambil dalam semua usaha kami. Menyedari hakikat ini, kami telah memperbaharui misi kami untuk mencerminkan tumpuan yang lebih baik terhadap aspek kelestarian dan keselamatan demi kesejahteraan Warga PLUS, para pelanggan dan pihak berkepentingan yang bekerjasama dengan kami. Hal sedemikian memperkukuhkan lagi komitmen asas kami terhadap pembangunan negara. Misi kami yang telah diperbaharui adalah seperti berikut:

Kami menghubungkan komuniti untuk mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari.

Teras misi kami adalah menghubungkan komuniti dari pelbagai segmen geografi bagi membolehkan aktiviti ekonomi dan sosial untuk meningkatkan mutu kehidupan. Kami melaksanakan peranan kami dengan mengutamakan keselamatan dan memupuk budaya tersebut bagi kepentingan semua.

Kami komited untuk memastikan perniagaan dan operasi kami dikendalikan secara peka terhadap alam sekitar, bertanggungjawab terhadap keperluan sosial serta menegakkan nilai tadbir urus yang baik. Ini bermakna kami perlu berdaya tahan, mengambil peluang yang ada untuk mencipta nilai dan menguruskan risiko secara berhemah ke arah mencapai kelestarian kewangan dan

operasi, dengan memanfaatkan pelbagai kemajuan teknologi. Sebagai peneraju industri, kami bertanggungjawab membentuk masa hadapan industri serta masyarakat menerusi kolaborasi dan kerjasama dengan Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.

Melaksanakan Pendekatan Kelestarian yang Komprehensif

Pendekatan kami terhadap kelestarian adalah selaras dengan aspirasi nasional, termasuk Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), serta menepati keperluan pihak berkepentingan. Kami berusaha untuk memajukan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDGs) menerusi aktiviti kelestarian kami yang berpanduan piawaian kelestarian tempatan dan antarabangsa.

Menyedari betapa pentingnya ekosistem di mana kami beroperasi, kami mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan luaran dan dalaman kami untuk memahami apa yang mereka anggap penting dari segi kelestarian agar kami dapat mengambil kira keutamaan-keutamaan mereka tersebut dalam merangka inisiatif-inisiatif kelestarian yang bermakna dan mempunyai impak.

Struktur tadbir urus kami yang kukuh membolehkan kelestarian disepadukan dengan jayanya ke dalam strategi, perniagaan dan operasi kami. Hal sedemikian menjadi panduan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif dan pengukuhan budaya kelestarian. Selari dengan perkara ini, kami mengamalkan ketelusan dalam pendekatan kelestarian kami dengan menzahirkan kemajuan dan prestasi inisiatif-inisiatif kami menerusi pelbagai saluran, termasuk Laporan sukarela ini yang diterbitkan setiap dua tahun.



Ibu Pejabat kami, Persada PLUS di Petaling Jaya, Selangor.

PERUTUSAN PENERUSA KAMI

Menguatkan Daya Tahan Komuniti

Semasa pandemik COVID-19, kami berusaha sedaya upaya untuk memastikan kelancaran perkhidmatan kami sambil menjaga kesihatan dan keselamatan komuniti, rakan niaga kami, Warga PLUS serta pelanggan lebuhraya. Kesemua usaha ini diteruskan ketika negara memasuki fasa endemik dan beralih ke norma-norma baru.

Bagi menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), kami menjadikan premis perniagaan kami sebagai Pusat Integrasi Vaksinasi Awam (IPVC) yang diuruskan oleh anggota perubatan dan para sukarelawan yang bertugas menguruskan pemberian vaksin kepada lebih 39,000 individu. Sejurus itu, kami menyokong pemulihan pasca pandemik rakan niaga kami menerusi pelancaran kempen "Satu Pembelian, Seribu Harapan" bertujuan untuk menggalakkan pembelian di Kawasan Rehat & Rawat (R&R), bantuan pembayaran sewa dan program-program latihan supaya mereka boleh menyesuaikan diri dengan norma baru.

Perubahan iklim merupakan satu lagi ancaman kritikal kepada komuniti, dan sebagai tindak balas terhadap kekerapan berlakunya banjir, kami telah berjaya merangka dan melaksanakan Pelan Komprehensif Persediaan Menghadapi Banjir. Ia merangkumi langkah-langkah pencegahan, pengesanan dan pembetulan di mana pelan ini memberi tumpuan kepada usaha memastikan keselamatan pelanggan lebuhraya, komuniti rentan serta Warga PLUS semasa krisis dan kecemasan. Pelan tersebut telah dilaksanakan ketika bencana banjir di Selangor dan Terengganu pada tahun 2021, di mana kami bertindak melebihi jangkaan bagi membantu pelanggan lebuhraya kami dengan cara memindahkan mereka ke tempat yang lebih selamat, serta menyediakan makanan dan tempat berlindung untuk mereka. Setelah banjir surut, kami hulurkan bantuan untuk membina semula kehidupan. Ini adalah selari dengan matlamat jenama kami iaitu *Menjaga Anda Di Sepanjang Perjalanan*.



Pengerusi kami (dua dari kanan) melawat mangsa banjir untuk menyampaikan bantuan kewangan dan makanan, bersama Pengarah Urusan kami (tiga dari kanan).

Menerajui Tindakan Alam Sekitar

Sejak pelancaran Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 1.0, kami telah berjaya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) secara ketara melalui kombinasi inisiatif cekap tenaga seperti pengubahsuaian lampu-lampu LED di sepanjang lebuhraya dan kemudahan kami serta pemasangan panel solar bagi memanfaatkan tenaga suria. Ini membawa kepada pengurangan pelepasan karbon bagi Skop 1 dan 2 melebihi 21,000 tCO₂e yang merupakan penambahbaikan sebanyak 23.5% berbanding garis dasar 2017.

Pengurangan pelepasan Skop 1 dan 2 sebanyak **23.5%** adalah bersamaan dengan:




menyelamatkan **357,274 pokok⁽ⁱ⁾**, atau



menyediakan keperluan tenaga untuk **2,723 isi rumah⁽ⁱⁱ⁾**

Bagi mengekalkan momentum kejayaan ini, Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0 akan menjadi panduan kami bagi mencapai pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 35% menjelang 2030 dan Sifar Bersih menjelang 2050 menerusi strategi mitigasi yang komprehensif.



Ilustrasi strategi mitigasi sifar bersih kami.

- (i) Andaian bahawa setiap isi rumah menggunakan 11,880 kWh tenaga elektrik secara purata setiap tahun.
- (ii) Berdasarkan jumlah sekustrasi karbon dalam jangka masa 10 tahun sejak benih pokok ditanam.

Sumber: <https://www.epa.gov/energy/greenhouse-gas-equivalencies-calculator>

PERUTUSAN PENERUSI KAMI

Bagi meningkatkan lagi usaha-usaha tindakan iklim, kami berganding tenaga dengan Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pelbagai pihak untuk memperluaskan lagi rangkaian stesen pengecas kenderaan elektrik di sepanjang lebuhraya kami. Dengan menerajui usaha menggiatkan penggunaan kenderaan elektrik, kami bukan sahaja menyokong Pelan Hala Tuju Teknologi Hijau Malaysia (2017 – 2030) dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (2021–2030), bahkan juga memudahkan para pelanggan lebuhraya untuk mengamalkan gaya hidup hijau.

Pada masa yang sama, kami juga komited terhadap penerapan amalan ekonomi kitaran dalam perniagaan dan operasi kami, dengan memberikan tumpuan kepada penyelesaian turapan jalan yang lestari, pengurusan sumber secara bertanggungjawab serta pengurangan penggunaan bahan dan air.

Menerajui Keselamatan dan Memanfaatkan Teknologi

Keselamatan tenaga kerja dan pelanggan lebuhraya adalah keutamaan PLUS. Sejak dua (2) tahun lalu, kami telah mencapai pengurangan Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecelakaan (*Lost Time Injury*) (LTI) sebanyak 97% melalui pelbagai amalan kesihatan dan keselamatan kami yang teguh dan meluas.

Dalam jangka masa tersebut, kami telah melaksanakan Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP), kekal patuh kepada piawaian kesihatan dan keselamatan, memastikan komunikasi berkenaan kesihatan dan keselamatan dijalankan secara berkesan serta budaya kesihatan dan keselamatan diamalkan dalam persekitaran yang kondusif. Kami akan terus mara ke arah pencapaian Sasaran Sifar bagi kemalangan yang boleh dicegah dan LTI sambil membimbing rakan niaga ekosistem lebuhraya kami bagi memperkukuhkan budaya kesihatan dan keselamatan.

Ia adalah kritikal untuk setiap pengguna lebuhraya berasa selamat dan dilindungi sepanjang perjalanan mereka. Bagi mencapai matlamat ini, kami menggerakkan pasukan PLUS Ronda dan LPT2 Ronda untuk menyediakan bantuan kepada pengguna lebuhraya semasa kecemasan. Pasukan kami dapat bertindak dengan lebih pantas bagi membantu pelanggan dengan memanfaatkan teknologi maju yang dipasang pada kenderaan rondaan.

Teknologi merupakan faktor utama dalam usaha kami mencapai kecemerlangan operasi, ini terbukti dengan pengurangan masa pemeriksaan penyelenggaraan sebanyak 98% dengan penggunaan Pesawat Tanpa Pemandu (UAV) atau dron. Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) bagi memenuhi pelbagai fungsi utama membolehkan kami mengesan dan menghalang percubaan membunuh diri di Jambatan Pulau Pinang serta memudahkan pengenalpastian kerosakan turapan jalan raya. Pada masa kini, kami juga sedang meneroka penggunaan AI di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) bagi menambahbaik pengalaman para pelanggan lebuhraya kami.



Warga PLUS menjalankan pemeriksaan penyelenggaraan di Bukit Lanjan, Kuala Lumpur.



Pasukan PLUS Ronda kami bersedia untuk berkhidmat kepada pelanggan lebuhraya kami.

PERUTUSAN PENERUS KAMI

Membangunkan Tenaga Kerja dan Komuniti

Kami komited untuk memupuk budaya tempat kerja inklusif yang menghargai kepelbagaian dan menggalakkan peluang sama rata, pada masa yang sama membantu pembangunan sosioekonomi komuniti jajaran lebuh raya kami.

Kami mempunyai kepelbagaian dalam tenaga kerja di mana 50% adalah wanita, di samping itu, sebanyak 30% jawatan kepimpinan disandang oleh wanita. Semua Warga PLUS mendapat manfaat daripada fokus kami terhadap peningkatan kemahiran dengan lebih 54,000 jam latihan dirakamkan sejak dua (2) tahun lalu. Selari dengan ini, kami juga telah melancarkan Polisi Hak Asasi Manusia yang pertama dalam industri sebagai pemangkin kepada penambahbaikan amalan pekerjaan.

Kami bersemangat dalam membina masyarakat yang bersedia untuk masa hadapan. Oleh hal yang demikian, kami menerajui Agenda Pemerakasan Bumiputera Kerajaan, di mana kami berusaha memperjuangkan peningkatan sosioekonomi komuniti Bumiputera. Kami melaksanakannya menerusi pelbagai saluran dan program, termasuk Program Pembangunan Vendor (VDP) yang memperkasakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Bumiputera untuk membantu mereka memenuhi aspirasi keusahawanan mereka. Sepanjang lima (5) tahun yang lalu, kami telah menyumbangkan lebih RM12.5 juta untuk program-program sosial dan bantuan kewangan termasuk Zakat, yang memanfaatkan lebih 128,000 individu secara keseluruhannya.



Rakan niaga kami memastikan kebersihan dan keselamatan di salah satu Kawasan Rehat & Rawat (R&R) kami.

Menegakkan Tadbir Urus yang Baik

Kami mendukung piawai tadbir urus yang baik dan telah meletakkan langkah-langkah kawalan sewajarnya bagi memastikan kebertanggungjawapan dan ketelusan dalam apa jua yang kami lakukan.

Berikutan perkembangan pesat dalam penggunaan teknologi, ancaman keselamatan siber dan privasi data semakin bertambah.

Oleh hal yang demikian, kami telah meningkatkan fokus terhadap keselamatan maklumat dengan pengukuhan ekosistem pengurusan data kami menerusi pelaksanaan strategi-strategi keselamatan yang berkesan bagi menjamin keselamatan data, melindungi privasi pelanggan dan mengelakkan ancaman siber.

Kami serius dalam menerapkan amalan integriti bukan sahaja dalam organisasi kami, malah juga meliputi keseluruhan ekosistem operasi kami. Program advokasi dan celik integriti kami merangkumi latihan dan usaha memacu kesedaran dalam kalangan 3,800 Warga PLUS dan lebih 400 vendor dan kontraktor.

Keberkesanan amalan tadbir urus kami terbukti menerusi daya tahan kami semasa pandemik COVID-19, di mana kami berjaya mengimbangi keperluan pergerakan anggota barisan hadapan, barangan keperluan dan perkhidmatan dengan isu keselamatan yang sangat kritikal pada ketika itu. Tindakan wajar yang telah kami pertimbangkan dan laksanakan mendapat pujian pelbagai pihak, seterusnya menjadikan kami lebih bersemangat untuk melaksanakan usaha berterusan dalam suasana norma baru.



Pengerusi kami menerima tanda penghargaan daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di majlis Perasmian OP Selamat.

Menerajui Advokasi Kelestarian

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk membangunkan negara, kami menerajui advokasi kelestarian menerusi penglibatan kami dalam pelbagai lembaga penasihat, majlis-majlis di peringkat nasional, jawatankuasa industri dan persatuan.

Kami bekerjasama dengan bakat-bakat muda dan pemimpin masa hadapan dengan cara berkongsi kemahiran dan pandangan yang diperlukan untuk berjaya sambil memupuk pemikiran yang menghargai alam sekitar dan peka terhadap keselamatan.

Menerusi tindakan-tindakan khusus tersebut, kami telah mengorak langkah ke arah kemajuan yang memberangsangkan dalam pengembaraan kelestarian kami sejak penerbitan Laporan Kelestarian yang lepas. Sebagai penghargaan ke atas segala usaha kami, kami telah dinobatkan oleh para pelanggan dan rakyat Malaysia amnya sebagai salah satu daripada lima (5) Jenama Paling Dipercayai di negara, seterusnya menerima pelbagai pensijilan,

PERUTUSAN PENERUSI KAMI

anugerah dan pengiktirafan daripada badan-badan tempatan dan antarabangsa yang terkemuka.



Anggota PLUS Ronda kami berinteraksi dengan pelajar-pelajar sekolah rendah ketika Program Bersama Komuniti.

Perjalanan Diteruskan

Kejayaan membawa bersamanya perubahan dan peluang untuk mengiktiraf mereka yang telah menyumbang kepada perjalanan kami. Sehubungan dengan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Puan Rohaya Mohammad Yusof atas sumbangan beliau yang tidak ternilai dan dedikasi tidak berbelah bagi semasa beliau meyardang jawatan ahli Lembaga Pengarah. Kami amat beruntung kerana berpeluang memanfaatkan kepakaran dan mendapat bimbingan daripada beliau.

Selaku wakil Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan, saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Datuk Azman Ismail atas kepimpinan beliau yang cemerlang, visi strategik dan sumbangan yang tidak ternilai kepada organisasi sepanjang perkhidmatannya selama enam tahun, yang telah membolehkan PLUS mencapai pelbagai kejayaan dari sudut inovasi, teknologi, kecemerlangan operasi, tadbir urus dan integriti. Komitmen beliau yang tidak berbelah bagi terhadap kelestarian menjadi inspirasi kepada kami semua. Beliau akan dikenang atas profesionalisme, integriti dan dedikasi beliau kepada kecemerlangan.



Pengerusi kami memberikan tanda penghargaan kepada Pengarah Urusan atas sumbangan dan kepimpinan beliau di PLUS.

Sehubungan dengan itu, saya dengan sukacitanya mengalu-alukan kedatangan Datuk Nik Airina Nik Jaffar, yang akan mengambil alih pucuk kepimpinan sebagai Pengarah Urusan pada 1 Mei 2023. Datuk Nik Airina membawa bersamanya ilmu dan kepakaran yang meluas, dengan pengalaman melebihi 30 tahun dalam industri infrastruktur, pengangkutan dan kesihatan, di mana beliau telah berkhidmat dalam pembangunan, pelaksanaan dan operasi projek-projek infrastruktur berskala besar di rantau ini. Kepimpinan beliau amat bernilai dalam mengemudi liku-liku cabaran dan memanfaatkan peluang-peluang yang mendatang di masa hadapan.

Akhir kata, ini adalah masanya untuk meneruskan perjalanan dan memberikan pulangan nilai yang lebih berharga untuk semua. Mari kita terus mara ke hadapan bagi mewujudkan masa hadapan yang lebih cerah dan lestari untuk industri dan juga negara kita secara keseluruhannya.



Kanak-kanak dari Pusat Perkembangan Kanak-kanak kami sedang mengibarkan Jalur Gemilang.

Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif

Pengerusi

PLUS Malaysia Berhad

KAMI ADALAH PLUS



Pasukan PLUSRonda kami bersedia berkhidmat untuk negara.



“

PLUS merupakan Rakan Strategik yang memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan sosioekonomi melalui pengendalian lebuhraya mereka yang menghubungkan komuniti di Semenanjung Malaysia, seterusnya merancakkan kegiatan ekonomi yang pesat dan inklusif.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh PLUS dapat mewujudkan ekosistem lebuhraya yang mementingkan aspek kelestarian, selari dengan dasar nasional, terutamanya matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

”

**YBhg. Datuk Seri Hj.
Hasnol Zam Zam Ahmad⁽ⁱ⁾**
*Ketua Setiausaha (KSU),
Kementerian Kerja Raya
Malaysia*



“

Kementerian Pengangkutan menyambut baik usaha pihak PLUS yang sentiasa bersedia berganding bahu dengan Kerajaan dalam menjayakan agenda kelestarian sektor pengangkutan di Malaysia.

Seiring dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 yang turut mempromosikan ekosistem pengangkutan hijau, kemudahan stesen pengcas kenderaan elektrik (EV) di sepanjang lebuhraya seliaan PLUS akan menjadi pemangkin dalam mempercepat peralihan kepada mobiliti rendah karbon. Inisiatif ini juga adalah sejajar dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara neutral karbon menjelang tahun 2050 bagi menangani isu perubahan iklim.

”

**YBhg. Dato' Jana
Santhiran Muniayan**
*Ketua Setiausaha (KSU),
Kementerian Pengangkutan
Malaysia*



Sila imbas kod QR ini untuk
menonton video anggota PLUSRonda
kami berkongsi pengalaman and
cabaran mereka.

Nota

(i) YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Ahmad telah dilantik sebagai KSU, Kementerian Kerja Raya Malaysia pada 4 April 2023.

LATAR BELAKANG KAMI



Pemandangan dari udara Restoran Jejantas (OBR) Ayer Keroh.

Pada 29 November 2010, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah ditubuhkan untuk memperoleh semua aset dan liabiliti PLUS Expressways Berhad, yang sebelum ini merupakan sebuah entiti tersenarai. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan ini, PLUS telah menjadi syarikat induk bagi entiti-entiti berikut:

1. Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad;
2. Expressway Lingkaran Tengah Sdn. Bhd. (ELITE);
3. Linkedua (Malaysia) Berhad (Linkedua);
4. Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim Sdn. Bhd. (KLBK); dan
5. TERAS Teknologi Sdn. Bhd. (TERAS)

Selain lima (5) entiti tersebut, PLUS turut memperoleh Penang Bridge Sdn. Bhd (PBSB), yang sebelum ini merupakan pemilik konsesi Jambatan Pulau Pinang pada masa itu, daripada UEM Builders, iaitu sebuah anak syarikat pemegang saham PLUS, iaitu UEM Group Berhad.

Pada tahun 2011, Projek Usahasama Berhad, anak syarikat milik PLUS, telah diperbadankan untuk melaksanakan penggabungan konsesi lebuhraya sedia ada milik PLUS di bawah satu entiti tunggal. Ini termasuk menjalankan novasi terhadap semua konsesi lebuhraya daripada syarikat-syarikat konsesi, khususnya Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad, ELITE, Linkedua, KLBK dan PBSB yang telah dilaksanakan pada 12 Januari 2012.


Pada tahun 2016, PLUS memperbadankan Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. (LPT2), untuk menguruskan, menyelenggara dan menjalankan operasi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2.

Dengan lengkapnya penggabungan konsesi lebuhraya dan penggabungan LPT2 dalam keluarga PLUS, kami kini muncul sebagai pengendali lebuhraya bertol terbesar di Malaysia dan juga antara yang terbesar di Asia Tenggara. Kami memikul tanggungjawab besar yang tidak boleh dipandang remeh dan akan terus berusaha ke arah kejayaan yang lebih tinggi.

Rangkaian lebuhraya kami yang melebihi 1,130 kilometer di Semenanjung Malaysia adalah penting untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang lestari dengan memastikan pengangkutan barangan dan perkhidmatan yang selamat, mewujudkan peluang pekerjaan dan memberikan kebebasan pergerakan kepada rakyat.

Kami merupakan peneraju dalam meningkatkan martabat industri lebuhraya di samping memanfaatkan revolusi digital kami untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan kami. Dengan mengguna teknologi dalam semua aspek perkhidmatan, kami giat berusaha untuk membolehkan perjalanan yang lebih selamat, lebih lancar dan lebih selesa kepada pelanggan kami, di samping membolehkan mereka menikmati pengalaman perjalanan yang positif.

STRUKTUR KORPORAT KAMI



MISI, MATLAMAT JENAMA DAN NILAI-NILAI KAMI

Misi Kami

Kami menghubungkan komuniti untuk mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari.



Kami Menghubungkan Komuniti

Kami menghubungkan komuniti dari pelbagai segmen geografi, sosial (secara fizikal dan digital) serta ekonomi dan menjadi perantara yang penting kepada masyarakat bagi menambahbaik kualiti hidup.



Untuk Mencorakkan

Selaku peneraju industri, kami memainkan peranan penting untuk mencorakkan masa hadapan industri dan masyarakat. Ini memerlukan kerjasama yang utuh dari pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Kerajaan.



Selamat

Kami dikenali sebagai sebuah syarikat yang mengutamakan keselamatan (secara fizikal di pejabat dan lapangan atau secara digital). Kami ingin terus menjuarai dan menerapkan budaya keselamatan bagi memastikan masa hadapan yang selamat buat semua pihak berkepentingan.



Masa Hadapan Yang Lestari

Kami amat komited untuk beroperasi secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan masyarakat sambil mengekalkan amalan tadbir urus yang baik. Ini termasuk membina daya tahan, sentiasa mengambil peluang dan mengurus risiko, seiring dengan kemajuan teknologi.

Di PLUS, matlamat jenama kami adalah untuk Menjaga anda di sepanjang perjalanan.

Teras Jenama Kami



Keselamatan

PLUS menggandakan usaha untuk menyediakan pengalaman perjalanan yang selamat kepada semua



Keselesaan

PLUS menjaga keselesaan anda dan keluarga anda, sebelum, semasa dan selepas perjalanan



Impak Sosial

PLUS menjaga kesejahteraan dan kelestarian komuniti tempatan di sepanjang jajaran lebuh raya kami



Insan

PLUS merupakan syarikat yang paling disegani di Malaysia kerana kesungguhan untuk berkhidmat kepada negara



Teknologi

PLUS membolehkan pengalaman perjalanan yang lancar dan tanpa gangguan melalui penyelesaian inovatif dan dipacu teknologi

Nilai-nilai Korporat Kami



Prihatin Terhadap Anda



Melakukan Sesuatu Dengan Lebih Baik



Bekerjasama Menuju Kejayaan



Berbangga Dengan Kejayaan




Komited Terhadap Perkembangan Anda



Komunikasi Yang Telus Dan Terbuka

RANGKAIAN LEBUH RAYA KAMI



Projek Lebuhraya Usahasama Berhad

1. Lebuhraya Utara-Selatan **NSE**
 2. Lebuhraya Baru Lembah Klang **NKVE**
 3. Lebuhraya Seremban-Port Dickson **SPDH**
- Jarak:** 805.8km

4. Lebuhraya Hubungan Kedua Malaysia-Singapura **LINKEDUA**
- Jarak:** 47km

5. Jambatan Pulau Pinang **PB**
- Jarak:** 13.5km

6. Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah **ELITE**
- Jarak:** 63km

7. Lebuhraya Butterworth-Kulim **BKE**
- Jarak:** 17km

Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd.

8. Lebuhraya Pantai Timur 2 **LPT2**
- Jarak:** 184km

OPERASI DAN KEMUDAHAN KAMI


- | | | |
|---|---|------------------------|
| 1 Kamera Televisyen Litar Tertutup (CCTV) di Plaza Tol | 4 Lampu Jalan | 7 Landskap |
| 2 Lampu Tiang Tinggi | 5 Papan Tanda Penunjuk Arah | 8 Papan Tanda Had Laju |
| 3 Kamera Pengecaman Automatik Plat Lesen Kenderaan (ALPR) | 6 Kawasan Rehat & Rawat (RSA)/ Restoran Jejantas (OBR)/ Hentian Sebelah | 9 CCTV Lebuhraya |




Kemudahan


104


Plaza Tol


128


Persimpangan Bertingkat


29

Kawasan Rehat dan Rawat


2

Restoran Jejantas


50

Hentian Sebelah


173

Tandas Awam


132

Surau

Aset


5,100

Lorong-KM Turapan Jalan


705

Jambatan


2

Terowong


4,136 KM

Penghadang Lebuhraya


60 KM


Penghalang Tali Wayar


4,055 KM

Pagar Lebuhraya

OPERASI DAN KEMUDAHAN KAMI

- | | | |
|--|---------------------------------------|--------------------------------|
| 10 Timbang Dalam Gerakan (WIM) | 13 Papan Tanda Mesej Boleh Ubah (VMS) | 16 Papan Tanda SMARTLane |
| 11 Pondok Berteduh Motosikal | 14 Pesawat Tanpa Pemandu (UAV) | 17 Kenderaan Rondaan PLUSRonda |
| 12 Sistem Pengesanan Kenderaan Lebih Saiz (OSVD) | 15 Vista Point | 18 Telefon Kecemasan |



1,721

Lampu Tiang Tinggi



39,624

Lampu Jalan



88

Papan Tanda
Mesej Boleh Ubah



2,770

Kamera Televisyen
Litar Tertutup



1,119

Telefon
Kecemasan



3

Pesawat Tanpa
Pemandu



8,346

Cerun



6,036

Pembetung

Perkhidmatan Rondaan

590

Anggota
Peronda



90

Anggota Sokongan
Pemantauan Trafik



140

Kenderaan
Rondaan



39

Motosikal



28

Trak Tunda
Slide Deck



17

Trak Tunda



STRUKTUR LEMBAGA DAN PENGURUSAN KAMI

Struktur Tadbir Urus Kami

Kami melihat tadbir urus yang baik sebagai nadi penyampaian nilai lebih besar kepada semua pihak berkepentingan kami. Sehubungan dengan itu, kami berusaha memupuk pematuhan ketat kepada piawaian tertinggi integriti dan etika perniagaan di setiap peringkat dalam organisasi kami. Barisan Lembaga Pengarah kami membuat pertimbangan yang bebas dan wajar berhubung strategi, prestasi serta pengurusan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka. Secara kolektif, mereka menawarkan kepakaran meluas meliputi pelbagai bidang, termasuk perakaunan, kewangan, ekonomi, kejuruteraan dan pembangunan lestari, supaya keputusan yang dibuat berkaitan perkara-perkara kelestarian adalah menyeluruh dan berkesan.

Jawatankuasa Lembaga Kami

Jawatankuasa Lembaga kami membantu Ahli Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab berkanun dan fidusiari mereka. Jawatankuasa Lembaga dan fungsinya adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian

Menyelia dan memberikan hala tuju berhubung semua perkara berkaitan tadbir urus, pengurusan risiko, kepatuhan, kelestarian dan integriti.

Jawatankuasa Pelaburan & Tender

Menyemak cadangan projek-projek pelaburan dan tender yang melebihi Had Kuasa Budi Bicara (DAL) Pengarah Urusan yang diluluskan, selaras dengan pemberian kuasa oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan

Mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai penamaan ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga serta anggota Pengurusan Kanan yang baharu. Selain itu, ia turut membantu Lembaga Pengarah menyemak prestasi kakitangan, pakej imbuhan dan perancangan penggantian.

Jawatankuasa Audit

Menyediakan pemantauan terhadap kecekapan kawalan dalaman, proses pelaporan kewangan dan sistem maklumat pengurusan, termasuk transaksi pihak berkaitan.

Jawatankuasa Pengurusan

Pihak pengurusan kami mempunyai pengalaman yang meluas dan ditugaskan untuk mengemudi organisasi dan melaksanakan strategi-strategi korporat. Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah ditubuhkan untuk membantu dalam proses membuat keputusan selaras dengan hala tuju yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pengarah, di samping menyediakan satu saluran untuk perbincangan, pemantauan dan penyelesaian masalah secara kolektif bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi.



Sesi perancangan pelan operasi tahunan untuk pihak pengurusan kanan.

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATO' MOHAMAD NASIR AB. LATIF

*Pengerusi Bebas
Bukan Eksekutif*

64



Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia
- Diploma Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Ijazah Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari University of Sterling, United Kingdom

Pengalaman

- Kerjaya Dato' Mohamad Nasir di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selama 37 tahun bermula sebagai Pegawai Penguatkuasa dan seterusnya dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Besar Jabatan Ekuiti Antarabangsa sebelum menyandang jawatan Ketua Pelaburan KWSP pada tahun 2013.
- Beliau bersara sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP pada 31 Disember 2019.
- Sepanjang kerjayanya, beliau aktif menggalakkan tadbir urus yang baik dalam dunia korporat di Malaysia. Ini termasuk mengadakan libat urus yang kerap melalui dialog awam dengan Kerajaan, pengawal selia serta pemimpin industri untuk meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.
- Beliau juga merupakan sebahagian daripada Jawatankuasa Putrajaya bagi GLC (PCG) untuk Program Transformasi Prestasi Tinggi yang merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan prestasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dengan menyelaras inisiatif untuk mengukuhkan struktur Lembaga Pengarah, sistem kawal selia, pengurusan modal, pembangunan kepemimpinan dan modal insan dan lain-lain.
- Pada tahun 2019, Dato' Mohamad Nasir merupakan Pengerusi Majlis Pelabur Institusi Malaysia.
- Kini beliau adalah Pengerusi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Keahlian Pengarah dalam Organisasi Lain

- Malaysian Resources Corporation Berhad
- United Plantations Berhad
- RHB Bank Berhad
- RHB Islamic Bank Berhad
- Yinson Holdings Berhad

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATO' MOHD IZANI GHANI

*Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif*

54



Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Sains (Ekonomi) pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli Institut Kewangan Islam Profesional Bertauliah

Pengalaman

- Dato' Mohd Izani dilantik sebagai Pengarah Eksekutif UEM Group Bhd. (UEM Group) pada 1 Januari 2019 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 1 Ogos 2019.
- Beliau mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang pelaburan dan pengurusan. Sebelum menyertai UEM, beliau merupakan Pengarah Eksekutif, Pelaburan di Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) di mana beliau mengawasi Pejabat Wilayah Turki.
- Beliau merupakan mantan Ketua Pegawai Kewangan Khazanah, di mana bawah kepimpinan beliau, Khazanah telah menerbitkan pelbagai urus niaga sukuk utama termasuk sukuk boleh ubah dan Sukuk Impak Sosial.
- Beliau juga pernah berkhidmat di Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. dan Renong Group.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- UEM Group Berhad
- UEM Sunrise Berhad
- UEM Edgenta Berhad
- UEM Builders Berhad
- Projek Lebuh raya Usahasama Berhad
- PLUS Expressways International Berhad
- Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)
- Yayasan UEM
- Konsortium ProHAWK Sdn. Bhd.
- Samsung C&T Corporation UEM Construction JV Sdn. Bhd.
- Unipati Concrete Sdn. Bhd.
- International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.

Keahlian Jawatankuasa Lembaga dalam PLUS

- Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian (Pengerusi)
- Jawatankuasa Audit

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



MOHAMAD HAFIZ KASSIM

*Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif*



Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Sains (Ekonomi), pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Penganalisis Kewangan Berkanun (CFA)

Pengalaman

- Beliau merupakan Ketua Pegawai Kewangan KWSP.
- Hafiz memulakan kerjaya beliau di Telekom Malaysia sebagai Penganalisis Pelaburan pada tahun 1997 dan sebelum itu, berkhidmat di PricewaterhouseCoopers (PwC) (Kuala Lumpur dan London) dan Daiwa Capital.
- Beliau menyertai KWSP pada tahun 2008 dan mengetuai pelbagai jabatan pelaburan termasuk Pasaran Swasta, Pasaran Modal dan Hartanah.
- Di samping peranan beliau di KWSP, beliau merupakan Pengarah Urusan Kwasa Land Sdn. Bhd.
- Beliau memiliki pengalaman korporat selama lebih 20 tahun dengan kepakaran dan pengetahuan meluas dalam bidang Hartanah, Pasaran Modal, Ekuiti Swasta, Perkhidmatan Kewangan dan Perakaunan.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- Malaysian Resources Corporation Berhad.
- QSR Brands (M) Holdings Bhd.
- SWM Environment Sdn. Bhd.
- Kwasa Land Sdn. Bhd.

Keahlian Jawatankuasa Lembaga dalam PLUS

- Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI

**WONG SHU HSIEN**

*Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif*

49

**Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian**

- Ijazah Ekonomi dari University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA)

Pengalaman

- Wong Shu Hsien menyertai Khazanah Nasional Bhd. pada Februari 2005 dari Bina Fikir Sdn. Bhd. dan kini menyandang jawatan Pengarah Eksekutif Pelaburan di Khazanah Nasional Bhd.
- Sebelum ini beliau berkhidmat di sebuah firma ekuiti swasta yang dikenali sebagai Emerging Markets Partnership, Penasihat Utama kepada Tabung Infrastruktur II AIG.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- UEM Group Berhad
- Malaysia Airports Holdings Berhad
- Malaysia Aviation Group Berhad
- Malaysia Airlines Berhad
- Themed Attraction Resorts & Hotels Sdn. Bhd.

Keahlian Jawatankuasa Lembaga dalam PLUS

- Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



ROHAYA MOHAMMAD YUSOF

*Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif*



Nota

Perkhidmatan Puan Rohaya bersama PLUS berakhir pada 6 Mac 2023. En. Azhar Ahmad telah dilantik sebagai ahli baru Lembaga Pengarah PLUS, berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Australian National University, Canberra, Australia
- Ahli Bersekutu Certified Practicing Accountant (CPA) Australia

Pengalaman

- Rohaya menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejak perantikan beliau pada Januari 2020.
- Beliau memulakan kerjaya bersama Arthur Andersen & Co. sebagai Perunding Kewangan Kanan di Bahagian Audit pada tahun 1988.
- Pada tahun 1990, beliau menyertai Maybank Investment Bank dan telah dinaikkan pangkat ke jawatan Naib Presiden Eksekutif, Perbankan Pelaburan Korporat pada tahun 2005.
- Beliau menyertai Bahagian Pelaburan KWSP sebagai Ketua Kewangan Korporat pada tahun 2008 dan pada tahun 2011, dilantik sebagai Ketua Jabatan Pasaran Modal yang mengawasi pendapatan tetap global dan domestik. Pada tahun 2017, beliau dilantik sebagai Ketua Pasaran Swasta, di mana fungsi utamanya adalah untuk melabur dalam Ekuiti Swasta, Infrastruktur serta Hartanah Global dan Serantau.
- Rohaya kini merupakan Pengerusi Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC), sejak perantikan beliau pada Januari 2020.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad
- United Plantations Berhad
- Yinson Holdings Berhad
- Malaysia Airport Holdings Berhad

Keahlian Jawatankuasa Lembaga dalam PLUS

- Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATO' NOORAZMAN ABD AZIZ

*Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif*

67



Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) Louisiana State University, USA
- Ahli Pengamal Institut Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIIF)
- Ahli Australian Institute of Company Directors
- Ahli Institut Pengarah Korporat Malaysia

Pengalaman

- Dato' Noorazman, Pengerusi UEM Sunrise Berhad dan Sun Life Malaysia, mempunyai lebih 37 tahun pengalaman dalam bidang perbankan dan kewangan, pelaburan dan pasaran modal setelah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan di Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah), Pengarah Urusan Fajr Capital Ltd, sebuah syarikat penerima pelaburan Khazanah dan menyandang beberapa jawatan penting di pelbagai institusi kewangan termasuk Citigroup, Bank Islam Malaysia Bhd., Bursa Saham Kuala Lumpur dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA).
- Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM and Lembaga Pemegang Amanah International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF).
- Beliau adalah ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan menganggotai Panel Penasihat Ancora Fund Management Co. di Indonesia dan Creador Sdn. Bhd.
- Beliau merupakan pemenang pertama Anugerah Pencapaian Jurubank Ahli Perbankan Asia 2005 bagi Kewangan Islam yang julung kali diadakan.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- UEM Sunrise Berhad
- UEM Edgenta Berhad
- Kumpulan Perangsang Selangor Berhad
- CTOS Digital Berhad
- Sun Life Malaysia Assurance Berhad
- Sunlife Malaysia Takaful Berhad
- Yayasan UEM
- International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga dalam PLUS

- Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pelaburan & Tender (Pengerusi)
- Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



LIM TIAN HUAT

*Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif*

68



Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Presiden Pengasas dan ahli Majlis Persatuan Pengamal Insolvensi Malaysia
- Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- Ahli INSOL International
- Ijazah Ekonomi (Kepujian)

Pengalaman

- Lim Tian Huat mempunyai pengalaman yang meluas dalam bidang insolvensi dan pembinaan semula di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.
- Beliau merupakan pengarang bersama buku berjudul 'The Law and Practice of Corporate Receivership in Malaysia and Singapore'.
- Beliau merupakan ahli Pesuruhjaya kepada Suruhanjaya Pampasan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Korporat di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
- MajuPerak Holdings Berhad (disenarai di Bursa Malaysia)
- Anglo-Eastern Plantations PLC, sebuah syarikat awam yang disenarai di London Stock Exchange
- DUET Acquisition Corp (disenarai di Nasdaq)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga dalam PLUS

- Jawatankuasa Audit (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pelaburan & Tender

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATO' ROSLAN IBRAHIM

*Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif*



Nota

Walaupun Dato' Roslan bukannya ahli Lembaga Pengarah PLUS, beliau adalah ahli Lembaga Pengarah Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (anak syarikat milik penuh PLUS), entiti utama yang memacu operasi kelestarian dalam PLUS.

Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari University College Swansea, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari HeriotWatt University, Edinburgh, United Kingdom

Pengalaman

- Dato' Roslan yang kini menyandang jawatan sebagai Pengarah Teknikal Projek Merdeka 118, mempunyai lebih 40 tahun pengalaman industri, termasuk rekod prestasi cemerlang dalam pengendalian projek-projek pembinaan dan pengurusan infrastruktur yang kompleks.
- Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1981 dan terlibat dalam beberapa projek mega termasuk Saluran Paip Gas Semenanjung, Menara Telekom setinggi 55 tingkat, Jambatan Putrajaya dan Menara Berkembar Petronas. Beliau berjaya mendapatkan projek-projek sulung di Sudan dan Dubai ketika berkhidmat dengan MMC Engineering Group Berhad dan IJM Corporation Berhad.
- Beliau menyertai UEM Group Bhd. (UEM Group) pada tahun 2006 dan membawa bersamanya pengalaman meluas dalam pelbagai fungsi berbeza seperti Kejuruteraan, Pembinaan dan Pembangunan Perniagaan. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau mengetuai pasukan projek untuk mereka bentuk dan membina Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, yang juga dikenali sebagai Projek Jambatan Pulau Pinang Kedua (P2B). Setelah selesai Projek P2B, beliau dilantik sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan Kumpulan. Berikutan itu, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Presiden PT Lintas Marga Sedaya, yang sebelum ini merupakan anak syarikat yang dimiliki 55% oleh UEM Group di Indonesia.
- Pada 1 Ogos 2015, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi, Pembangunan UEM Sunrise Berhad sehingga beliau menyandang jawatan sekarang pada tahun 2018.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad
- Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)
- Samsung C&T Corporation UEM Construction JV Sdn. Bhd.

Keahlian Jawatankuasa Lembaga dalam PLUS

- Jawatankuasa Pelaburan & Tender

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATUK AZMAN ISMAIL

Pengarah Urusan

59



Nota

Perkhidmatan Datuk Azman dengan PLUS berakhir pada 31 Disember 2022. Datuk Nik Airina Nik Jaffar dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 1 Mei 2023, bagi meneruskan perjalanan kelestarian PLUS.

Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Kimia, University of Nebraska Lincoln, Amerika Syarikat

Pengalaman

- Datuk Azman merupakan mantan Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. dan Pengurus Besar Perniagaan Runcit yang bertanggungjawab mengawalselia peruncitan petroleum Shell di Malaysia dan Brunei, dua jawatan yang disandang secara serentak.
- Kerjayanya yang cemerlang selama 30 tahun di syarikat petroleum dan gas global tersebut menyaksikan beliau menyandang beberapa peranan utama termasuk dalam operasi, peruncitan dan juga kewangan. Datuk Azman juga memimpin transformasi perniagaan runcit di Malaysia, menerajui Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE), fokus pelanggan, kawalan perniagaan dan pemulihan. Penekanan yang beliau berikan terhadap keselamatan telah memainkan peranan penting dalam kejayaan PLUS menjadi pemegang konsesi lebuh raya pertama untuk memperkenalkan Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP) di negara ini.
- Beliau yang lantang memperjuangkan inovasi teknologi, membolehkan PLUS memenangi Anugerah Transformasi Digital Malaysia atas kejayaan melaksanakan inisiatif-inisiatif digital dan kelestarian.
- Beliau berjaya membuat nama lebuh raya PLUS diiktiraf di peringkat global dengan kemenangan Anugerah Lebuh Raya Sistem Tol Tertutup Berprestasi Terbaik MIROS pada tahun 2020 dan Anugerah Antarabangsa untuk Keselamatan Jalan Raya, Prince Michael Award pada tahun 2019.
- Datuk Azman juga adalah penceramah tersohor dalam kalangan golongan akademik seperti di Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, serta dalam industri lebuh raya dan beliau diminta berkongsi pengalaman dan kepakarannya dalam banyak platform pembabitan serta perkongsian Ketua Pegawai Eksekutif syarikat.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad
- TERAS Teknologi Sdn. Bhd.
- Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd.
- Ahli Lembaga Pengarah Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI

**AZHAR AHMAD**

*Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif*

**Nota**

En. Azhar Ahmad telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PLUS, berkuat kuasa pada 6 Mac 2023.

Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Perakaunan dari Universiti Teknologi MARA
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Pengalaman

- Azhar merupakan Ketua Jabatan Pasaran Modal yang bertanggungjawab terhadap pelaburan pendapatan tetap (pinjaman dan bon) dan dana hutang swasta di pasaran domestik dan antarabangsa.
- Beliau memulakan kerjaya dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada tahun 1995 dan menyandang beberapa jawatan dalam pelbagai bidang seperti pelaburan dan penyelidikan ekonomi, pasaran modal hutang, pelaburan pendapatan tetap, kewangan korporat, pengurusan dana dan dana hutang swasta.
- Sebelum menyandang jawatannya yang terkini, beliau merupakan Ketua Jabatan Pengurus Dana Luaran di mana beliau mengawasi para pengurus dana luaran bagi melaksanakan mandat ekuiti dan pendapatan tetap (pasaran domestik dan antarabangsa).
- Pada tahun 2022, beliau telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kecil Pasaran Kewangan Islam oleh Bank Negara Malaysia.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- IJM Corporation Bhd

Keahlian Jawatankuasa Lembaga dalam PLUS

- Jawatankuasa Pelaburan & Tender
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian

AHLI LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATUK NIK AIRINA NIK JAFFAR

Pengarah Urusan

59



Nota

Datuk Nik Airina Nik Jaffar telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Pengarah Urusan PLUS pada 1 Mei 2023.

Kelayakan Akademik/ Profesional/ Keahlian

- Ijazah Sains dalam Kejuruteraan Awam dari University of Miami, United States of America
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Awam dari University of Miami, United States of America
- Felo Institut Lebuhraya dan Pengangkutan Bertauliah (CIHT), United Kingdom

Pengalaman

- Datuk Nik Airina mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam pembangunan projek serta pengurusan konsesi, projek dan aset di Malaysia dan peringkat antarabangsa. Beliau terlibat dalam pembangunan dan pengurusan pelbagai projek infrastruktur seperti Lebuhraya Utara-Selatan (NSE), Lebuhraya Cikopo-Palimanan (Indonesia), Lebuhraya Manila-Cavite (Filipina), Project Sambungan Jajaran LRT dan Pan Borneo Sabah.
- Beliau sebelum ini merupakan Pengurus Besar Bahagian Perancangan dan Pembangunan PLUS sebelum menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi pada tahun 2006.
- Beliau telah menyandang beberapa jawatan kepimpinan kanan di pelbagai syarikat termasuk Pengarah Urusan Opus Group Berhad, Ketua Pegawai Pembangunan Perniagaan Kumpulan UEM Group Berhad, Pengarah, Projek Khas UEM Group Berhad dan Pengarah Urusan UEM Builders Berhad.
- Beliau telah diiktiraf atas penglibatan aktif beliau dalam persatuan dan institusi industri. Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Naib Pengerusi CIHT Malaysia dan Ahli Majlis Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Asia dan Australasia serta Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Malaysia.

Keahlian Pengarah dalam Organisasi lain

- Construction Industry Development Board
- UEM Builders Berhad
- Borneo Highway PDP Sdn. Bhd.
- Konsortium ProHAWK Sdn. Bhd.
- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad
- Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd.
- Teras Teknologi Sdn. Bhd.
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PASUKAN PEMIMPIN KAMI

**Datuk Azman Ismail⁽ⁱ⁾****Pengarah Urusan**

Datuk Azman mengemudi PLUS ke arah pencapaian strategi, misi dan sasaran korporat. Beliau telah memperkasakan kelestarian di PLUS, membawanya ke tahap yang lebih tinggi dan menetapkan sasaran yang jelas dari pihak atasan. Beliau memberikan kepimpinan dalam pembangunan strategi, rangka kerja dan polisi kelestarian.

**Datuk Nik Airina Nik Jaffar⁽ⁱⁱ⁾****Pengarah Urusan**

Datuk Nik Airina akan menerajui perjalanan kelestarian PLUS yang merangkumi misi bagi *Menghubungkan Komuniti untuk Mencorakkan Masa Hadapan yang Selamat dan Lestari*. Pengalaman beliau yang meluas akan menjadi pemangkin dalam memajukan kelestarian untuk PLUS dan industri lebuhraya bagi mencapai aspirasi agenda nasional.

**Datuk Zakaria Ahmad Zabidi****Ketua Pegawai Operasi**

Datuk Zakaria memainkan peranan penting dalam mengetuai operasi dan penyelenggaraan lebuhraya serta menerajui aspek kesihatan dan keselamatan. Beliau berperanan membangunkan dan melaksanakan strategi-strategi kelestarian PLUS termasuk Pelan Hala Tuju Hijau PLUS dan memacu organisasi ke arah sasaran Sifar Bersih.

**Ahmad Rizal Omar****Ketua Pegawai Kewangan**

Rizal bertanggungjawab menguruskan strategi, operasi dan prestasi kewangan. Beliau ditugaskan untuk memastikan PLUS berkebolehan untuk memenuhi tanggungjawab sebagai satu-satunya penerbit sukuk terbesar dalam negara sambil menjamin kelestarian jangka masa panjang dan pulangan kepada pelabur.

**Shazalina Ahmad****Ketua Pegawai Sumber Manusia**

Shazalina merupakan pemimpin sumber manusia di PLUS. Peranan beliau termasuk membangun dan menguruskan bakat, memperjuangkan hak asasi manusia dan memastikan PLUS mempunyai tenaga kerja tangkas dan berkebolehan yang bersedia untuk masa hadapan dan lestari.

Nota

(i) Perkhidmatan Datuk Azman dengan PLUS berakhir pada 31 Disember 2022.

(ii) Datuk Nik Airina Nik Jaffar dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 1 Mei 2023, untuk meneruskan perjalanan kelestarian PLUS.

PASUKAN PEMIMPIN KAMI



Christine Liew

Ketua Pegawai Komersial

Christine bertanggungjawab merangka formula dan melaksanakan strategi komersial dan pelanggan. Beliau memastikan PLUS menerapkan amalan-amalan kelestarian yang berorientasikan pelanggan semasa menjalankan semua aktiviti komersial, termasuk interaksi dengan rakan niaga dan organisasi korporat yang terlibat dalam urusan perniagaan dengan PLUS.



Satpal Singh

Ketua Pegawai Tadbir Urus dan Risiko

Satpal bertanggungjawab menguruskan tadbir urus, risiko dan kepatuhan serta memastikan PLUS kekal berdaya tahan dan lestari. Beliau ditugaskan untuk menyelaraskan amalan dalam organisasi supaya peka terhadap alam sekitar dan tanggungjawab sosial sambil menegakkan tadbir urus yang baik.



Kang Yew Jin

Ketua Pegawai Teknologi

Kang Yew Jin merangka formula dan melaksanakan penyelesaian teknologi bagi memastikan kelancaran operasi lebuh raya. Beliau menguruskan infrastruktur rangkaian PLUS, menyokong perisian aplikasi dan memastikan keteguhan langkah-langkah keselamatan siber.



Anwar Ishak

Ketua Pegawai Eksekutif TERAS

Anwar ditugaskan untuk mempercepatkan pertumbuhan TERAS dan meluaskan ruang liputannya sebagai penyepadu sistem lebuh raya terbesar Malaysia. Beliau memperkenalkan dan mengaplikasikan teknologi canggih di keseluruhan ekosistem lebuh raya Malaysia.



Noor Meiza Ahmad

Ketua, Perundangan dan Kesetiausahaan Korporat

Meiza memberikan nasihat mengenai semua urusan berkaitan undang-undang dan kesetiausahaan korporat PLUS.



Zulkippli Haron

Ketua, Pemerolehan

Zulkippli mengurus dan menyelia program pemerolehan PLUS bagi memastikan proses pemerolehan yang adil, cekap dan berkesan serta menerajui inisiatif Bumiputera PLUS.

EKOSISTEM KELESTARIAN KAMI

Persimpangan bertingkat kami yang menghubungkan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dengan Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE).

“

PLUS sering memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa dalam menguruskan operasi lebuh raya dan membina ekosistem lebuh raya yang lestari. Kami di JPJ Malaysia melakukan kolaborasi bersama pihak PLUS dalam melaksanakan pelbagai inisiatif lestari yang berkaitan dengan aspek keselamatan, pematuhan terhadap undang-undang serta menjalankan operasi berlandaskan amalan terbaik dalam industri.

”

YBhg. Dato' Zailani Bin Hj. Hashim

Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia



“

We are very encouraged that **PLUS has taken an active role in championing sustainability practices for the highway industry through embedding international standards and principles in their strategic decision-making and daily operations,** inspiring confidence to all on their sustainability roadmap.

”

Faroze Nadar

Executive Director, United Nations Global Compact Network, Malaysia & Brunei



PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN

Misi kami di PLUS adalah **Menghubungkan Komuniti untuk Mencorakkan Masa Hadapan yang Selamat dan Lestari**. Demi mencapai misi ini, kami komited kepada pengendalian perniagaan dan operasi kami berlandaskan kesedaran terhadap alam sekitar dan tanggungjawab sosial, sambil menegakkan tadbir urus yang baik.

Kami menguruskan lebih 1,130km lebuhraya di Semenanjung Malaysia, merentasi pelbagai landskap, menghubungkan negara dan orang ramai, menjadikan rangkaian lebuhraya kami tulang belakang pengangkutan darat. Oleh yang demikian, kami memainkan peranan penting dalam memacu amalan-amalan kelestarian. Tahun demi tahun, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberikan impak positif terhadap alam sekitar dan orang ramai, berpandukan amalan-amalan tadbir urus yang baik.

Dalam membawa agenda kelestarian ke hadapan, kami telah memperkemaskan pendekatan kami menjadi lima langkah.

Pendekatan Lima Langkah Kami



Langkah 1: Keperluan dan Penyelarasan

Menentukan keperluan dan menyelaraskannya dengan undang-undang, peraturan dan piawaian yang berkenaan.



Langkah 2: Strategi dan Tadbir Urus

Menetapkan strategi organisasi dan menyediakan mekanisme tadbir urus yang baik.



Langkah 3: Tahap Kepentingan

Mengenal pasti pihak berkepentingan dan memahami apa yang penting bagi mereka.




Langkah 4: Integrasi dan Pelaksanaan

Integrasi pemikiran kelestarian ke dalam perniagaan dan operasi.



Langkah 5: Laporan dan Komunikasi

Memaklumkan perkembangan menerusi laporan berkala kepada pihak berkepentingan yang berkenaan.



Restoran Jejantas (OBR) Ayer Keroh kami di Lebuhraya Utara-Selatan (NSE).

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN



Langkah 1: Keperluan dan Penyelarasan

Perjanjian Konsesi, undang-undang dan piawaian yang perlu kami patuhi menetapkan garis dasar bagi semua amalan kelestarian kami. Kami menggunakan garis panduan tempatan dan antarabangsa yang ada bagi meletakkan agenda kelestarian sebagai nilai strategik tambahan kepada organisasi kami secara keseluruhannya.

Selaras dengan aspirasi kami untuk terus menjadi peneraju industri, kami mengutamakan penyelarasan amalan kami kepada garis panduan dan piawaian global serta tempatan seperti yang tertera di bawah. Kami aktif menanda aras organisasi kami dengan entiti tempatan dan antarabangsa yang mempunyai amalan kelestarian terpuji.

Tempatan



Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)

Pelan tindakan negara yang diberikan tema utama "Melonjakkan Kemampanan". Pelan ini bertujuan untuk memberi fokus kepada pertumbuhan hijau, meningkatkan daya tahan dan memperkukuhkan kestabilan ekonomi.



Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG)

Panduan untuk amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik dan penzahiran mengenai amalan kelestarian yang disyorkan untuk syarikat-syarikat bukan senarai awam.



Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia

Panduan terperinci untuk pelaporan kelestarian selaras dengan Kehendak-kehendak Penyenaraian, termasuk penzahiran contoh & cadangan amalan baik.



Rangkaian Tindakan CEO (CAN)

Penghuraian komitmen ahli bagi memenuhi sasaran yang ditetapkan dan keperluan penzahiran bagi setiap komponen ESG menerusi advokasi, pembinaan keupayaan, tindakan dan prestasi.

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pemacu perubahan untuk melaksanakan transformasi terhadap pendekatan pembangunan negara. Kesemuanya bertujuan memulihkan kestabilan ekonomi untuk orang ramai dan menjana semula pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan keupayaan membeli, merapatkan jurang sosioekonomi dan memastikan kelestarian alam sekitar. Pelan ini berkisar kepada tiga (3) tema utama seperti berikut:



Menjana Semula Ekonomi

Fokus terhadap usaha memulihkan momentum pertumbuhan sektor utama ekonomi dan mendorong industri berimpak tinggi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana.



Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti

Fokus terhadap usaha mengekalkan kestabilan negara menerusi pengukuhan pertahanan dan keselamatan, pada masa yang sama, menambah baik penjagaan kesihatan, menyediakan perumahan mampu milik, menggalakkan gaya hidup sihat dan memupuk perpaduan.



Melonjakkan Kemampanan

Fokus terhadap usaha memajukan pertumbuhan hijau, meningkatkan kelestarian tenaga dan melaksanakan transformasi sektor air.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN



Langkah 1: Keperluan dan Penyelarasan

Keahlian dalam Rangkaian Tindakan CEO (CAN)

CAN merupakan rangkaian fokus kelestarian rakan ke rakan secara tidak formal yang terdiri daripada ketua-ketua pegawai eksekutif dan pembuat keputusan, di mana PLUS merupakan ahli dan telah mengiystiharkan Komitmen Tahap 2, merangkumi sasaran-sasaran ESG seperti berikut:

	Alam Sekitar - Menetapkan sasaran awam pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dalam Skop 1 dan 2. - Komitmen terhadap pelaksanaan cadangan-cadangan Jawatankuasa Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD).
	Insan (Sosial) - Menetapkan sasaran awam bagi peratusan komposisi wanita dalam pengurusan kanan. - Menjalankan penilaian risiko terhadap hak asasi manusia, termasuk pekerja kanak-kanak/buruh paksaan/buruh wajib, di seluruh operasi dan rantai nilai.
	Tadbir Urus - Menzahirkan risiko dan peluang utama dari aspek kelestarian. - Menzahirkan kriteria prestasi berkaitan ESG bagi pengurusan kanan.

Penyertaan kami dalam aliran kerja Advokasi Dasar CAN untuk Industri Pengangkutan (Pemegang Konsesi Lebuhraya) membantu mempengaruhi dan mendorong perkongsian dasar serta strategi bagi menghasilkan impak positif. Kami turut mendukung objektif dan keahlian CAN dengan memberikan dorongan kepada ahli-ahlinya supaya menyokong inisiatif-inisiatif yang dijalankan.

Penyelarasan kepada Jangkaan Pemegang Saham

	Rangka Kerja Kelestarian Khazanah Nasional Pelan tindakan ke arah menerapkan kelestarian dalam keputusan pelaburan dan operasi harian.		Dasar Pelaburan Lestari KWSP Satu pertimbangan teras pelaburan KWSP yang fokus terhadap pelaburan lestari dan integrasi faktor-faktor ESG dalam perniagaan dan operasi.
--	--	--	---

Kami mendapat panduan daripada Rangka Kerja Kelestarian Khazanah Nasional, yang menggariskan prinsip penerapan kelestarian dalam proses membuat keputusan dan operasi harian. Tambahan pula, kami memastikan inisiatif dan program yang dijalankan selaras dengan Dasar Pelaburan Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terutama sekali Polisi Isu Keutamaan berkaitan Kesejahteraan Pekerja dan Perubahan Iklim.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN



Langkah 1: Keperluan dan Penyelarasan


Piawaian & Garis Panduan Antarabangsa

	Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG)
	Inisiatif Pelaporan Global (GRI)
	Lembaga Piawaian Perakaunan Kelestarian (SASB)
	Jawatankuasa Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD)

Komitmen kepada Sepuluh (10) Prinsip Pakatan Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGC)

Sebagai penandatangan, kami menyertai 21,000 organisasi di seluruh dunia yang terlibat secara aktif dalam program advokasi dan panel pengajar, menjadikannya saluran untuk kami menyumbang, berkongsi dan menimba ilmu berhubung topik-topik kelestarian yang meluas.

Sebagai bukti komitmen kami dalam menyelaraskan perniagaan dan operasi kami kepada 10 prinsip UNGC yang diterima secara universal, kami turut menghasilkan laporan Komunikasi Mengenai Kemajuan (COP) setiap tahun. Ini merupakan saluran untuk membuat laporan secara telus mengenai pelaksanaan amalan kelestarian kami. Tambahan pula, kami melakukan pengkajian semula berkala bagi mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan dan mengambil langkah-langkah sewajarnya.



PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN



Langkah 1: Keperluan dan Penyelarasan

Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG)

UN SDG merupakan sebuah set matlamat komprehensif yang memenuhi panggilan universal untuk membasmi kemiskinan dan memastikan keamanan dan kemakmuran dapat dinikmati oleh semua menjelang tahun 2030. Penerimaan UN SDG bertujuan menyediakan rangka kerja sistematik bagi melaksanakan tindakan di peringkat nasional dan mempromosikan kolaborasi peringkat antarabangsa terhadap pembangunan lestari.

Kami kekal komited kepada UN SDG dalam memajukan agenda kelestarian kami. Kami telah mengenal pasti lapan (8) UN SDG yang kami menyumbang secara signifikan, sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian ini dan dirujuk silang kepada inisiatif-inisiatif kelestarian yang kami laksanakan.


Memastikan Akses Kepada Sumber Tenaga Mampu Milik, Boleh Dipercayai, Lestari dan Moden untuk Semua

Kami telah mempercepatkan usaha untuk menambah baik kecekapan tenaga dan menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui.


Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan dan Lestari

Kami berusaha memastikan semua jalan raya dan kemudahan kami selamat bagi semua pelanggan. Kami telah melaksanakan langkah berstruktur untuk bertindak balas, memulihkan dan berkomunikasi dengan semua pihak berkepentingan apabila berlakunya krisis dan kecemasan.


Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi yang Berterusan, Inklusif dan Lestari, Peluang Pekerjaan Menyeluruh, Produktif dan Berkadaran Sesuai untuk Semua

Kami mengakui bahawa operasi kami meliputi mereka yang berasal dari latar belakang sosioekonomi berbeza. Sehubungan dengan itu, kami bertanggungjawab melindungi pemegang hak kami, termasuk menyediakan suasana kerja yang kondusif untuk Warga PLUS.


Memastikan Pola Penggunaan dan Pengeluaran yang Lestari

Kami terus berusaha meneroka kebarangkalian untuk meningkatkan penerapan amalan ekonomi kitaran. Ini termasuk mengurangkan penggunaan sumber asli dan penjana sisa dari operasi kami.


Membangunkan Infrastruktur yang Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Inklusif dan Lestari serta Memupuk Inovasi

Kami membina dan menyelenggara infrastruktur berdaya tahan dan lestari. Kami berkolaborasi dengan institusi pengajian tinggi bagi menyokong penyelidikan dan inovasi domestik.


Mengambil Tindakan Segera Untuk Memerangi Perubahan Iklim serta Kesannya

Kami mengambil kira faktor kelestarian dalam strategi dan operasi kami sebagai langkah mengurangkan impak iklim.


Mengurangkan Ketidaksamaan di dalam dan Antara Negara

Kami berusaha secara proaktif untuk mengatasi ketidaksamaan dan menggalakkan konsep sama rata tanpa mengira usia, jantina, keupayaan, pengalaman atau kelayakan. Kami memberikan sokongan proaktif dalam pembangunan komuniti Bawah 40 peratus (B40) menerusi bantuan sasaran dan kolaborasi.


Menggalakkan Masyarakat yang Aman dan Inklusif untuk Pembangunan yang Lestari, Memberi Akses kepada Keadilan untuk Semua dan Membangunkan Institusi yang Berkesan, Bertanggungjawab dan Inklusif pada Semua Peringkat


Kami mengamalkan proses membuat keputusan yang berkesan, menjalankan ketelitian wajar dan terus berusaha untuk mengukuhkan akauntabiliti dan ketelusan bagi memerangi rasuah dan korupsi.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN



Langkah 2: Strategi dan Tadbir Urus

Kami telah membina Ekosistem Kelestarian komprehensif, melibatkan rangka kerja menyeluruh beserta dengan aspirasi-aspirasi yang memberikan kejelasan, memupuk kolaborasi lintas fungsi dan memastikan aspek ESG diberikan pertimbangan sewajarnya dalam usaha membangunkan strategi-strategi kami.



PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN



Langkah 2: Strategi dan Tadbir Urus

Kami percaya bahawa penginstitusian kelestarian pada semua peringkat dalam organisasi adalah tanggungjawab bersama. Sehubungan dengan itu, amalan kelestarian kami adalah berasaskan struktur tadbir urus dan operasi yang berkesan.

Tadbir urus hal kelestarian kami, yang dipacu oleh Lembaga Pengarah adalah selaras dengan amalan-amalan terbaik dan piawaian, yang merupakan sebahagian daripada usaha kami untuk menangani tahap penelitian yang semakin meningkat terhadap tanggungjawab korporat, ketelusan, kesaksamaan dan akauntabiliti.

Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian Lembaga (BGRSC) mengelola hal-hal berhubung dasar kelestarian, program dan

strategi, menyemak kemajuan inisiatif-inisiatif utama dan membincangkan cabaran utama kelestarian kami.

BGRSC disokong oleh Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian Pengurusan (MGRSC), di mana keahliannya termasuk anggota pengurusan kanan dan dipengerusikan oleh Pengarah Urusan kami. MGRSC memastikan program dan ekosistem kelestarian kami dilaksanakan dengan lancar.

Fungsi-fungsi tersebut disokong oleh Pasukan Kelestarian yang bekerjasama dengan pelbagai fungsi perniagaan untuk mengenal pasti dan melaksanakan inisiatif-inisiatif selaras dengan faktor-faktor ESG.



Langkah 3: Tahap Kepentingan

Kami beroperasi dalam persekitaran di mana kebergantungan pihak berkepentingan dan penciptaan nilai adalah sangat penting. Penilaian tahap kepentingan adalah alat yang berkesan untuk menentukan dan mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan mengenai perkara-perkara utama berkaitan kelestarian yang sewajarnya menjadi fokus kami. Pada tahun 2022, kami memperhalusi perkara kelestarian utama kami untuk mencerminkan jangkaan pihak berkepentingan pasca pandemik dan mengambil kira perubahan strategi, peluang dan risiko, persekitaran operasi dan amalan dalam industri.

Proses Kami

- 1** Semak semula garis dasar berbanding piawaian dan garis panduan antarabangsa.
- 2** Lakukan analisis ke atas tema-tema kelestarian yang baru muncul dan risiko, serta jalankan proses menanda aras terhadap amalan baik organisasi lain dalam industri yang sama.
- 3** Kenal pasti pihak berkepentingan utama dalaman dan luaran.
- 4** Interaksi dengan pihak berkepentingan menerusi pertemuan bersemuka, temuramah dan tinjauan untuk memahami jangkaan mereka.
- 5** Lakukan penggabungan dan penilaian maklumat, yang kemudiannya dirangka atas matriks tahap kepentingan dan mengesahkannya dengan pihak Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah.

Pihak Berkepentingan Kami




Nota

NGO merujuk kepada Badan Bukan Kerajaan manakala IO merujuk kepada Organisasi Antarabangsa.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN

Matriks Tahap Kepentingan Kami

Berdasarkan keputusan penilaian tahap kepentingan yang dijalankan, kami telah menyusun perkara kelestarian utama pada matriks tahap kepentingan (sila lihat ilustrasi di bawah) bagi membantu kami mengenal pasti perkara kelestarian utama yang penting kepada PLUS dan pihak berkepentingan kami. Hal sedemikian dapat membantu kami menentukan pengutamaan sumber dengan berkesan.



 Alam Sekitar	 Sosial	 Tadbir Urus
- Pengurusan Tenaga - Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau dan Elektrifikasi - Pengurusan Sisa dan Air - Bahan Lestari Adaptasi Impak Iklim	Keselamatan Jalan Raya Pengurusan Kesyakan Trafik - Pendigitalan dan Inovasi - Pembangunan Negara - Kecemerlangan Penyelenggaraan dan Operasi Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan - Tenaga Kerja Cekap - Hak Asasi Manusia - Pemeriksaan Bumiputera - Pembangunan Komuniti Jajaran Lebuhraya Keutamaan Pelanggan	Etika dan Integriti - Pengurusan Risiko Keselamatan Data - Kepimpinan Kewangan - Amalan Perolehan Tindak Balas dan Komunikasi Krisis - Pematuhan kepada Undang-undang dan Peraturan

Kami kerap mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan melalui pelbagai platform dan program. Ini memastikan komunikasi berkesan dengan pihak berkepentingan berkenaan pembangunan strategi, pelan dan tindakan. Ini merupakan komponen utama usaha kami untuk menilai perspektif mereka serta mengumpulkan pandangan mengenai isu-isu baru, sebagaimana yang dipaparkan dalam muka surat seterusnya.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN

Kumpulan Pihak Berkepentingan	Bagaimana Kami Memberi Impak antara Satu Sama Lain	Bagaimana Kami Mengadakan Pembabitan Bersama Mereka
 Kerajaan dan Pengawal Selia	- Pihak Kerajaan dan Pengawal Selia membangun, mentadbir dan membuat dasar yang mempunyai impak terhadap operasi dan aktiviti perniagaan kami. - Kami memainkan peranan utama untuk memenuhi agenda negara (dengan melaksanakan dasar kerajaan dalam operasi dan aktiviti perniagaan kami).	- Mengadakan pembabitan aktif dengan kementerian, pengawal selia dan pihak berkuasa berkaitan. - Memupuk budaya beretika dan cakna risiko berdasarkan peraturan.
 Pemegang Sukuk	- Pemegang sukuk menyumbang kepada pembiayaan modal yang diperlukan bagi pembinaan dan penswastaan projek lebuh raya PLUS. - Kami bertanggungjawab untuk memastikan obligasi kewangan dan perjanjian dipenuhi pada setiap masa.	- Menerbitkan penzahiran yang telus melalui agensi penarafan dan pemegang amanah. - Mengadakan taklimat dan pembabitan yang kerap melalui mesyuarat agung dan mesyuarat tidak rasmi. - Menyampaikan strategi kelestarian.
 Pemegang Saham	Kami komited dalam melaksanakan strategi dan menyampaikan pulangan yang lestari dalam jangka masa yang panjang dengan mengekalkan nilai ekonomi perniagaan dan operasi kami.	- Mengadakan taklimat dan pembabitan yang kerap melalui mesyuarat, lawatan tapak dan persidangan. - Menerbitkan laporan dan penzahiran korporat yang telus dan bertepatan masa melalui pelbagai platform. - Menyampaikan strategi kelestarian.
 Kakitangan (Warga PLUS)	- Warga PLUS bergantung kepada kami untuk menyediakan sumber pendapatan yang terjamin, tempat bekerja yang selamat dan peluang yang saksama bagi pembangunan kerjaya. - Kami memperakui bahawa Warga PLUS memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai dan melaksanakan strategi.	- Menerbitkan risalah komunikasi dalaman, menganjurkan perjumpaan secara kerap dan mengadakan portal Intranet bagi Warga PLUS. - Menyediakan manfaat dan imbuhan yang kompetitif. - Menyokong pembangunan bakat dan menyediakan latihan.
 Pelanggan	- Pelanggan bergantung kepada kami untuk menyediakan perjalanan di lebuh raya yang lancar, boleh dipercayai dan pada kos berpatutan. - Kami membangunkan strategi untuk memenuhi jangkaan pelanggan, oleh kerana mereka memberi kami peluang untuk memacu prestasi perniagaan kami.	- Mengadakan sesi libat urus bersama pelanggan dan komuniti melalui Program Kesetiaan. - Menggalakkan interaksi pelanggan melalui Pusat Hubungan Pelanggan, laman web dan platform media sosial. - Kekerapan laporan keadaan trafik oleh Pusat Pemantauan Trafik (TMC).
 Rakan Usahasama	- Rakan Usahasama bergantung kepada kami untuk menyediakan peluang perniagaan dan jaminan sumber kewangan. - Kami memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk berkembang dan meningkatkan keupayaan mereka di seluruh industri, serta menjadi lebih berdaya tahan dan berdaya saing.	- Menyediakan penzahiran penuh mengenai polisi pemerolehan kami di laman web korporat. - Mengadakan taklimat pembekal dan program pembinaan keupayaan. - Pembabitan berterusan dalam mesyuarat dan menyampaikan usaha kami dalam menangani kebimbangan mereka.
 Komuniti Jajaran Lebuh Raya	Komuniti jajaran lebuh raya mengharapkan kami untuk menjadi sebuah syarikat yang boleh dipercayai, bertanggungjawab dan lestari agar dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi.	- Mewujudkan dan melaksanakan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), termasuk inisiatif Pemerkasaan Bumiputera. - Memacu pelbagai inisiatif pembangunan ekonomi dan penglibatan sivik.
 NGO dan IO	- Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Organisasi Antarabangsa (IO) memberi kami pandangan mengenai usaha berkaitan kelestarian yang mereka jalankan. - Kami bekerjasama dengan mereka untuk menambah baik piawaian industri lebuh raya dan mengumpulkan maklum balas mengenai operasi kami.	- Menyumbang melalui pelaburan komuniti (iaitu derma, pengumpulan dana dan program kesukarelawan). - Meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan trafik dalam kalangan komuniti setempat.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN



Langkah 4: Integrasi dan Pelaksanaan

Integrasi amalan kelestarian dan perkara kelestarian utama dalam semua aspek perniagaan dan operasi kami adalah penting.

Hal ini memastikan pelaksanaan aspirasi ESG kami dapat dilakukan secara konsisten bagi mencipta nilai dan membuat keputusan. Antara kaedah integrasi yang kami amalkan adalah seperti berikut:



Melantik penaja dan peneraju perkara kelestarian utama dalam organisasi bagi memupuk kolaborasi dan akauntabiliti.



Menyelaraskan amalan-amalan organisasi dengan dasar pemegang saham dan agenda nasional.



Menerapkan faktor-faktor ESG dalam keputusan penting (iaitu Pelan Operasi Tahunan, Pemerolehan dan Kertas Kerja Lembaga Pengarah).



Melancarkan program kesedaran dan latihan untuk memupuk budaya dan pemikiran lestari.



Mendapatkan panduan berterusan daripada Kerajaan, agensi dan organisasi antarabangsa.



Menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berkaitan ESG untuk memastikan komitmen dari pihak atasan.

Pelaksanaan inisiatif kelestarian memerlukan kolaborasi, komunikasi dan komitmen daripada semua peringkat dalam organisasi. Oleh itu, kelestarian ditetapkan sebagai KPI bagi menyampaikan komitmen yang teguh dari pihak atasan. KPI seperti ini bertujuan untuk memacu dan memupuk tingkah laku kelestarian dalam pelaksanaan aktiviti seharian bermula dari peringkat pengurusan sehingga ke kakitangan di barisan hadapan.

Inisiatif-inisiatif kelestarian dikelaskan selaras dengan perkara kelestarian utama yang berkaitan dengannya. Peneraju bagi perkara kelestarian utama telah dilantik untuk memastikan pencapaian aspirasi, inisiatif dan sasaran bagi setiap perkara kelestarian utama. Mereka berperanan penting dalam memacu penglibatan Warga PLUS dan memupuk budaya kelestarian pada setiap peringkat dalam organisasi.



Langkah 5: Laporan dan Komunikasi

Komunikasi dan penyediaan laporan inisiatif kelestarian adalah mustahak supaya pihak berkepentingan sentiasa sedar akan perkembangan terkini. Sehubungan dengan itu, kami mendapatkan bimbingan, maklum balas dan untuk menambahbaik ekosistem kelestarian kami. Hal sedemikian boleh dicapai melalui laporan dan komunikasi aspirasi, sasaran, kemajuan dan prestasi kami kepada pihak berkepentingan.



Petikan dari Komunikasi Mengenai Kemajuan (COP) Pakatan Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGC) kami.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA

Pemandangan dari udara Persimpangan Hospital Sungai Buloh, Lebuhraya Utara-Selatan (NSE).

“

Lebuhraya merupakan tunjang pengangkutan darat yang menghubungkan rakyat Malaysia dalam keadaan selamat dan selesa serta memudahkan pergerakan barangan dan perkhidmatan yang lancar di seluruh negara.

Industri lebuhraya memainkan peranan penting dengan mendukung masyarakat dalam fasa pemulihan daripada COVID-19 dan mendorong kemajuan negara pada masa hadapan.

”

YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan

Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)



“

Pihak LLM akan terus bekerjasama dengan pihak PLUS dan syarikat konsesi lebuhraya yang lain bagi merealisasikan visi untuk menjadikan pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuhraya bertaraf dunia. Keutamaan sentiasa diberi keatas kesejahteraan pengguna-pengguna lebuhraya.

Inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh PLUS, termasuk kolaborasi strategik bersama pihak LLM, dapat melonjakkan kemajuan industri lebuhraya dan seterusnya menyokong pembangunan negara demi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan semua rakyat Malaysia.

”

Ir. Sazali Bin Harun⁽ⁱ⁾

Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)



Nota

(i) Ir. Sazali Bin Harun telah dilantik sebagai Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia pada 10 Mei 2023.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA

Kami berbesar hati menjadi Rakan Strategik Negara sepanjang lebih tiga (3) dekad dan secara konsisten berada di barisan hadapan dalam usaha membangunkan negara. Status kami sebagai pengendali lebuhraya terbesar negara meletakkan kami pada kedudukan utama untuk menyumbang kepada pembangunan yang lestari. Selaras dengan ini, kami komited kepada pengendalian perniagaan dan operasi kami dengan cara yang peka terhadap alam sekitar dan tanggungjawab sosial, sambil menegakkan tadbir urus yang baik.

Memandangkan landskap perniagaan yang sentiasa berkembang, kami mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan inisiatif kelestarian kami komprehensif dan dapat menangani risiko-risiko utama serta membolehkan kami memanfaatkan peluang yang ada dalam spektrum Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi melindungi nilai organisasi dan kepentingan pihak-pihak berkepentingan kami.

Dengan rangkaian operasi lebuhraya yang melebihi 1,130km di Semenanjung Malaysia, kami mereka bentuk dan melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan impak positif bukan sahaja kepada Warga PLUS, malah juga komuniti di Malaysia secara keseluruhannya. Maklumat mengenai program-program tersebut terkandung dalam Laporan ini, bagi menekankan komitmen kami kepada pembangunan negara yang lestari.

Antara usaha pada tahun 2021 dan 2022 yang memperlihatkan komitmen berterusan kami untuk merealisasikan misi dan tujuan kami adalah seperti berikut:



Menyokong Pemulihan Komuniti daripada Wabak COVID-19



Mengukuhkan Tindak Balas dan Daya Tahan Iklim



Memajukan Amalan Hijau ke Arah Matlamat Sifar Bersih



Memanfaatkan Teknologi bagi Mengukuhkan Keselamatan dan Kecemerlangan Operasi



Menerajui Advokasi Kelestarian



Kanak-kanak yang merupakan masa hadapan negara menunjukkan semangat patriotik dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Menyokong Pemulihan Komuniti daripada Wabak COVID-19

Semasa pandemik COVID-19, kami berusaha sedaya upaya bagi memastikan perkhidmatan kami berjalan dengan lancar sambil menjaga kesihatan dan keselamatan komuniti tempatan, rakan niaga, Warga PLUS dan pelanggan lebuhraya kami.

Pandemik ini telah membawa perubahan yang tidak terduga dalam cara kita menjalani kehidupan dan telah menjejaskan operasi perniagaan konvensional. Kami menyokong strategi berterusan yang diambil bagi membina daya tahan ketika negara menjalani pemulihan dan membudayakan norma-norma baru.

> Menyokong Usaha Vaksinasi Negara

Kami membantu usaha Kerajaan untuk mempercepatkan pemberian vaksinasi menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Kami merupakan pengendali lebuhraya pertama di Malaysia yang menjadikan premis kami sebagai Pusat Integrasi Vaksinasi Awam (IPVC) bagi memenuhi permintaan vaksinasi nasional. Pusat vaksinasi kami mampu memberi vaksinasi kepada 2,000 individu sehari, melalui janji temu yang dibuat melalui aplikasi MySejahtera.



IPVC kami telah memberikan suntikan vaksin COVID-19 kepada **39,000+** individu.

IPVC kami yang digerakkan oleh 150 sukarelawan terletak di lokasi strategik sekitar Lembah Klang dan memudahkan capaian kepada komuniti berhampiran, memastikan mereka selamat dan akhirnya memacu usaha menghidupkan semula ekosistem perniagaan tempatan. Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) mengalu-alukan dan menyokong inisiatif kami menerusi sumbangan kepada para sukarelawan IPVC sebagai tanda penghargaan.

> Membolehkan Warga PLUS Berkhidmat Kepada Pelanggan Lebuhraya

Komitmen ini bermula dengan usaha kami untuk menggalakkan semua Warga PLUS dan keluarga mereka supaya divaksin serta menubuhkan satu pasukan khusus bagi memantau kes-kes jangkitan dalam kalangan Warga PLUS untuk membendung impak COVID-19 sebaik mungkin.

Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa, kami memanfaatkan teknologi digital untuk menghubungkan Warga PLUS demi memastikan interaksi kekal berterusan dalam keseluruhan ekosistem operasi kami. Kami menyediakan peralatan dan teknologi bagi membolehkan pekerjaan secara fleksibel dan selamat

sambil memenuhi keperluan negara dalam menyediakan sistem pengangkutan bagi anggota barisan hadapan, pergerakan keperluan barangan dan penyampaian perkhidmatan ke seluruh negara.

Apabila PKP ditamatkan, kami memudahkan peralihan Warga PLUS untuk berkhidmat kepada para pelanggan secara fizikal di tempat kerja mereka. Namun, kami terus menggalakkan Warga PLUS supaya memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan sosial bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kami turut menyediakan bahan pembersih tangan dan mempamerkan poster sebagai peringatan terhadap penjagaan kebersihan diri.



IPVC kami meringankan beban pusat vaksinasi lain di seluruh negara dengan mengelolakan pemberian dos vaksin kepada komuniti berhampiran.

> Membantu Komuniti Untuk Bangkit Semula

Berikutan penamatan PKP, kami memastikan Kawasan Rehat & Rawat (R&R) kembali kepada kapasiti penuh secara beransur-ansur sambil kekal patuh kepada SOP yang dikeluarkan. Kawasan R&R kami dilengkapi dengan bahan pembersih tangan, penanda-penanda penjarakan fizikal dan pelbagai lagi langkah berjaga-jaga untuk mengekalkan tahap keselamatan tertinggi.

Para pengendali gerai R&R yang menyara kehidupan menerusi perniagaan di R&R kami terjejas semasa PKP berkuatkuasa. Kami melancarkan kempen Satu Pembelian, Seribu Harapan bagi membantu memulihkan perniagaan mereka. Kempen tersebut mencetuskan kesan positif kepada para pembekal sepanjang rantai nilai kami, yang juga merupakan sebahagian daripada komuniti jajaran lebuhraya.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Kami mempromosikan produk dan perkhidmatan pengendali gerai Kawasan Rehat & Rawat (R&R) kami semasa kempen Satu Pembelian, Seribu Harapan berlangsung.

Di samping itu, kami menawarkan bantuan pembayaran sewa dan memperkenalkan sistem pra-pesanan aplikasi PLUS sebagai sokongan tambahan kepada pengendali gerai R&R dalam ekosistem kami.

> Memperkasakan Rakan Niaga untuk Berkembang Maju dalam Norma Baru

Selaras dengan matlamat jenama kami untuk *Menjaga Anda Di Sepanjang Perjalanan*, kami menyediakan sokongan berterusan kepada komuniti perniagaan sepanjang fasa endemik COVID-19. Kami memanfaatkan Program Insentif Rakan Niaga (BPIP) bagi membantu rakan niaga kami menerapkan model perniagaan dan operasi baru secara berkesan agar mereka kekal berdaya saing dan terus berusaha untuk berjaya dalam norma baru.

Program latihan tersebut merangkumi adaptasi digital, keusahawanan, pengoptimuman operasi dan kecemerlangan perkhidmatan pelanggan. Salah satu pengisian program tersebut adalah pengubahsuaian menu yang dianjurkan menerusi kolaborasi dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Program ini bukan sahaja membimbing rakan niaga kami dalam menghasilkan menu menarik dan berkesan, malah turut memperkasakan mereka untuk membangunkan rancangan pemasaran dalam talian bagi memperkukuh kebolehlihatan perniagaan mereka dalam norma baru.

Kami turut menganjurkan program latihan kewangan bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi meningkatkan kemahiran rakan niaga kami dalam mengendalikan perniagaan dan urusan kewangan peribadi dengan lebih berkesan, seterusnya memperkasakan pengurusan aliran tunai mereka.



Secara purata, **440+** orang rakan niaga menyertai setiap program latihan yang kami anjurkan, termasuk sesi maya yang dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.



Rakan niaga kami menghadiri sesi latihan yang merupakan sebahagian daripada BPIP.

Bagi mengekalkan daya saing dan meluaskan lagi pangkalan pelanggan, kami menggalakkan rakan niaga menggunakan teknologi dan menerima pakai kaedah pembayaran tanpa tunai, memandangkan trend bayaran tanpa sentuh semakin meningkat dalam era pasca pandemik COVID-19.



300+ buah gerai yang beroperasi di Kawasan R&R kami dilengkapi keupayaan bayaran tanpa tunai setakat tahun 2022.

“

PLUS memainkan peranan yang penting dalam melindungi dan membantu kami bangkit semula daripada impak pandemik COVID-19 terhadap kehidupan dan perniagaan kami. Ini jelas dilihat melalui pelbagai inisiatif yang dijalankan termasuk menawarkan vaksin COVID-19 di Persada PLUS, kempen “Satu Pembelian, Seribu Harapan”, memberikan bantuan kewangan dan latihan.

”

Badrul Hisham Bin Hussain
Rakan Niaga PLUS di
Kawasan R&R
Ulu Bernam (Arah Selatan)



MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Menguatkan Tindak Balas dan Daya Tahan Iklim

Negara kita tidak terkecuali daripada merasai impak perubahan iklim yang dimanifestasikan melalui musim tengkujuh berpanjangan, hujan lebat dan peningkatan suhu permukaan. Perubahan ketara dalam pola cuaca, termasuk hujan berterusan yang menyebabkan banjir, meninggalkan kesan terhadap operasi lebuh raya kami sepanjang 1,130 km dengan purata jumlah pelanggan lebuh raya sebanyak 1.7 juta setiap hari.

Oleh hal yang demikian, kami telah menghasilkan dan berjaya melaksanakan Pelan Persediaan Menghadapi Banjir yang komprehensif, merangkumi langkah-langkah pencegahan, pembetulan dan pengesanan demi menjaga keselamatan dan melindungi pelanggan lebuh raya kami, komuniti dan Warga PLUS yang terdedah kepada bahaya ketika berlakunya krisis dan kecemasan.



**Langkah-langkah
Pencegahan**



**Langkah-langkah
Pengesanan**



**Langkah-langkah
Pembetulan**



Langkah-langkah Pencegahan

Kami telah melaksanakan langkah-langkah pencegahan secara menyeluruh bagi meningkatkan keupayaan mengesan, meramal dan membuat persediaan menghadapi banjir. Antara langkah tersebut adalah seperti berikut:

> Mengetahui Pasti Kawasan yang Terdedah Kepada Banjir

Kami memanfaatkan amalan pengurusan risiko yang mantap untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan membuat unjuran risiko banjir bagi menentukan kawasan berisiko tinggi di sepanjang lebuh raya kami.

Di samping itu, kami sedang menjalankan penilaian risiko iklim secara komprehensif untuk memahami dengan lebih mendalam impak perubahan iklim terhadap perniagaan dan operasi kami. Hal sedemikian akan membolehkan kami meningkatkan lagi daya tahan operasi infrastruktur dan kemudahan kami di lokasi-lokasi kritikal.

> Memperkukuhkan Persediaan Bertindak Balas

Kami memastikan kenderaan dan aksesori keselamatan mencukupi untuk membolehkan rancangan menyelamatkan dan pemindahan dilaksanakan di lokasi-lokasi terkecas. Komitmen kami merangkumi sokongan kepada Agensi Respons Luar (ERA) serta penyediaan bot-bot penyelamat dan peralatan keselamatan bagi menggerakkan operasi menyelamatkan dengan pantas.

Kami bertindak secara proaktif dengan berganding bahu bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) dalam mengadakan sesi-sesi latihan persediaan menghadapi banjir, usaha menyelamatkan dan pemindahan mangsa. Hal sedemikian dapat melengkapi Warga PLUS dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjamin keselamatan diri sendiri dan individu-individu di sekeliling mereka semasa kecemasan.



Ketua Pegawai Operasi kami (dua dari kiri) merasmikan program Taklimat Keselamatan dan Pengendalian Bot Penyelamat. Turut hadir ialah Syed Shahril Anuar Syed Sulaiman, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Subang Jaya (dua dari kanan).

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Langkah-langkah Pengesanan

Langkah-langkah pengesanan membolehkan kami mengumpulkan data dan maklumat berharga bagi menilai potensi berlakunya banjir, merangka strategi dan pelan serta mengekalkan tempoh pengaktifan yang mencukupi untuk melaksanakan tindakan mitigasi.

Selain mengikuti dan menjalankan pemantauan teliti terhadap perkembangan semasa dari Jabatan Meteorologi Malaysia, laman web 'Public InfoBanjir' dan pelbagai lagi pengumuman, kami turut menggunakan teknologi untuk membuat pengesanan awal dan bertindak pantas.



Langkah-langkah Pembetulan

Sepanjang tahun 2021 dan 2022, kami mengalami dua (2) kejadian banjir sepanjang lebuhraya NKVE, ELITE dan LPT2 dan telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

> Pengaktifan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)

Kami mengaktifkan ERP setelah menerima laporan kejadian daripada Pusat Pemantauan Trafik (TMC) yang diperolehi berdasarkan maklumat dari lapangan. Kami bertindak segera menutup kawasan yang terjejas dan menyediakan laluan alternatif bagi membolehkan pelanggan lebuh raya kami menggunakan laluan yang tidak terjejas akibat banjir.

Komunikasi yang cepat, berkesan dan tepat pada ketika itu adalah

faktor penting supaya keputusan yang termaklum boleh diambil. Semasa kejadian banjir, kami memulakan beberapa siri komunikasi kepada pelanggan lebuh raya menerusi Papan Tanda Mesej Boleh Ubah (VMS), Chatbot PUTRI dan pelbagai saluran media sosial lain untuk mengumumkan laluan alternatif dan berkongsi maklumat terkini berkenaan langkah-langkah yang diambil bagi menjamin keselamatan orang ramai.

> Menunjukkan Keprihatinan dan Komitmen

Kami bekerjasama dengan Agensi Respons Luar (ERA) untuk memindahkan pelanggan lebuh raya dan Warga PLUS yang terperangkap akibat banjir.



Pengurus Seksyen kami bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) untuk memindahkan pelanggan lebuh raya yang terperangkap ke lokasi selamat semasa kejadian banjir pada Disember 2021 yang menjejaskan Lebuhraya NKVE.

Langkah pencegahan yang lain termasuk :



Membuat pemeriksaan dengan kerap dan penyelenggaraan rutin terhadap sistem pembentungan dan longkang.



Memulakan kerja-kerja sambungan tembok banjir di lokasi-lokasi yang berisiko tinggi.



Menyediakan peralatan keselamatan dan tempat perlindungan sementara.

Langkah pengesanan yang lain termasuk:



Menggerakkan Pesawat Tanpa Pemandu (UAV) untuk melakukan pengawasan dari udara.



Memasang penanda banjir untuk memantau kenaikan paras air.



Memanfaatkan CCTV di sepanjang lebuh raya kami untuk melakukan pemeriksaan visual dengan lebih baik.

Langkah pembetulan yang lain termasuk:



Mengaktifkan ERP untuk memastikan keselamatan orang ramai semasa operasi menyelamat dijalankan.



Memulakan perancangan laluan alternatif dan lencongan trafik sementara.



Mengagihkan maklumat terkini secara berterusan melalui pelbagai saluran komunikasi.



Mengadakan kolaborasi dengan penyedia perkhidmatan untuk membersihkan dan membuang serpihan-serpihan dari kawasan yang terjejas.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA

Keprihatinan Warga PLUS Melangkaui Kewajipan

Kami memainkan peranan yang amat penting apabila Shah Alam dilanda banjir pada Disember tahun 2021. Kami berganding bahu dengan pihak BOMBA, NGO dan para sukarelawan lain untuk menyelamatkan 200 pelanggan lebuhraya yang terperangkap di sepanjang lebuhraya NKVE dan ELITE.

Pengurus Seksyen kami yang memimpin operasi menyelamatkan tidak gentar mengharungi banjir untuk membawa pelanggan lebuhraya kami menaiki bot menuju ke tempat yang selamat. Pasukan tersebut menyediakan makanan dan minuman semasa usaha-usaha pemindahan dilaksanakan.

Kami membawa mangsa banjir ke dewan bankuet Persada PLUS dan Pejabat Wilayah Tengah, di mana kami menyediakan selimut, tilam, bantal dan makanan panas untuk mereka. Kami menjaga dan memastikan mereka berasa selamat dan dilindungi semasa berhadapan keadaan yang sukar tersebut.

Kami turut membantu para mangsa menghubungi keluarga mereka untuk memaklumkan situasi masing-masing.

Sebaik sahaja banjir surut, kami menemani para pelanggan lebuhraya kami ke kenderaan mereka dan memulakan operasi pembersihan secepat mungkin untuk memulihkan operasi lebuhraya.

➤ Menghulurkan Bantuan untuk Membina Semula Tempat Kediaman

Ramai Warga PLUS dan komuniti jajaran lebuhraya kami yang terjejas akibat kejadian banjir. Kami bertindak dengan menyediakan bantuan kewangan dan makanan serta menyantuni mereka yang terjejas bagi menawarkan bantuan membersihkan tempat kediaman. Hal sedemikian dilakukan atas semangat tolong-menolong dan memberi sokongan terhadap satu sama lain ketika menghadapi kesukaran.



Warga PLUS membersihkan rumah yang terkesan akibat banjir.

Komitmen kami dalam menghulurkan bantuan yang tepat pada masanya dan menjamin kesejahteraan mereka yang terjejas telah mengelakkan sebarang kejadian kehilangan nyawa. Ini memperlihatkan dedikasi kami untuk berkhidmat kepada negara.



Warga PLUS mengagihkan bantuan kewangan dan makanan kepada komuniti yang terjejas akibat bencana banjir.

“

At PLUS, we truly believe in our responsibility of *Taking Good Care of You, Every Step of the Way*. When I was the C4 Section Manager, my team and I spared no effort during the flood in saving close to 200 highway customers who were stranded on the NKVE. Our team went above and beyond putting aside our exposure to extreme weather and exhaustion in seeing through the unprecedented rescue mission.

With the assistance of the Fire and Rescue Department, we successfully evacuated the stranded highway customers to designated temporary shelters, where proper care were made available to them. I am grateful for the successful rescue mission and thankful to be blessed with an amazing team.

”

Suhairy Bin A. Rahman
Former C4 Section Manager,
PLUS



MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Memajukan Amalan Hijau Ke Arah Matlamat Sifar Bersih

Kami komited untuk memupuk amalan kelestarian dan menjalankan perniagaan dan operasi kami dengan cara peka terhadap alam sekitar. Ini selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi neutral karbon menjelang 2050, sebagaimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

> Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 1.0 (2018 – 2022)

Pelan Hala Tuju Hijau 1.0 menjadi panduan kami dalam memanfaatkan kecekapan tenaga, mengaplikasikan teknologi hijau dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG), di mana pencapaian cemerlang kami adalah seperti berikut:



Mencapai penjimatan tenaga sebenar sebanyak 25% pada tahun 2022 melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif kecekapan tenaga, melebihi sasaran penjimatan tenaga sebanyak 15% yang ditetapkan pada tahun 2018.



Mencapai pengurangan pelepasan GHG tahun 2022 sebanyak 23.5% (dari garis dasar 2017) melalui langkah kecekapan tenaga dan memanfaatkan tenaga boleh diperbaharui.



Memenangi beberapa anugerah tenaga di peringkat nasional dan serantau, termasuk Anugerah Tenaga Kebangsaan, Anugerah Tenaga ASEAN dan Anugerah Platinum, Emas dan Perak Indeks Lebuhraya Hijau Malaysia (MyGHI).



Menerima pelbagai pensijilan, termasuk ISO14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar, Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan SIRIM 5S Hijau.



Berjaya memupuk budaya hijau yang kukuh melalui penubuhan Jawatankuasa Pengurusan dan Tenaga Hijau (GMEC), disokong oleh e-pembelajaran, latihan kesedaran dan usaha berterusan bagi mengenal pasti projek-projek peka alam sekitar yang berpotensi.

> Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0 (2023 – 2030)

Bermodalkan kejayaan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 1.0, kami sedang mengorak langkah ke hadapan dari segi usaha-usaha berkaitan alam sekitar kami dan memulakan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Hijau 2.0.

Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0 bertujuan meningkatkan kebolehlihatan aspirasi alam sekitar organisasi kami, yang merangkumi pengurangan pelepasan GHG, menggunakan tenaga boleh diperbaharui, memanfaatkan teknologi dan amalan hijau serta memupuk daya pemikiran hijau dalam operasi kami.

Aspirasi Alam Sekitar



Memacu ke arah mengurangkan pelepasan GHG operasi kami dan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.



Memanfaatkan teknologi hijau untuk kecemerlangan operasi dan daya saing.



Memupuk amalan baik terhadap alam sekitar dan pemikiran kelestarian dalam membuat keputusan strategik dan operasi.

Prinsip Panduan



Sistem Tadbir Urus dan Pengurusan



Budaya dan Pembinaan Keupayaan untuk Organisasi dan Rantaian Nilai




Pelaksanaan Teknologi, Penyelesaian Berasaskan Alam Semula Jadi dan Amalan-amalan Hijau



Piawaian Global dan Pengiktirafan


Dalam menghasilkan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0, kami memperhalusi sumber-sumber pelepasan gas kami dan membuat penyelarasan dengan Panel Perubahan Iklim Antara Kerajaan (IPCC), seterusnya memperlihatkan komitmen kami untuk mengurangkan pelepasan GHG sebanyak 35% menjelang 2030 (berbanding garis dasar 2017) dan mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050, selaras dengan aspirasi nasional.

Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0 mengutarakan tujuh (7) strategi mitigasi untuk dilaksanakan dalam ekosistem kami sebagai rancangan komprehensif bagi mengurangkan pelepasan GHG kami.



Kami mensasarkan pengurangan pelepasan GHG sebanyak **35%** menjelang **2030** dan mencapai **sifar bersih** menjelang **2050**.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Ilustrasi strategi mitigasi sifar bersih kami.

Menerusi usaha sama dan komitmen kami yang berterusan kepada strategi-strategi tersebut, kami yakin dapat memberikan impak positif kepada alam sekitar demi masa hadapan yang lestari untuk semua.

➤ Memajukan Mobiliti Masa Hadapan Untuk Negara

Sebagai pengendali lebuh raya terbesar Malaysia, kami memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan dan menghebahkan penerapan gaya hidup rendah karbon dalam kalangan pelanggan lebuh raya. Hal sedemikian menyokong Pelan Hala Tuju Teknologi Hijau Malaysia (GTMP) 2017-2030 dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) 2021-2030.

Sehubungan dengan itu, kami membantu kementerian-kementerian berkaitan, pihak kawal selia dan agensi-agensi dalam mencadangkan Hala Tuju Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCS) untuk lebuh raya kami yang akan menjadi input berharga ke arah membangunkan hala tuju nasional.

Dengan menyediakan infrastruktur untuk kenderaan elektrik di seluruh negara, kami menggalakkan lebih ramai warga Malaysia untuk beralih daripada penggunaan enjin pembakaran dalaman tradisional kepada kenderaan yang dikuasakan oleh tenaga elektrik bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada bahan api fosil dan akhirnya menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG).



Hala Tuju EVCS kami mengutarakan usaha-usaha kami untuk memudahkan pemasangan **100** stesen pengecasan DCFC di sepanjang lebuh raya kami menjelang 2025.



Pelancaran EVCS TNB Electron di Kawasan Rehat & Rawat Ayer Keroh (Arah Utara) yang dihadiri oleh Menteri Kerja Raya (empat dari kiri), Ketua Setiausaha (tiga dari kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha (dua dari kanan) dari Kementerian Kerja Raya, Ahli Lembaga Pengarah kami (empat dari kanan), Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (tiga dari kanan) serta Ketua Pegawai Operasi kami (pertama dari kanan).

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA

> Ketahanan dan Kelestarian Turapan Jalan

Kami komited terhadap penerapan prinsip ekonomi kitaran dalam perniagaan dan operasi kami, terutama sekali dalam pengurusan dan penggunaan bahan, sisa dan air secara bertanggungjawab.

Turapan jalan lebuhraya kami, sepanjang 1,130km, adalah aset yang kritikal. Kami melakukan inovasi berterusan terhadap metodologi, proses dan bahan untuk mengurangkan impak turapan jalan kami kepada alam sekitar tanpa berkompromi dari segi kualiti dan keselamatan. Kami berganding bahu dengan pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Edgenta Infrastructure Services (EIS) untuk melaksanakan inisiatif tertentu.

Turapan Asfalt Kitar Semula (RAP)

Asfalt Kitar Semula Cold-in-Plant (CIP)

Kami sedang memantau penggunaan asfalt kitar semula yang memanfaatkan 100% RAP di Seksyen N4.

Asfalt Kitar Semula Hot-in-Plant (HIP)

Kami sedang memantau penggunaan asfalt kitar semula HIP yang memanfaatkan 30% RAP dalam kedua-dua lapisan *Binder Course* (BC) dan *Wearing Course* (WC) di sepanjang Seksyen C3.

Penggunaan bahan RAP boleh mengurangkan lagi pelepasan GHG dan sisa sambil mengukuhkan turapan jalan lebuhraya kami.



Lokasi percubaan untuk asfalt kitar semula HIP di Seksyen C3.

Interlayer Membran Penyerap Tekanan (SAMI)


Kami telah menerokai penggunaan SAMI sebagai alternatif kepada lapisan tebal *Dense Bitumen Mix* (DBM) untuk membuat dan memulihkan semula permukaan lebuhraya kami.

Penggunaan SAMI membolehkan kami meningkatkan kadar produktiviti sebanyak **3x** dan mencapai pengurangan kos penyelenggaraan dan penggunaan bahan mentah sebanyak **60%.**

Dalam mengorak langkah ke hadapan, kami akan meneroka penggunaan bahan-bahan inovatif lain melalui kolaborasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk:

Campuran Gentian Super (SFM)

SFM merupakan sejenis Asfalt *Hot Mix* yang menggunakan gentian FORTA-FI yang mempunyai kekuatan tegangan tinggi bagi menghasilkan campuran asfalt yang lebih baik. Pada tahun 2023, kami akan memulakan penggunaan SFM bagi meningkatkan lagi produktiviti sambil mengurangkan penggunaan sumber dan kos penyelenggaraan. SFM juga terbukti boleh meningkatkan ketahanan turapan jalan dan menyumbang kepada pengurangan pelepasan GHG.



Ilustrasi komponen-komponen yang digunakan dalam SFM.



We place great emphasis on utilising sustainable materials in various aspects of our operations. Notable examples are our adoption of SAMI and SFM for road rehabilitation works, which represents a significant step forward in the development of sustainable solutions for our industry. This innovative method lowers carbon emissions by reducing the need for deep excavations and enhances the longevity of road structures.

Dr. Md Yunus Bin Ab Wahab
Technical Advisor, PLUS



MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Memfaatkan Teknologi bagi Mengukuhkan Keselamatan dan Kecemerlangan Operasi

Sebagai sebuah negara, penerimaan teknologi yang mempercepat pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan kelestarian alam sekitar adalah amat penting. Sehubungan itu, kami mempercepat usaha penggabungan Kecerdasan Buatan (AI), analitik data raya dan Internet Benda (IoT) dalam perniagaan dan operasi kami bagi memacu kecekapan serta pada masa yang sama mengukuhkan keselamatan dan pengalaman para pelanggan lebuhraya kami.

> Sistem Amaran AI untuk Mengesan Percubaan Membunuh Diri

Sejak beberapa tahun yang lalu, terdapat peningkatan percubaan membunuh diri di Jambatan Pulau Pinang. Trend ini dipercayai disebabkan oleh tekanan mental atas sebab-sebab peribadi, kenaikan kos sara hidup dan kehilangan pekerjaan.

Menyedari potensi AI sebagai pemacu perubahan, kami memanfaatkan fungsinya untuk memperkukuhkan usaha mencegah perbuatan membunuh diri. Kami berkolaborasi dengan syarikat rintisan tempatan bagi membangunkan sebuah sistem canggih yang menggunakan teknologi AI dan kamera-kamera televisyen litar tertutup (CCTV) kami untuk mengesan pergerakan yang mencurigakan di sepanjang tembok jambatan.

Kini kami sedang melaksanakan Bukti Konseptual (POC) dengan melengkapi kamera-kamera CCTV kami dengan keupayaan Anggaran Gerak-geri Manusia AI yang canggih. Ini bukan sahaja akan meningkatkan pengesanan pergerakan yang mencurigakan, malah turut menyediakan amaran audio secara langsung kepada pelanggan lebuhraya dan menghantar amaran dengan pantas kepada Pusat Pemantauan Trafik (TMC) supaya tindakan segera boleh diambil.


> Sistem Pengesanan Kerosakan AI (AIRADAR)

Perubahan keterlaluan pola cuaca, termasuk hujan yang terlalu lebat, telah memberi impak kepada jangka hayat perkhidmatan turapan jalan kami. Oleh itu, bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pelanggan lebuhraya, kami telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memantau keadaan turapan jalan kami.

Salah satu langkah yang dilaksanakan adalah pemasangan kamera papan pemuka berasaskan AI dalam kenderaan PLUSRonda untuk mengesan secara automatik sebarang kerosakan turapan jalan seperti rekahan permukaan dan jalan berlubang di sepanjang lebuhraya kami. Kami menjangkakan teknologi ini akan dapat dimanfaatkan bersama rondaan meluas yang dilakukan oleh PLUSRonda dan LPT2Ronda untuk mengenal pasti kerosakan turapan jalan dan membolehkan kami membaiki bahagian-bahagian yang rosak dengan cepat.

> Menambah Baik Titik Sentuhan Utama Pelanggan

Kami sedang menerokai penggunaan AI dengan mengintegrasikannya ke dalam kamera-kamera CCTV di Kawasan R&R bagi membantu mengenal pasti trafik pelanggan. Hal sedemikian boleh memberi gambaran jejak kaki di kawasan utama seperti zon kemudahan, gerai, lot komersial dan zon medan selera pada setiap jam, hari dan bulan. Ini akan memudahkan kami untuk membuat analisis trend pelanggan, memahami titik sentuhan dan keperluan pelanggan dengan lebih mendalam bagi menambah baik rangkaian perkhidmatan kami. Tambahan pula, hal ini akan membantu kami mengurus tenaga kerja dengan lebih baik bagi meningkatkan keselamatan dan memastikan kepuasan pelanggan.



Salah satu kamera CCTV kami yang mengesan pergerakan manusia di Jambatan Pulau Pinang.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA

> Sistem Pengurusan Pintar PLUSRonda (PRIME)

Sistem PRIME kami adalah aplikasi mudah alih yang dipasang dalam semua kenderaan ronda bagi menggantikan kaedah mencatat insiden secara manual. PRIME membolehkan pemantauan dijalankan secara pantas dan pemberitahuan semua aktiviti PLUSRonda dilakukan secara langsung kepada Pusat Pemantauan Trafik (TMC).

Hasilnya, hal ini dapat menjimatkan masa pemprosesan insiden, membolehkan PLUSRonda sampai ke lokasi dan terus memberi layanan kepada pelanggan lebuhraya dengan cepat, terutama sekali dalam situasi kritikal. Penyimpanan digital maklumat insiden secara tepat dalam PRIME memudahkan lagi usaha untuk menyemak semula maklumat bagi mempercepatkan proses tuntutan insurans.



Anggota PLUSRonda menghulurkan bantuan kepada pelanggan lebuhraya.




Anggota PLUSRonda menggunakan PRIME semasa rondaan rutin.

> Teknologi Sokongan untuk Pelanggan RFID

Kami telah menempatkan 610 kamera Pengecaman Automatik Plat Lesen Kenderaan (ALPR) di plaza tol kami dan menubuhkan Pusat Pengesahan Tol (TVC) pertama di Malaysia untuk mengesahkan transaksi masuk dan keluar pelanggan RFID. Integrasi antara ALPR dengan TVC membantu menyelesaikan masalah mencabar yang dihadapi oleh pelanggan lebuhraya secara automatik, termasuk tag rosak, masalah teknikal dan kadar bayaran tol tidak tepat, tanpa mengganggu perjalanan mereka.

Bagi memastikan kebolehpercayaan optimum sistem RFID dalam menjamin pengalaman masuk dan keluar yang lancar bagi para pelanggan RFID, kami memperkukuhkan infrastruktur rangkaian melalui penempatan semula kabinet tepi jalan dan menambahkan Protokol Internet Rangkaian Peribadi Maya (IPVPN) di sepanjang lebuhraya kami.



Infografik menunjukkan operasi Sistem Pembayaran Tol RFID dengan sistem integrasi ALPR.

“

In the spirit of *Do Things Better*, we continuously challenge ourselves to pioneer the adoption of cutting-edge technology in enhancing our business efficiency while elevating highway customers' safety.

”

Tengku Omar Zainal Abidin
Head of Technology, TERAS



MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Menerajui Advokasi Kelestarian



Kepimpinan Dalam Industri Lebuh Raya

Sebagai pengendali lebuh raya terbesar negara, kami memanfaatkan penyelesaian inovatif dan pengalaman kepimpinan bagi memperjuangkan keselamatan jalan raya sambil menyokong wawasan Kerajaan untuk membina lebuh raya pintar selaras dengan Rangka Tindakan Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) nasional.

Perwakilan Pengarah Urusan (MD) kami sebagai ahli lembaga pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) sejak tahun 2017 menunjukkan peranan penting kami dalam memberikan pandangan praktikal, kepimpinan teknikal dan kepakaran industri dalam bidang keselamatan jalan raya di Malaysia. Perwakilan ini memacu pelaksanaan dasar-dasar keselamatan jalan raya dan projek-projek penyelidikan yang diperluaskan ke rantau ASEAN menerusi fungsi MIROS di Pusat Keselamatan Jalan Raya ASEAN (ARSC).

Ketua Pegawai Operasi (COO) kami, seorang pemimpin yang berpengalaman luas dalam industri lebuh raya dan aktif memperjuangkan keselamatan jalan raya dan inovasi, menyandang beberapa jawatan kepimpinan dalam pelbagai persatuan. Hal sedemikian membolehkan beliau meningkatkan lagi status sektor lebuh raya dan pengangkutan kebangsaan dengan memacu kolaborasi, membolehkan pemindahan teknologi dan ilmu serta menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Berikut adalah senarai penglibatan COO kami dalam pelbagai persatuan di peringkat kebangsaan:



Presiden Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) bagi penggal 2022-2024



Timbalan Presiden Institut Lebuh Raya dan Pengangkutan Bertauliah (CIHT) (cawangan Malaysia) bagi penggal 2022-2024



Ahli Majlis Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Malaysia (REAM) bagi penggal 2021-2023



Ahli Majlis Persatuan Sistem Pengangkutan Pintar Malaysia (ITSM) bagi penggal 2022-2024

COO kami turut mewakili Malaysia di Kongres Dunia Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) 2022 di Los Angeles, Amerika Syarikat, di mana para pemimpin dunia dan pakar industri bersidang untuk berkolaborasi dan berkongsi perkembangan berkaitan operasi dan teknologi. Selain itu, beliau telah dijemput untuk berkongsi pandangan beliau mengenai perjalanan transformasi digital kami dan penggunaan penyelesaian inovatif bagi memacu kecemerlangan operasi di pelbagai forum.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami bagi menyokong Kerajaan membangunkan Pusat Pengurusan Pengangkutan Pintar Nasional (NITMC), kami sering menerima kunjungan pihak kementerian, agensi dan universiti ke premis kami. Sesi-sesi kunjungan ini disertakan dengan tinjauan ke Pusat Pemantauan Trafik (TMC) bagi memberi ruang untuk perkongsian ilmu pengetahuan mengenai pelbagai perkara berkaitan ITS.



Ketua Pegawai Operasi kami (dua dari kanan) bersama-sama Menteri Kerja Raya (enam dari kanan) serta delegasi Malaysia di Kongres Dunia ITS 2022 di Los Angeles.



Pengurus Besar Kanan kami (tiga dari kiri) menjelaskan peranan TMC dalam menyokong penerimaan ITS di Malaysia kepada perwakilan ITS Korea, Institut Penyelidikan Sumber Manusia Korea dan Institut Automotif, Robotik & IoT Malaysia (MARii).

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Mempercepatkan Penggunaan Teknologi dan Inovasi

Selaras dengan dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) negara, kami berada di barisan hadapan dalam usaha advokasi yang bertujuan mencipta masyarakat digital yang inklusif dan memperkasakan penggunaan teknologi dalam perniagaan yang dipacu oleh data dan Kecerdasan Buatan (AI) untuk mencapai kemajuan dan pertumbuhan yang lestari.

Usaha-usaha advokasi kami merangkumi perkongsian kepimpinan dari segi pemikiran, kepakaran teknikal dan pengalaman bersama komuniti awam di Malaysia, tidak kira institusi pengajian tinggi mahupun organisasi-organisasi nasional. Hal sedemikian memperlihatkan komitmen kami untuk menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi.

Ketua Pegawai Teknologi kami adalah ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Teknologi Nasional Malaysia (PIKOM), yang mengumpulkan para pemimpin dari seluruh industri untuk menerajui usaha-usaha berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara. PIKOM merupakan suara bagi industri dan ia bergiat secara aktif dalam membangunkan dasar-dasar Kerajaan untuk memacu pertumbuhan nasional.

Ketua Inovasi & Pusat Kecemerlangan (ICE) kami memainkan peranan dalam memacu penyelesaian inovatif serta penemuan baru dalam bidang kejuruteraan bagi industri lebuhraya. Beliau melakukannya menerusi penglibatan dalam institusi pengajian tempatan, seperti penyertaan sebagai ahli Panel Penasihat Industri (IAP) untuk Fakulti Alam Bina dan Ukur di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pengajian (SC) untuk program Sarjana Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan program Penderiaan Jauh di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ramai ahli pasukan pengurusan kami dijemput menjadi penceramah ucap ternaik dan ahli panel di persidangan-persidangan korporat untuk berkongsi perkembangan kami dan negara dari sudut 4IR, sambil mengesyorkan kepentingan teknologi digital dalam memajukan ekonomi dan pembangunan sosial untuk negara.



Pengarah Urusan kami (dua dari kanan) berkongsi berkenaan perjalanan digital kami di Kongres Antarabangsa Inovasi dan Teknologi (WCIT 2022).

TERAS, cabang teknologi kami, bergiat secara proaktif untuk meningkatkan keupayaan teknologi sebagai persediaan untuk melaksanakan sistem tol Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) di Malaysia.



Ketua Pegawai Eksekutif TERAS (tiga dari kiri) menyampaikan taklimat ringkas kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada ketika itu mengenai teknologi di sebalik MLFF di Expo dan Forum Smart Nation 2022.



Memajukan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG)

Untuk membina sebuah negara makmur, inklusif dan lestari, kami terlibat secara aktif dalam memacu pembangunan ke arah memajukan UN SDG menerusi program-program advokasi antarabangsa dan nasional, selaras dengan objektif Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

Kami menjadi penandatangan Pakatan Global Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGCG) pada September 2021, dengan itu memberi kami peluang untuk menyertai program-program advokasi dan panel pendidikan. Seiring dengan hal ini, kami mengemukakan Komunikasi Mengenai Kemajuan (COP) setiap tahun untuk menunjukkan ketelusan kepada semua pihak berkepentingan berhubung usaha-usaha dan kemajuan ke arah mencapai agenda kelestarian kami.

Kami juga merupakan sebahagian daripada rangkaian pemimpin industri yang dikenali sebagai Rangkaian Tindakan CEO (CAN). Penglibatan kami dalam aliran dan kumpulan kerja serta perbincangan meja bulat CAN membolehkan kami mengulas pelbagai subjek kelestarian dan memacu penyelesaian kolaboratif yang wajar dilaksanakan, bagi memajukan agenda kelestarian nasional.



Sila imbas kod QR ini untuk membaca Komunikasi Mengenai Kemajuan (COP) kami dengan lebih lanjut yang diterbitkan pada September 2022.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA

> Mewakili Malaysia di Arena Antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, Ketua Pegawai Tadbir Urus dan Risiko (CGRO) kami telah diundang ke New York, Amerika Syarikat, untuk menyertai Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) yang ke-77, khususnya untuk Forum Sektor Swasta UN yang eksklusif. Isu-isu mendesak yang berkaitan dengan kelestarian seperti krisis tenaga global dan perubahan iklim telah dibincangkan semasa forum tersebut. Kami amat berbangga dengan penglibatan CGRO kami yang berjaya berkongsi sasaran kelestarian dan pencapaian kami kepada khalayak global.

Semasa menghadiri Forum Tadbir Urus UN, CGRO kami turut dijemput untuk berkongsi pengalaman dan cadangan beliau mengenai pelbagai isu termasuk tadbir urus pembangunan sosial berdasarkan pengalaman meluas beliau berkerja bersama dengan pemimpin-pemimpin industri di Asia Tenggara. Selain itu, beliau turut dijemput ke Forum Pelaburan UN SDG dan Forum Awam Infrastruktur Digital UNDP di mana beliau berpeluang mempamerkan kejayaan dan usaha Malaysia dalam memacu pembangunan lestari.



Ketua Pegawai Tadbir Urus dan Risiko kami di Forum Sektor Swasta UN di New York.



Ketua Pegawai Tadbir Urus dan Risiko kami bersama pengasas Microsoft, Bill Gates di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) ke-77.

> Menerajui Kelestarian Sebagai Agenda Pembangunan Negara

Dalam arena tempatan, CGRO kami telah dijemput menjadi penceramah dan ahli panel dalam lebih daripada lapan (8) forum kelestarian peringkat korporat yang dianjurkan oleh pelbagai institut, yayasan dan syarikat. Semasa acara-acara tersebut, beliau bukan hanya berkongsi amalan kelestarian yang telah dilaksanakan oleh PLUS, malah beliau juga menegaskan bagaimana perniagaan di Malaysia boleh mengintegrasikan kelestarian dalam perniagaan dan operasi mereka sebagai kelebihan daya saing dan pemacu bagi pembangunan negara.

PLUS telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam pembangunan Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara (NPHAP) melalui penglibatan Pengarah Urusan kami yang aktif menekankan peranan penting kelestarian alam sekitar demi masa hadapan sektor pengangkutan.



Membangunkan Pemimpin Muda Demi Masa Hadapan

Kami komited untuk mengasah bakat-bakat muda supaya mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang tepat bagi memenuhi tuntutan cabaran global yang semakin kompleks. Kami melibatkan diri secara aktif dengan kumpulan ini supaya dapat memberikan mereka pandangan dan kemahiran praktikal bagi mempersiapkan mereka untuk masa hadapan.

Kami melaksanakan beberapa siri program pembelajaran bertemakan kelestarian dengan universiti, kolej dan institusi profesional, di mana kami memberi pendedahan tentang amalan kelestarian korporat. Kami turut menyokong usaha Kerajaan untuk melengkapi golongan belia dengan pengalaman praktikal industri melalui penyertaan kami dalam program Felo Perdana Kerajaan. Hal sedemikian membolehkan kami menyediakan ruangan kepada anak muda Malaysia untuk menimba pengalaman secara langsung dalam pentadbiran dan pengurusan Kerajaan.



Warga PLUS bergambar bersama para pelajar UiTM sempena program advokasi kelestarian.



Engaging with 1.7 million highway customers daily who commute on PLUS highways, we recognised the critical role we play in influencing the mindset of Malaysians towards adopting sustainable practices. Hence, we are raising awareness and demonstrating good sustainability practices with all members of society, such as students, corporates and other members of the highway industry.

Noor Ezwani Binti Nor Kamal
Head of Traffic Monitoring Centre, PLUS



MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Memupuk Tingkah Laku Masyarakat yang Positif

Selaras dengan misi kami, iaitu, *Menghubungkan Komuniti untuk Mencorakkan Masa Hadapan yang Selamat dan Lestari*, kami berusaha menggalakkan perubahan dalam tingkah laku para pelanggan kami dari segi kesihatan dan keselamatan peribadi, tatacara sosial dan juga kesedaran terhadap alam sekitar. Tindakan sedemikian akan membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan berpegang teguh kepada tanggungjawab dan amalan-amalan kelestarian yang akan memperkukuhkan usaha pembangunan negara.

➤ **Mempromosikan Budaya Merancang Perjalanan**

Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) dan maklumat terkini pemantauan trafik yang kami keluarkan membolehkan warga Malaysia memupuk budaya merancang perjalanan. Hal sedemikian dapat mengurangkan masa perjalanan dan kesesakan trafik, meningkatkan keselamatan jalan raya dan membolehkan perjalanan yang lebih lancar serta mengurangkan tekanan perasaan. Justeru, mereka akan menjadi lebih produktif dalam kehidupan seharian dan mempunyai lebih masa untuk diluangkan bersama dengan keluarga tersayang. Aplikasi jadual TTA kami, yang tersedia di aplikasi PLUS, juga mempunyai rekod kamera CCTV keadaan trafik secara langsung.

Di samping itu, kami memperkenalkan insurans perjalanan jalan raya atas permintaan yang pertama bagi memberikan perlindungan mobiliti jalan raya yang mudah diperolehi dengan harga berpatutan kepada semua pelanggan lebuhraya. Hal sedemikian adalah sebahagian daripada usaha kami untuk memperkenalkan anjakan paradigma dalam tingkah laku pelanggan dan memupuk kesedaran mengenai risiko dan keselamatan.

➤ **Memupuk Pemikiran Ekonomi Kitaran**

Kami sedang melaksanakan langkah-langkah untuk memupuk pemikiran ekonomi kitaran dan amalan sosial yang bertanggungjawab di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan hentian sebelah kami. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah menggalakkan pelanggan lebuhraya membersihkan tempat makan mereka sendiri selepas selesai menjamu selera, mengasingkan sisa makanan, mengamalkan budaya kitar semula, memperkenalkan mesin layan diri balikan di R&R terpilih dan menyediakan kemudahan kitar semula fabrik di pejabat-pejabat kami.

➤ **Meningkatkan Kesedaran Keselamatan bagi Semua Pelanggan Lebuhraya**

Kami berkolaborasi dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) untuk menganjurkan

latihan dan program kesedaran kepada pemandu muda dan komuniti jajaran lebuhraya. Kesemua ini bertujuan untuk melindungi kesejahteraan mereka dan mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan di atas jalan raya.

Untuk menggalakkan amalan pemanduan selamat di jalan raya dalam kalangan pemandu kenderaan komersial, kami sedang membangunkan satu program tingkah laku keselamatan yang unik bagi mereka dengan menggunakan Indeks Prestasi Keselamatan untuk mengesan dan memantau pematuhan kepada keperluan keselamatan.



Kami mengumumkan Jadual Cadangan Waktu Perjalanan melalui pelbagai saluran media sosial kami.



Anggota PLUS Ronda kami berinteraksi dengan para pelajar sekolah rendah bagi memupuk kesedaran terhadap keselamatan jalan raya semasa berlangsungnya Program Bersama Komuniti (CBP) di Tangkak, Johor.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA



Menginstitusikan Kelestarian dalam Kalangan Warga PLUS

Warga PLUS adalah nadi operasi kami dan memainkan peranan penting bagi memacu aspirasi kelestarian kami dalam perniagaan dan operasi. Bagi menginstitusikan budaya kelestarian dalam kalangan Warga PLUS, kami telah membangunkan program-program komprehensif melalui platform fizikal, maya dan hibrid.

➤ Memupuk Kesedaran Kelestarian dalam Kalangan Warga PLUS

Kami komited untuk memupuk budaya kelestarian dalam kalangan Warga PLUS, selari dengan misi kami iaitu *Menghubungkan Komuniti untuk Mencorakkan Masa Hadapan yang Selamat dan Lestari*. Oleh hal yang demikian, kami menerapkan gaya kepimpinan yang menegaskan pembentukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berkaitan dengan kelestarian dalam kad skor korporat dan kepimpinan kami. KPI ini telah dilatakan ke seluruh organisasi untuk memupuk budaya kelestarian yang menyeluruh.

Kami menyokong komitmen ini menerusi pelbagai sesi komunikasi dan kesedaran yang disampaikan melalui emel, risalah dalaman, sesi Jom Sembang dan edaran video. Sebagai contoh, video kelestarian Ramadan kami telah dijadikan salah satu pemangkin utama dalam menggalakkan Warga PLUS untuk mengurangkan pembaziran makanan, menggunakan beg guna semula dan menggalakkan pengomposan.



Ketua Pegawai Operasi kami mengucapkan Selamat Hari Bumi kepada Warga PLUS.



Kami menganjurkan beberapa sesi Jom Sembang untuk memupuk amalan bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan kelestarian dalam kalangan Warga PLUS.

➤ Menerapkan Kelestarian dalam Kalangan Kakitangan Muda

Kami mengakui kepentingan memupuk kesedaran dan pemahaman kelestarian dalam kalangan belia untuk membina bakat masa hadapan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan jangka masa panjang negara. Oleh yang demikian, semua graduan baru yang terlibat dalam program Protege kami akan diberikan pendedahan kepada latihan dan inisiatif kesedaran kelestarian bagi memupuk pemahaman dan meningkatkan pengetahuan di peringkat permulaan kerjaya mereka.

Kami percaya bahawa tindakan ini akan memupuk rasa tanggungjawab yang teguh terhadap alam sekitar dan masyarakat. Hal sedemikian akan memperkasakan lagi semangat mereka untuk berkhidmat dengan lebih baik kepada negara pada masa akan datang.

➤ Memupuk Pemahaman Sepadu Menerusi Latihan di Lapangan

Warga PLUS di keseluruhan ekosistem operasi kami perlu mempunyai pemahaman komprehensif dan padu mengenai kelestarian dari sudut peribadi dan di tempat kerja. Bagi mencapai matlamat ini, kami melaksanakan sesi turun padang yang interaktif untuk berkongsi dan mengukuhkan pemahaman misi korporat dan aspirasi kelestarian kami kepada Warga PLUS di seluruh negara. Ini bertujuan untuk membantu mereka memahami bagaimana usaha kelestarian kolektif kami dapat menyumbang kepada pembangunan negara yang lestari.



Sesi turun padang kami bersama Warga PLUS di pejabat Seksyen N3/ N7, Kubang Semang, Pulau Pinang.

➤ Memacu Kelestarian Menerusi Pembelajaran Berlandaskan Pengalaman

Kami telah memperkenalkan pembelajaran secara praktikal dan sesi interaksi meliputi tajuk-tajuk seperti kitar semula, pengomposan dan berkebun, di mana NGO tempatan telah dijemput untuk berkongsi kemahiran dan kepakaran mereka. Kami berharap Warga PLUS dapat menghayati dan akan mengamalkan kelestarian dalam kehidupan profesional dan peribadi masing-masing menerusi sesi-sesi yang diadakan.



Mendidik Warga PLUS tentang kepentingan amalan 5R selari dengan pelancaran tong kitar semula fabrik.

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA

Sorotan Terpilih Sepanjang 2021 dan 2022:

1. Alam Sekitar



Mengubahsuaikan lebih **30,000** lampu LED di sepanjang lebuh raya, menghasilkan penjimatan sebanyak **27 juta kWh** tenaga dan pengurangan pelepasan gas sebanyak **19,313 tCO₂eq** (bersamaan dengan keperluan tenaga untuk **2,434 isi rumah**⁽ⁱ⁾ / **319,344 pokok yang diselamatkan**⁽ⁱⁱⁱ⁾).



Memasang **8** sistem panel solar di kemudahan terpilih kami bagi menjana tenaga sebanyak **2.5 million kWh** dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak **1,742 tCO₂eq** (bersamaan dengan pelepasan gas dari **388** kenderaan selama setahun⁽ⁱⁱⁱ⁾).



Mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak **25%** dan merekodkan pengurangan pelepasan GHG sebanyak **23.5%** pada tahun 2022 berbanding garis dasar 2017.




Memudahkan pemasangan **22** stesen Pengecasan Pantas Arus Terus (DCFC) di sepanjang lebuh raya kami, dengan rancangan strategik untuk memasang **100** DCFC menjelang 2025.



Memasang **19** sistem penuaian air hujan di pejabat dan Kawasan Rehat & Rawat (R&R) terpilih, bagi mengurangkan ketergantungan kami kepada penggunaan air tawar.



Menanam sebanyak **270,783** pokok dan **247,716 m²** pokok renek di sepanjang lebuh raya kami.



Pemandangan dari udara Terowong Meru-Menora di Lebuhraya Utara-Selatan.

2. Operasi dan Teknologi



Memasang **2,770** kamera CCTV di sepanjang kemudahan yang disediakan dan pejabat kami untuk melindungi keselamatan Warga PLUS dan pelanggan lebuh raya.



Menggunakan Kenderaan Keselamatan (SV) untuk melaksanakan lebih **34,000** tugas di lebuh raya kami pada tahun 2022, mengurangkan kes kematian semasa menjalankan kerja-kerja terancang dan kecemasan.



Menyediakan pilihan bayaran tanpa tunai di lebih **85%** gerai R&R kami.



Menubuhkan Pusat Pengesahan Tol (TVC) yang pertama dalam negara untuk menyokong pelaksanaan Identifikasi Frekuensi Radio (RFID).



Melengkapi plaza tol kami dengan **610** kamera Pengesanan Automatik Plat Lesen Kenderaan (ALPR) dan **216** lorong RFID, menghasilkan peningkatan daya pengeluaran kami sebanyak **30%**.



Mengurangkan waktu pemeriksaan penyelenggaraan sebanyak **98%** dengan memanfaatkan Pesawat Tanpa Pemandu (UAV) bagi menggantikan kaedah konvensional.



Membangunkan **7** platform digital yang berhadapan dengan pelanggan dan **96** penyelesaian digital dalaman bagi memenuhi keperluan pelanggan lebuh raya kami.



Pemandangan waktu malam di plaza tol kami.

(i) Andaian bahawa setiap isi rumah menggunakan 11,880 kWh tenaga elektrik secara purata setiap tahun.

(ii) Berdasarkan jumlah sequesterasi karbon dalam jangka masa 10 tahun sejak benih pokok ditanam.

(iii) Berdasarkan pelepasan gas kenderaan yang menggunakan petrol dan mempunyai 2 paksi serta 4 tayar.

Sumber: <https://www.epa.gov/energy/greenhouse-gas-equivalencies-calculator>

MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGARA

3. Tempat Kerja



Mengekalkan keseimbangan jantina yang terdiri daripada **50%** lelaki dan wanita di tempat kerja kami, di mana **30%** daripada jawatan dalam pengurusan kanan disandang oleh wanita.



Menyampaikan lebih **180** program pembelajaran dan pembangunan melalui **290** sesi kepada Warga PLUS, merangkumi lebih daripada **54,000** jam masa latihan.



Mencapai pengurangan Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecelakaan (LTI) sebanyak **97%** yang merupakan penurunan **35** kes kepada hanya **1** kes pada tahun 2022.



Mencapai penyertaan daripada kesemua **3,800** Warga PLUS (**100%**) dalam program Budaya Kesihatan dan Keselamatan (CoHS).



Menjimatkan lebih **3 juta** helai kertas dan **10,720 jam** masa kitaran pengeluaran menerusi usaha pendigitalan.



Sesi libat urus antara pihak pengurusan kami dengan para Pembantu Khidmat Pelanggan (CSA).

4. Tadbir Urus



Mengurangkan waktu pemprosesan pendaftaran vendor sebanyak **50%** dan Pesanan Pembelian (PO) sebanyak **30%** menerusi penggunaan teknologi.



Menawarkan kontrak bernilai lebih **RM900 juta** kepada lebih **600** vendor yang layak setiap tahun, di mana **99%** adalah vendor tempatan.



Menjalankan sesi latihan Antirasuah dan Korupsi (ABAC) kepada lebih **3,800** Warga PLUS, merangkumi lebih daripada **8,700** jam masa latihan.



Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Sungai Perak (Arah Selatan).

5. Pelanggan dan Komuniti



Memberikan suntikan vaksin kepada lebih **39,000** individu di Pusat Integrasi Vaksinasi Awam (IPVC).



Menyumbangkan lebih **RM12.5 juta** kepada program sosial dan bantuan kewangan (termasuk zakat) yang telah dimanfaatkan oleh lebih **128,000** individu.



Penyertaan Bumiputera secara aktif dalam ekosistem operasi kami di mana **90%** Warga PLUS dan **70%** pengendali gerai R&R adalah dari kalangan komuniti Bumiputera.



Mencapai Skor Promoter Bersih (NPS) yang **positif** dan purata Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) **melebihi 80%** sejak 2019.



Dipilih sebagai **5** organisasi paling dipercayai oleh rakyat Malaysia dalam Kajian Pengesanan Kepercayaan Ipsos Malaysia 2022.



Program Bersama Komuniti (CBP) untuk komuniti jajaran lebuh raya di Sekolah Kebangsaan Sungai Pinang, Balik Pulau.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Pemandangan dari udara Sistem Solar Fotovoltaik (PV) di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Machap (Arah Utara).



“

We strive to operate in an environmentally conscious manner, pioneering the application of green technology and inculcating a green mindset among Warga PLUS. We are committed to achieve our mission of *Connecting Communities to Shape a Safe and Sustainable Future*.

”

Datuk Zakaria Ahmad Zabidi
Chief Operating Officer, PLUS



“

In the fast-evolving landscape of green technology, strategic collaboration is essential for success. It is the cornerstone of innovation and growth in business. We are honoured to support PLUS in their sustainability journey. Together, we can combine our strengths, leverage on our expertise and drive meaningful change for the planet and future generations.

”

Ts. Shamsul Bahar Mohd Nor
Chief Executive Officer,
Malaysian Green Technology
and Climate Change Corporation
(MGTC)



PENGELOLAAN ALAM SEKITAR

Matlamat

Pembangunan Lestari (SDG) relevan dengan penjagaan alam sekitar kami:



Pelan Hala Tuju Hijau PLUS

Usaha kami bagi memupuk kelestarian alam sekitar dipacu oleh Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 1.0 (2018-2022) yang menggariskan rancangan lima tahun kami bagi menjalani transformasi menjadi organisasi hijau.

Bagi memanfaatkan kemajuan yang telah dikecapi sehingga tahun 2022, kami sedang mempersiapkan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0. Pelan ini akan memberi fokus kepada Rancangan Pelepasan Gas Rumah Hijau Sifar Bersih dan penggunaan sisa, air dan material yang lestari.



Pengurusan Tenaga



Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau dan Elektrifikasi



Pengurusan Sisa dan Air



Bahan Lestari



Adaptasi Impak Iklim



Pemandangan dari udara Terowong Meru-Menora di Lebuhraya Utara-Selatan (NSE).

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Pengurusan Tenaga


Kepentingan Pengurusan Tenaga Kepada Kami:

Pengurusan tenaga menerusi operasi kami, dengan penumpuan terhadap amalan kecekapan tenaga, pada masa yang sama mengurangkan kebergantungan terhadap grid dengan memanfaatkan tenaga boleh diperbaharui.

Aspirasi Kami:

Meningkatkan kecekapan tenaga menerusi amalan dan penggunaan teknologi hijau.

Pendekatan Piramid Tenaga



Inisiatif dan Sorotan

Terdapat trend menaik bagi keperluan penggunaan tenaga yang dipacu oleh pertumbuhan populasi, urbanisasi dan penambahbaikan taraf kehidupan, terutama sekali bagi ekonomi yang sedang membangun seperti di Malaysia. Dalam sektor perindustrian, keupayaan memenuhi keperluan tersebut dapat memastikan kebolehpercayaan dan kesinambungan perniagaan merentasi rangkaian nilai pada skala nasional.

Kami di PLUS, menggunakan Piramid Tenaga sebagai rangka kerja untuk menilai cara-cara mengoptimumkan penggunaan tenaga dalam perniagaan dan operasi kami. Terdapat tiga (3) kategori dalam piramid tersebut iaitu Pemuliharaan, Kecekapan dan Penghapusan.

Pada tahun 2019, kami telah melancarkan polisi tenaga kami bagi memupuk amalan kecekapan tenaga menerusi pengistiharan penambahbaikan tenaga efisien di kemudahan lebuhraya kami melalui pendekatan yang lestari, cekap dan mesra alam bagi semua pihak berkepentingan. Kami komited kepada pengurusan tenaga secara efektif dan pematuhan berterusan kepada undang-undang dan peraturan yang relevan, dengan matlamat menerajui bidang kecekapan tenaga dalam industri serta menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar.

Polisi pengurusan tenaga kami diterapkan dalam perniagaan dan operasi kami menerusi pelaksanaan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari (SEMS) yang bertujuan untuk menguruskan semua aspek penggunaan tenaga dalam PLUS secara efisien.

SEMS ditadbir urus oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Tenaga Hijau (GMEC) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi (COO) kami dengan para ahli yang terdiri daripada ketua-ketua bahagian dari pelbagai fungsi perniagaan. GMEC disokong oleh pasukan teknikal dan lapan (8) orang pengurus tenaga bertauliah yang diiktiraf oleh Skim Pengurusan Tenaga ASEAN (AEMAS). Mereka bersidang pada setiap suku tahunan untuk mengawasi penggunaan tenaga dan menilai kemajuan inisiatif berkaitan tenaga yang dilakukan di seluruh organisasi. Kewujudan sistem ini menandakan komitmen kami bagi menguruskan penggunaan tenaga secara efisien, di samping memupuk amalan kecekapan tenaga dalam kalangan Warga PLUS.

Sehingga kini, kami telah melaksanakan beberapa langkah penjimatan tenaga di seluruh Persada PLUS dan pelbagai lokasi lain di sepanjang lebuhraya kami seperti di plaza tol dan persimpangan bertingkat.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR

Kami patuh kepada piawaian pengurusan tenaga seperti berikut:

- MS 1525: 2019 Kecekapan Tenaga dan Penggunaan Tenaga Boleh Diperbaharui untuk Bangunan Bukan Kediaman
- ISO 50001: 2001 Sistem Pengurusan Tenaga
- Skim Pengurusan Tenaga ASEAN (AEMAS)
- ISO 14001: 2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar



Sila imbas kod QR ini untuk membaca polisi tenaga kami.



Pemandangan dari udara sistem PV Solar yang telah dipasang di Persada PLUS.

Sejak tahun 2018, kami telah memulakan pemasangan sistem Fotovoltai (PV) Solar di ibu pejabat kami, Persada PLUS dan seterusnya diperluaskan ke Kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan restoran jejantas (OBR).

Kami mengubahsuai lebih daripada 30,000 lampu LED di Persada PLUS dan juga sepanjang lebuh raya kami, termasuk plaza tol, persimpangan bertingkat, hentian sebelah, pejabat-pejabat seksyen dan kemudahan-kemudahan lain untuk mengurangkan penggunaan elektrik dan menyumbang kepada penjimatan pelepasan gas rumah hijau (GHG).

Seterusnya, kami berhasrat untuk mengubahsuai lebih 19,000 lampu-lampu dalam tempoh beberapa tahun akan datang dan menggunakan lampu yang dikuasakan oleh tenaga solar di tempat meletak kenderaan Persada PLUS.



Pemandangan dari udara sistem PV Solar di kawasan R&R Machap (Arah Utara).



30,000+

lampu LED yang diubahsuai semula sejak 2018



1,100+

unit penyaman udara telah dinaik taraf sejak 2019



8

lokasi kemudahan dipasang dengan sistem PV Solar sejak 2018

Kami mengamalkan kolaborasi dengan rakan industri untuk mencipta penyelesaian bernilai tambah bagi mengurangkan pelepasan GHG di sepanjang operasi kami. Sehubungan dengan itu, kami telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada Mac 2022 bagi menggalakkan sinergi, pertukaran pengetahuan dan kecemerlangan operasi menerusi penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau. MOU tersebut juga membolehkan kedua-dua organisasi memperkukuhkan sumbangan kepada matlamat nasional untuk beralih kepada ekonomi rendah karbon.

Usaha kami dalam penggunaan tenaga cekap telah diiktiraf dengan pelbagai anugerah dan pujian. Pada tahun 2021, kami telah terpilih sebagai naib johan Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) dan Anugerah Tenaga ASEAN (AEA) bagi Bangunan Cekap Tenaga (Kategori Bangunan Yang Diubahsuai).




Sila imbas QR kod ini untuk menyaksikan video kawasan R&R di sepanjang lebuh raya kami yang dikuasakan oleh tenaga solar.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR

Kemajuan Kami Setakat Ini

Kami telah mencapai kemajuan pengurusan tenaga di seluruh operasi kami seperti berikut:



Pemeriksaan rutin sistem PV Solar oleh Warga PLUS.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Pengubahsuaian lampu LED di Persada PLUS, sepanjang lebuh raya, persimpangan bertingkat dan plaza tol di beberapa wilayah telah menjana purata penjimatan tenaga tahunan sebanyak 27,252,122 kWh dan penjimatan pelepasan GHG sebanyak 19,313 tCO₂eq.



Pemasangan sistem Fotovoltai (PV) Solar di Persada PLUS dan tujuh (7) kawasan rehat telah menjana purata penjimatan tenaga tahunan sebanyak 2,458,072 kWh dan penjimatan pelepasan GHG sebanyak 1,742 tCO₂eq.



Penggantian alat penyongsang penyaman udara (AC) bagi mengurangkan output kuasa di Persada PLUS, pejabat-pejabat seksyen dan wilayah telah menjana purata penjimatan tenaga tahunan sebanyak 271,938 kWh dan penjimatan pelepasan GHG sebanyak 193 tCO₂eq.



Pemasangan lampu penderia gerakan di Persada PLUS bagi mengelakkan lampu dibiarkan menyala secara berpanjangan telah menghasilkan purata penjimatan tenaga tahunan sebanyak 76,860 kWh dan penjimatan pelepasan GHG sebanyak 55 tCO₂eq.



Pemasangan pemacu frekuensi boleh ubah di Persada PLUS untuk meningkatkan kecekapan menara pendingin dan pam air telah menjana purata penjimatan tenaga tahunan sebanyak 227,040 kWh dan penjimatan pelepasan GHG sebanyak 161 tCO₂eq.



Melakukan semakan semula kepada masa pemula bagi penyejuk dan unit pengendalian udara (AHU) di Persada PLUS untuk beroperasi secara berselang waktu telah menjana purata penjimatan tenaga tahunan sebanyak 65,370 kWh dan penjimatan pelepasan GHG sebanyak 46 tCO₂eq.

Di samping itu, kami telah mengguna pakai beberapa sistem teknologi dan aplikasi untuk memantau, mengurus dan mengurangkan penggunaan tenaga. Pada masa yang sama, pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memupuk kesedaran terhadap alam sekitar dan menggalakkan amalan hijau di tempat kerja.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR

Indeks Lebuhraya Hijau Malaysia (MyGHI)

Indeks Lebuhraya Hijau Malaysia (MyGHI) adalah penilaian garis dasar prestasi lebuhraya yang dibangunkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM). MyGHI menilai kelestarian operasi lebuhraya yang merangkumi aspek rekabentuk & aktiviti pembinaan, kecekapan penggunaan tenaga, pengurusan alam sekitar dan air, bahan & teknologi serta keselamatan. Sejak tahun 2016, beberapa seksyen lebuhraya kami telah menerima penarafan platinum, emas dan perak.

Mensasarkan Penarafan Emas bagi Pensijilan Indeks Bangunan Hijau (GBI)

Indeks Bangunan Hijau (GBI) adalah alat penilaian penarafan hijau yang diiktiraf oleh industri-industri di Malaysia bagi menghebahkan amalan kelestarian dalam pembangunan dan operasi kemudahan. Rekabentuk Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Seremban (Arah Selatan) yang sedang dinaik taraf telah dianugerahkan pensijilan GBI sementara yang bertaraf Emas. Rekabentuk kejuruteraan kawasan R&R tersebut berhasrat untuk memberi pengalaman moden yang berlainan menerusi kemudahan seperti penggunaan Fotovoltaik (PV) Solar, penyediaan stesen pengecasan kenderaan elektrik, sistem penuaian air hujan dan peralatan cekap tenaga.



Ilustrasi Kawasan R&R Seremban (Arah Selatan) yang dinaik taraf.

Ciri-ciri R&R Seremban yang Dinaik Taraf:



Panel Fotovoltaik (PV)
Solar



Bahan Binaan Diiktiraf
Hijau



Tong Kitar Semula



Stesen Pengecasan
Kenderaan Elektrik



Kemudahan Penuaian Air
Hujan



Landskap Hijau



Peralatan Jimat Air dan
Elektrik



Pengudaraan Semula Jadi
dan Penuaian Cahaya
Matahari

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau dan Elektrifikasi

Kepentingan Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau dan Elektrifikasi Kepada Kami:

Pengurusan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dalam operasi dan ekosistem kami.

Aspirasi Kami:

Mengurangkan pelepasan GHG yang dihasilkan daripada operasi kami dan menekankan penyediaan infrastruktur hijau di sepanjang lebuh raya kami.

Inisiatif dan Sorotan

Sebagai pengendali lebuh raya terbesar Malaysia, kami mementingkan pengurusan pelepasan GHG dalaman kami serta keperluan mempengaruhi dan membolehkan pihak berkepentingan kami mengambil langkah sewajarnya bagi mengurangkan pelepasan GHG ke ekosistem. Ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia dalam Perjanjian Paris di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC) dan aspirasi nasional untuk menjadi neutral karbon menjelang 2050.

Oleh itu, kami telah sedia membangunkan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 1.0 (PGR 1.0) yang menggariskan rancangan lima tahun bagi menangani cabaran utama dalam memenuhi keperluan sektor pengangkutan yang semakin meningkat, sambil mengorak langkah bagi mencapai kemajuan secara lestari. Kami kini sedang menyempurnakan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0 yang memberi fokus kepada Rancangan Pelepasan GHG Sifar Bersih dan mengandungi strategi-strategi mitigasi yang relevan.

Pelepasan Gas Rumah Hijau Skop 1 dan 2

Bagi mencapai matlamat pelepasan gas sifar bersih menjelang 2050, kami sedang aktif memantau dan melaporkan pelepasan GHG (Skop 1 dan Skop 2) berdasarkan perubahan terbaru terhadap faktor pelepasan grid elektrik (GEF) untuk Semenanjung Malaysia⁽ⁱ⁾. Pelaksanaan langkah-langkah kecekapan tenaga yang terkandung dalam PGR 1.0 telah menghasilkan pengurangan pelepasan gas sebanyak 23.5% pada Disember 2022 berbanding garis dasar 2017.


Pengurangan pelepasan Skop 1 dan 2 sebanyak **23.5%** adalah bersamaan dengan:



menyelamatkan **357,274 pokok⁽ⁱⁱⁱ⁾**, atau



memenuhi keperluan tenaga untuk **2,723 isi rumah⁽ⁱⁱⁱ⁾**



(i) Faktor pelepasan grid elektrik (GEF) telah disemak semula dari 0.585 kepada 0.780 pada akhir bulan Disember 2022.

(ii) Andaian bahawa setiap isi rumah menggunakan 11,880 kWh tenaga elektrik secara purata setiap tahun.


(iii) Berdasarkan jumlah sequestrasi karbon dalam jangka masa 10 tahun sejak benih pokok ditanam.

(iv) Dikemas kini sehingga Disember 2022.

Nota:

No. (ii) dan (iii) adalah berdasarkan sumber: <https://www.epa.gov/energy/greenhouse-gas-equivalencies-calculator>

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Ilustrasi sumber-sumber pelepasan gas bagi Skop 1 dan Skop 2.

Skop 1



Kemudahan Syarikat

Penjana diesel di Persada PLUS/ Kawasan Rehat & Rawat (R&R)/ hentian sebelah/ restoran jejantas (OBR)/ pejabat wilayah dan seksyen/ plaza tol.



Kenderaan Syarikat

Kenderaan PLUS Ronda dan kenderaan kongsi.



Pelepasan Bocoran Gas

Pelepasan bocoran gas dari alat pemadam api/ penyejukan/ peranti penyaman udara di bangunan-bangunan PLUS/ kenderaan.



Sulfur Heksafluorida (SF6)

Pembocoran SF6 (switchgear untuk pencawang).

Skop 2




Kuasa Elektrik yang Dibeli

Pembelian kuasa elektrik dari grid untuk:

- Persada PLUS
- Lebuhraya (lampu jalan raya / lampu tiang tinggi)
- Kawasan umum (R&R/ hentian sebelah / restoran jejantas (OBR))
- Bangunan (plaza tol, pejabat wilayah/ seksyen)

Rancangan Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau Skop 1 dan Skop 2

Melangkah ke hadapan, kami telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan pelepasan gas Skop 1 dan Skop 2 kami sebanyak 35% menjelang 2030 berbanding garis dasar 2017 dan akhirnya mencapai sasaran sifar bersih menjelang 2050.



Rancangan pengurangan pelepasan gas Skop 1 dan Skop 2 ke arah Sasaran Sifar Bersih menjelang 2050.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR

Pelepasan Gas Rumah Hijau Skop 3

Kami berganding bahu bersama-sama para pembekal dan rakan niaga untuk menjalankan penilaian pelepasan Skop 3 dalam rangkaian nilai kami. Sumber data pelepasan gas yang relevan kepada perniagaan dan operasi kami sedang dikumpulkan dengan pematuhan ketat kepada metodologi yang diperakui oleh Protokol gas rumah hijau (GHG).

Peralihan kepada Amalan Rendah Karbon

Kami berkolaborasi dengan *Malaysian Green Technology And Climate Change Corporation (MGTC)* bawah Program Mobiliti Rendah Karbon, dengan bantuan Organisasi Pembangunan Industri Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNIDO) dan Kemudahan Alam Sekitar Global (GEF-5) untuk menghebahkan pengangkutan cekap tenaga dan rendah karbon di Malaysia.

Pengiraan pelepasan karbon adalah perkara asas bagi mencapai taraf neutral karbon. Berikutan itu, kami menghantar Warga PLUS bagi menjalani beberapa siri latihan anjuran MGTC dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk meningkatkan keupayaan dalaman kami serta melengkapi Warga PLUS dengan ilmu dan kemahiran untuk mengira GHG mengikut prinsip dan pendekatan berasaskan Protokol GHG.

Melangkah ke hadapan, kami ingin membina keupayaan membuat pengiraan jejak karbon dalam kalangan pelajar institusi tinggi. Hal sedemikian akan dapat memupuk kesedaran terhadap pelepasan karbon dalam kalangan generasi akan datang.

Hala Tuju Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCS) (2022-2025)

Kami berhasrat untuk menggalakkan mobiliti hijau bagi pelanggan lebuhraya dengan cara meluaskan lagi rangkaian Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCS) di seluruh negara. Hal sedemikian adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-

2030 (LCMB) dan Pelan Hala Tuju Teknologi Hijau Malaysia 2017-2030. Kami menyokong matlamat nasional ini menerusi pembinaan infrastruktur bagi menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik di Malaysia.

Tambahan pula, kami adalah ahli tetap Jawatankuasa Kenderaan Elektrik Antara Kementerian Peringkat Kebangsaan yang dibentuk oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) sebagai sebuah platform untuk membincangkan strategi pembangunan ekosistem kenderaan elektrik Malaysia. Kami memainkan peranan utama dalam menyediakan kepimpinan dari segi pemikiran untuk pembangunan infrastruktur kenderaan elektrik di lebuhraya seluruh negara.

Hala Tuju EVCS (2022-2025) kami merangkumi sasaran dan pelan tindakan bagi mempergiatkan pemasangan stesen Pengecasan Pantas Arus Terus (DCFC) di sepanjang lebuhraya. Ini merupakan strategi proaktif pembangunan bahagian tepi lebuhraya untuk meletakkan stesen pengecasan di lokasi strategik berdasarkan faktor seperti lokasi, keperluan tenaga, faktor tanah dan jarak antara setiap stesen menerusi kolaborasi bersama para Pengendali Titik Pengecasan (CPO) bereputasi.

Bagi memenuhi jangkaan permintaan keupayaan pengecasan yang semakin meningkat pada masa hadapan, kami berancang untuk berganding bahu dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan LLM untuk membolehkan pemasangan stesen DCFC di sepanjang lebuhraya kami. Menyedari betapa pentingnya teknologi pengecasan pantas, kami berusaha untuk menaik taraf titik pengecasan arus ulang alik (AC) sedia ada kami kepada titik pengecasan DCFC.

Melangkah ke hadapan, kami bercadang untuk menyokong CPO memanfaatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui untuk menggerakkan EVCS mereka iaitu dengan melengkapi stesen pengecasan kami dengan penggunaan panel solar atas bumbung dan ladang solar.



Pemandangan dari udara laluan Nilai-Seremban di Lebuhraya Utara-Selatan (NSE).

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR

Lokasi Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCS) yang disediakan oleh PLUS dan Pengendali Titik Pengecasan (CPO) di sepanjang Lebuhraya Kami.



EVCS R&R Ayer Keroh AS



EVCS HS Tangkak AS



EVCS R&R Paka AU



EVCS HS Pedas AU

1	HS Sg. Juru AU (20kW)	HS Sg. Juru AS (50kW)	8	HS Pedas AU (180kW)
2	R&R Gng. Semanggol AS (20kW)		9	OBR Ayer Keroh AU (50kW)
3	HS Bkt. Gantang AU (50kW)	HS Bkt. Gantang AS (50kW)		R&R Ayer Keroh AU (180kW)
4	PTLB Gopeng AU (180kW)			R&R Ayer Keroh AS (50kW)
5	R&R Paka AU (180kW)		10	HS Tangkak AS (180kW)
6	R&R Tapah AS (180kW)	R&R Tapah AU (180kW)	11	R&R Pagoh AU (180kW)
7	R&R Seremban AU (180kW)	R&R Seremban AS (180kW)	12	Kawasan Rehat Skudai AS (50kW)
				Kawasan Rehat Skudai AS (120kW)
			13	Kawasan Rehat Skudai AS (120kW)
				Kawasan Rehat Skudai AS (50kW)

R&R: Kawasan Rehat & Rawat
PTLB: Pusat Transformasi Luar Bandar

HS: Hentian Sebelah
AU: Arah Utara

OBR: Restoran Jejantas
AS: Arah Selatan



22 Unit

Pengecasan Pantas Arus Terus (DCFC) telah dipasang di stesen pengecasan kenderaan elektrik di sepanjang lebuhraya kami.



Sila imbas kod QR ini untuk menyaksikan video kami mengenai stesen pengecasan kenderaan elektrik.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Pengurusan Sisa dan Air

Kepentingan Pengurusan Sisa dan Air Kepada Kami:

Pengurusan sisa, kumbahan dan air yang dihasilkan dari operasi kami (iaitu penapisan, pengendalian, penyimpanan dan pembuangan) selaras dengan piawaian pihak kawal selia.

Aspirasi Kami:

Mengurangkan sisa yang dihasilkan dari operasi, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan, mengelak penggunaan bahan tidak mesra alam dan mempertingkatkan usaha kitar semula.

Inisiatif dan Sorotan

Kehadiran fizikal kami merentasi sembilan (9) negeri di Semenanjung Malaysia bererti terdapat potensi besar untuk kami menguruskan sisa, kumbahan dan penggunaan air secara optimum.

Amalan pengurusan sisa kami mematuhi undang-undang dan peraturan relevan termasuk Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, yang mentadbir pengurusan sisa serta rawatan kumbahan. Kontraktor pengurusan sisa kami juga dikehendaki untuk mematuhi ketetapan syarat yang termaktub dalam Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dengan menjalankan pelupusan sisa domestik di tapak yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (DOE) Malaysia. Pengurusan sisa di PLUS turut mematuhi keperluan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2015.


Selain itu, kami juga tertakluk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang mengawal selia bekalan air dan sistem kumbahan.

Mengguna Pakai Pendekatan Ekonomi Kitaran

Kami mengguna pakai prinsip ekonomi kitaran bagi mengurangkan penggunaan bahan, memulihara sumber dan mentransformasikan bahan buangan menjadi barang dan produk baru. Kegiatan ini diperkukuhkan lagi dengan cara memikir dan mereka bentuk semula pengekstrakan, penggunaan dan pelupusan sumber dalam rantaian nilai kami. Kaedah yang kami gunakan ini memastikan barang-barang terus diguna sebelum dibuang di tapak pelupusan sampah seperti yang digambarkan menerusi ilustrasi pendekatan 5R di bawah:



Ketua Pegawai Tadbir Urus dan Risiko kami (dua dari kanan), Ketua Pengurusan Fasilitas (pertama dari kanan) dan perwakilan dari Kloth Cares (rakan kongsi kitar semula fabrik kami) di majlis perasmian tong kitar semula fabrik kami yang pertama di Persada PLUS.



Ilustrasi pendekatan 5R yang diamalkan oleh PLUS.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Penolakan

Cara yang berkesan untuk menguruskan sisa adalah meminimumkan penggunaan sumber dan mengelakkan penggunaan bahan secara berlebihan. Kami memberi penekanan yang kuat terhadap kesedaran dan tindakan menerusi latihan dan penganjuran program kitar semula.

Ini termasuk meletakkan poster dan infografik di pelbagai lokasi premis untuk memupuk penerimaan amalan kelestarian berkaitan pengurusan sisa dalam kalangan Warga PLUS dan para pelanggan kami. Kami telah memperkenalkan program untuk membentuk tingkah laku rakan niaga. Program ini diselaraskan dengan Model 5S Hijau SIRIM (struktur, sistematik, pembersihan, keseragaman dan disiplin diri) sebagai langkah menerapkan kelestarian dalam operasi seharian dan mengoptimalkan penggunaan sumber.

Kempen Hari Bumi



Bawa beg kertas / beg guna semula



Kompos sisa makanan

Kami menggalakkan Warga PLUS supaya menerima pakai amalan kelestarian semasa bulan Ramadan menerusi Kempen Hari Bumi kami.

Sebahagian daripada kempen Hari Bumi 2022, kami menerbitkan video amalan kelestarian yang menyarankan supaya Warga PLUS membawa peralatan makanan dan beg sendiri ke tempat kerja, menggunakan bahan terbiodegradasi sebagai alternatif kepada plastik dan mengamalkan kaedah mengurangkan pembaziran makanan.



Pengurangan

Kami berhasrat untuk mengurangkan penghasilan sisa menerusi pelbagai program untuk mengelakkan pembaziran. Program-program tersebut menggalakan pelbagai amalan mesra sumber seperti berikut:


- > Menggunakan bekas makanan terbiodegradasi dan penyedut minuman kertas di semua Kawasan Rehat & Rawat (R&R) kami bagi mengurangkan penggunaan produk sekali guna.
- > Membawa bekas makanan dan peralatan makanan guna semula apabila membeli makanan dan minuman di kafeteria.
- > Membawa botol minuman sendiri ke mesyuarat.
- > Mencetak dokumen hanya bila diperlukan sahaja dan menggunakan kedua-dua belah kertas.

Kami telah meletakkan notis di kawasan tertentu sekitar pejabat kami bagi mengingatkan Warga PLUS supaya sentiasa berjimat dalam penggunaan air dan elektrik.

Peralatan Cekap Air

Sebagai usaha menjimatkan air, kami sedang merancang pemasangan peralatan cekap air. Proses ini akan dimulakan di R&R Seremban yang sedang dinaik taraf.

Jumlah Isi Padu Penggunaan Air (m³)



Sistem Rawatan Air Bawah Tanah (Telaga Tiub)

Bagi mengurangkan jejak alam sekitar kami, kami telah memasang sistem rawatan air telaga tiub di Plaza Tol Bukit Tagar. Sistem ini mengekstrak dan merawat air bawah tanah bagi memenuhi parameter piawaian sebelum digunakan untuk bilik air, kerja pembersihan dan landskap. Ini dapat membantu mengurangkan impak terhadap alam sekitar kerana saluran paip air terdekat terletak lebih 10km dari plaza tol tersebut.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Warga PLUS sedang menyelenggara sistem rawatan air bawah tanah (telaga tiub) di Bukit Tagar.



5,559 m³

air diperolehi dari sumber air bawah tanah (menerusi pengepaman telaga tiub) pada tahun 2022.

Penuaian Air Hujan


Amalan penuaian air hujan sebagai sumber air alternatif untuk kegunaan seharian dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber air semula jadi dan yang dirawat.

Sejak tahun 2012, kami telah melaksanakan penuaian air hujan di bangunan Persada PLUS, Kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan hentian sebelah. Di Persada PLUS, air hujan yang dikumpulkan akan diguna pakai untuk penyejuk sistem penyaman udara. Ia juga digunakan untuk pembersihan dan memelihara landskap di R&R dan hentian sebelah yang terpilih. Kini, kami mempunyai sistem penuaian air hujan di 19 lokasi operasi. Di samping itu, kami akan menambah sistem penuaian air hujan dan meluaskan penggunaannya untuk sistem siraman dan pengairan bagi mengurangkan lagi kebergantungan kami terhadap air terawat.



Sistem penuaian air hujan di Hentian Sebelah Yong Peng.

Proses sistem penuaian air hujan di R&R dan hentian sebelah kami:



Sila imbas kod QR ini untuk menonton video penuaian air hujan kami.

Kawasan Tadahan Air

Kami telah mula mengumpul air hujan yang mengalir dari Bukit Meru di Terowong Menora. Air hujan tersebut dikumpul di dalam kolam dan digunakan oleh pejabat-pejabat berhampiran untuk kerja pembersihan dan landskap.



Penggunaan Semula

Kami membaiki pulih dan membaiki perabot di pejabat bagi memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh mengekalkan fungsinya, justeru menambah jangka hayat penggunaannya.

Kami kerap menjalankan pemeriksaan stok alat tulis yang sedia ada untuk mengoptimalkan pembelian barangan pejabat.

Kami melipatgandakan usaha mengumpul fabrik dan tekstil yang diguna secara berhemah seperti pakaian, cadar dan langsir daripada Warga PLUS dan pelanggan lebuhraya kami untuk diagihkan kepada komuniti sasaran.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Penyesuaian Semula

Apabila bahan sisa tidak boleh diguna semula, kami memanfaatkan penyelesaian inovatif bagi menggunakan semula objek atau bahan berkenaan bagi tujuan alternatif. Sebagai contoh, beberapa rakan niaga kami di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) telah mula menjual semula minyak masak terpakai kepada syarikat yang mampu merubah dan menggunakannya semula sebagai sabun buku atau biodiesel.

Seterusnya, kami merancang untuk menerokai aktiviti pengomposan yang merupakan kaedah bagi mengguna semula bahan organik. Kami juga akan meningkatkan kemahiran Warga PLUS dengan membekalkan mereka pengetahuan mengenai cara mengitar semula sisa isi rumah atau pejabat.



Warga PLUS mengamalkan pendekatan 5R dengan mengitar semula pakaian lama di Persada PLUS.



Tong kitar semula kami di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Gunung Semanggol (Arah Selatan).



Sila imbas kod QR ini untuk menyaksikan video kami mengenai asfalt yang dikitar semula.



Pengitaran Semula

Kami komited untuk menginstitusikan kesedaran yang teguh terhadap amalan kitar semula dan memacu perubahan tingkah laku dalam kalangan pelanggan kami, rakan niaga dan Warga PLUS. Sehubungan itu, kami telah memulakan pembelian tong-tong 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*) baru untuk ditempatkan di Kawasan Rehat & Rawat (R&R), restoran jejantas (OBR) dan hentian sebelah serta menganjurkan kempen menggalakkan kitar semula dalam kalangan pelanggan lebuah raya.

Amalan kitar semula telah diterapkan dalam operasi dan penyelenggaraan yang kami lakukan, di mana barangan kitar semula seperti kertas, kotak kadbod dan tin dikumpul oleh kontraktor kitar semula untuk tujuan pemprosesan. Kami sering menganjurkan amalan pengasingan sisa dalam kalangan rakan niaga dan vendor menerusi penyediaan tong pengasingan sisa dan menjadikannya satu keperluan bagi memasang perangkap gris di premis mereka.

Baru-baru ini, kami memperkenalkan aplikasi mudah alih berasaskan web yang dikenali sebagai PLUS 5S Pro bagi mengesan aktiviti kitar semula dalam kalangan rakan niaga secara sistematik. Di samping itu, kami telah menyelaraskan pengumpulan sisa kitar semula untuk dihantar ke pusat beli balik. Sisa-sisa tersebut diubah menjadi produk-produk yang boleh digunakan semula dan mampu dijual rakan niaga sebagai sumber menjana pendapatan.

Data kitar semula setakat tahun 2022:



9,998 kg kertas



2,994 kg gris



1,153 kg plastik



1,110 kg tin



682 kg serbuk teh



2,947 tin aluminium dikitar semula



2,387 botol plastik dikitar semula

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR

Mesin Layan Diri Balikan (RVM) oleh KLEAN

RVM adalah peranti automatik yang membolehkan bekas terpakai dikitar semula untuk mendapatkan ganjaran mata pengguna. Ia merupakan sebahagian daripada Projek Inisiatif Hijau PLUS bersama KLEAN, penyedia RVM Kecerdasan Buatan (AI) pertama Malaysia. Projek perintis RVM ini telah dijalankan di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) terpilih pada bulan September 2022. Pelaksanaan teknologi ini menggalakkan perubahan tingkah laku positif dalam kalangan pelanggan lebuah raya menerusi pemberian insentif sebagai ganjaran mengitar semula.



RVM yang dikuasakan AI telah diperkenalkan di Restoran Jejantas (OBR) Sg. Buloh dan R&R Rawang sebagai Bukti Konseptual (POC).



Medan selera di R&R Gunung Semanggol (Arah Selatan).

Kami melupuskan semua sisa yang tidak boleh dikitar atau diguna semula mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Kami bekerjasama dengan Edgenta Infrastructure Services (EIS) dan Urusan Teknologi Wawasan Sdn. Bhd. (UTW) dalam pelupusan e-waste selaras dengan peraturan Jabatan Alam Sekitar (DOE) Malaysia.



Pelupusan

Pelepasan Kumbahan Terawat

Kami memiliki dan menguruskan loji rawatan kumbahan (STP) untuk merawat air kumbahan dengan pensampelan efluen dijalankan bulanan dan diuji di makmal yang mempunyai akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia. Hal sedemikian memastikan kami memenuhi piawaian minimum pembuangan efluen.


Sebanyak 83 STP milik kami telah memenuhi piawaian rawatan air kumbahan yang ditetapkan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, dengan 32 STP lagi akan dinaiktaraf pada masa akan datang. Kami juga telah menukar lapan (8) STP menjadi stesen pam di R&R terpilih untuk meningkatkan kecekapan proses operasi kami.



115

Jumlah loji rawatan kumbahan.

Jumlah Isi Padu Kumbahan yang Dirawat dan Dilepaskan (m³)



Nota:

(i) Pertambahan isi padu berikutan pemasangan meter aliran di STP yang lain dan penentuan semula untuk memastikan ketepatan pembacaan.

(ii) Isi padu berkurangan pada tahun 2022 berikutan penukaran 8 STP menjadi stesen pam.

PENGLOLAAN ALAM SEKITAR



Bahan Lestari

Kepentingan Bahan Lestari Kepada Kami:

Pengurusan penggunaan bahan dalam operasi, dengan fokus kepada bahan kitar semula yang tidak berbahaya dan boleh diperbaharui.

Aspirasi Kami:

Menggunakan bahan lestari di sepanjang perniagaan dan operasi serta membina saluran bekalan bahan lestari yang boleh digunakan.

Inisiatif dan Sorotan

Kami mengakui kepentingan inovasi dan kelestarian dalam persekitaran yang mempunyai sumber terhad. Oleh demikian, kami berpegang kepada konsep ekonomi kitaran untuk mengurangkan sisa dan menambah baik produktiviti sumber dalam perniagaan dan operasi supaya kami kekal sebagai teladan kepimpinan dalam industri. Selain daripada kerja-kerja teras kami dalam menyelenggara turapan jalan seperti yang diuraikan dalam bahagian Kecemerlangan Penyelenggaraan dan Operasi, kami turut memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap penggunaan bahan lestari di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan pejabat-pejabat kami.



Bahan Lestari di Kawasan R&R

Kami sedang meneroka penggunaan peralatan makanan terbiodegradasi dan berusaha untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna di Kawasan R&R kami. Ini merupakan usaha yang telah kami mulakan bersama dengan rakan niaga dan vendor. Dengan melakukan hal sedemikian, kami berhasrat untuk menjadi pemangkin perubahan tingkah laku pelanggan kami demi mencapai agenda pembangunan negara.



Hentian Sebelah Bukit Gantang (Arah Utara).



Bahan Lestari di Premis Kami

Usaha sama yang kami jalankan bagi mendigitalkan sebahagian besar proses-proses di pejabat kami telah membawa kepada pengurangan penggunaan kertas secara ketara, iaitu sebanyak 160,800 helai pada tahun 2022. Pada masa yang sama, kami telah melancarkan program untuk memupuk budaya kelestarian dalam kalangan Warga PLUS. Sebagai contoh, kami menggalakkan amalan membawa botol minuman sendiri sewaktu menghadiri sebarang mesyuarat pengurusan. Kami juga menggalakkan Warga PLUS membawa beg guna semula bagi mengurangkan penggunaan plastik. Kami berhasrat untuk memanfaatkan lebih banyak lagi bahan-bahan lestari untuk kegunaan di pejabat-pejabat kami pada masa akan datang.



Kami menyediakan botol minuman kaca yang boleh diguna semula di bilik mesyuarat kami.

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR



Adaptasi Impak Iklim

Kepentingan Adaptasi Impak Iklim Kepada Kami:

Mempertimbangkan unsur perubahan iklim dalam proses membuat keputusan operasi dan strategik, termasuk menilai impak operasi terhadap perubahan iklim dan mengambil langkah mengurangkan impak tersebut.

Aspirasi Kami:

Menerapkan kelestarian dalam keputusan operasi dan strategik untuk mengukur dan mengurangkan impak perubahan iklim terhadap operasi kami.

Inisiatif dan Sorotan

Kami mempunyai matlamat untuk mengukuhkan pengelolaan kami terhadap alam sekitar dengan memupuk amalan hijau dan pemikiran kelestarian dalam membuat keputusan strategik dan operasi. Hal sedemikian adalah penting disebabkan perubahan iklim dapat mengancam pengendalian perniagaan dan operasi kami.

Pendekatan kami terhadap adaptasi impak iklim adalah selaras dengan Perjanjian Paris yang merupakan perjanjian perubahan iklim antarabangsa yang bertujuan mengehadkan pemanasan global.

Penyelesaian Berasaskan Alam Semula Jadi

Penyelesaian berasaskan alam semula jadi menawarkan sequestrasi karbon yang memanfaatkan perniagaan dan operasi kami menerusi pelbagai cara seperti berikut:



Mengurangkan hakisan tanah



Bertindak sebagai penghadang angin



Memelihara habitat hidupan liar serantau



Berkeupayaan tinggi dalam menghasilkan oksigen



Berkeupayaan tinggi dalam memerangkap karbon dioksida

Di sepanjang lebuh raya dan kemudahan yang kami sediakan, kami telah melaksanakan inisiatif-inisiatif landskap yang membawa kepada hasil berikut:



270,783 pokok telah ditanam



247,716 m² pokok renek telah ditanam



7,985 m² tanaman tutup bumi telah disediakan

Kami merancang untuk memanfaatkan penyelesaian berasaskan alam semula jadi untuk meningkatkan potensi penyingkiran karbon dalam perniagaan dan operasi kami. Hal sedemikian termasuklah menjalankan kajian untuk mengambil kira prestasi penyingkiran karbon semasa dan pendekatan terbaik untuk memperkuat usaha ini.



Pemandangan dari udara yang menunjukkan landskap tumbuh-tumbuhan hijau yang subur di sepanjang perjalanan menuju Terowong Meru-Menora di Lebuhraya Utara-Selatan (NSE).

PENGELOLAAN ALAM SEKITAR

Jaring Penahan Sisa Serpihan dan Penghadang Runtuhan Batu

Jaring-jaring penahan sisa serpihan telah dipasang di kawasan cerun yang kritikal sepanjang lebuh raya kami untuk melindungi pengguna jalan raya dan infrastruktur kami daripada runtuhan batu atau sisa serpihan. Jaring-jaring ini adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara dan mempunyai keupayaan menghadang batu besar yang bergerak pada kelajuan 25 meter sesaat. Jaring-jaring tersebut telah dipasang di enam (6) lokasi, iaitu tiga (3) di Jelapang, dua (2) di Gunung Tempurung dan satu (1) di Bukit Maokil.

Kami juga telah memasang sistem penghadang runtuhan batu di KM 258.17 (Arah Utara) dan Bukit Lanjan sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan (NSE). Penyelesaian ini adalah untuk menyekat runtuhan batu yang telah hancur, seterusnya mengelakkan pelanggan lebuh raya kami daripada sebarang ancaman keselamatan, kerosakan kepada infrastruktur kami dan gangguan lalu lintas.

Lintasan Hidupan Liar

Pada peringkat awal pembinaan lebuh raya, beberapa lokasi sepanjang kawasan hutan telah dikenal pasti sebagai lintasan hidupan luar. Salah satu lokasi adalah kawasan permatang gunung di atas Terowong Meru-Menora. Kami mengenal pasti dan mengambil kira keberadaan lintasan hidupan liar ini dalam strategi kami supaya dapat mengurangkan impak kami kepada alam sekitar dan memastikan pelanggan lebuh raya selamat daripada ancaman hidupan liar yang memasuki lebuh raya kami.

Memanfaatkan Teknologi untuk Mengurus Perubahan Iklim

Dengan menjalankan pemantauan dan analisis taburan hujan, kami dapat meramalkan keadaan cerun buatan manusia dan paras air sungai di sepanjang lebuh raya kami. Hal sedemikian membolehkan kami memperoleh data amaran awal berkaitan keadaan cerun dan paras air yang meningkat berhampiran aset dan kemudahan kami. Inisiatif-inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen kami bagi memanfaatkan teknologi untuk mengumpul data, membuat analisis dan laporan bagi memacu kebolehan membuat keputusan yang termaklum. Objektif keseluruhan inisiatif ini adalah untuk melindungi keselamatan pelanggan lebuh raya kami dan memastikan kesinambungan perniagaan dalam keadaan cuaca buruk.

Cadangan Jawatankuasa Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD)

Kami komited untuk melaksanakan cadangan yang dikemukakan oleh TCFD secara progresif untuk memperkukuhkan pelaporan kami dan meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim. Sila rujuk muka surat 161 untuk maklumat lanjut mengenai TCFD.

Penilaian Risiko Iklim dan Analisis Impak Alam Sekitar

Kami sedang melaksanakan penilaian risiko iklim secara komprehensif untuk membentuk pemahaman lebih mendalam mengenai kesan perubahan iklim terhadap operasi kami serta impak operasi kami terhadap perubahan iklim. Hal sedemikian memberi kami peluang untuk memperuntukkan sumber yang sewajarnya bagi melindungi operasi kami daripada sebarang impak negatif.



Penghadang runtuhan batu di sepanjang Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Warga PLUS melakukan khidmat masyarakat di Kampung Hujung Bandar, Sik, Kedah.

“

Sebagai anggota PLUSRonda, tanggungjawab utama kami adalah untuk menjalankan rondaan berkala di sepanjang jajaran lebuh raya bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna. Kami berkhidmat 24 jam sehari dan komited untuk menghulurkan bantuan kepada pengguna lebuh raya apabila diperlukan.

”

Norhafizi Bin Kasimin
PLUSRonda



“

Sumbangan PLUS dalam membaik pulih jalan di *Vehicular Box Culvert* amat dihargai kerana ianya merupakan laluan utama penduduk Kg. Sari Baru. Ini memberi impak positif kepada aktiviti ekonomi setempat. Tambahan pula, lampu solar yang dipasang membuatkan kami rasa lebih selesa dan selamat untuk menggunakannya.

”

Azali bin Ahmad
Ketua Kampung,
Kg. Sari Baru,
Pagoh, Johor



KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang relevan dengan komitmen kami kepada masyarakat:



Di PLUS, kami mempunyai semangat kemasyarakatan yang kuat, dipacu oleh rangkaian lebuh raya kami sepanjang Semenanjung Malaysia yang menjadikan kami sebahagian daripada kehidupan seharian warga Malaysia. Kami juga berbangga dapat menyokong Warga PLUS dalam mencapai kemajuan kerjaya dan memastikan kesejahteraan mereka menerusi operasi kami.

Komitmen kami kepada masyarakat didorong oleh matlamat jenama kami iaitu *Menjaga Anda Di Sepanjang Perjalanan*. Sehubungan dengan itu, kami melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan impak di seluruh ekosistem sosial kami yang terdiri daripada operasi dan tempat kerja serta komuniti kami.

Operasi Kami

Kami percaya lebuh raya kami menyumbang kepada kualiti kehidupan komuniti dengan membolehkan mereka menikmati masa perjalanan yang lebih singkat serta perjalanan yang selamat dan mudah.

O

Tempat Kerja Kami

Kakitangan kami, yang lebih mesra dikenali sebagai Warga PLUS, adalah aset kami yang paling berharga. Kami komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif.

T

Komuniti Kami

Kami menyumbang kembali kepada komuniti di kawasan kami beroperasi dan menggalakkan pembangunan sosioekonomi mereka.

K

Perkara Utama Kelestarian yang Relevan



Keselamatan Jalan Raya



Pengurusan Kesyakan Trafik



Kecemerlangan Penyelenggaraan dan Operasi



Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan



Pendigitalan dan Inovasi



Tenaga Kerja Cekap



Hak Asasi Manusia



Keutamaan Pelanggan



Pemeriksaan Bumiputera



Pembangunan Komuniti Jajaran Lebuh Raya

Inisiatif sosial kami tertumpu kepada tiga bidang fokus utama untuk menyampaikan nilai-nilai positif kepada Warga PLUS dan komuniti.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Operasi Kami

Kami komited untuk memastikan lebuh raya dan perkhidmatan kami berpotensi menyampaikan nilai sosial dengan membolehkan perjalanan yang selamat, selesa dan efisien bagi memudahkan aktiviti sosioekonomi dan meningkatkan kualiti kehidupan warga Malaysia.



Keselamatan Jalan Raya

Kepentingan Keselamatan Jalan Raya Kepada Kami:

Pengurusan infrastruktur dan perkhidmatan yang memenuhi piawaian keselamatan industri.

Aspirasi Kami:

Menyediakan jalan raya yang selamat dan boleh dipercayai dengan menggabungkan pendekatan 3E iaitu Kejuruteraan (*Engineering*), Pendidikan (*Education*) dan Penguatkuasaan (*Enforcement*) bagi melindungi para pengguna jalan raya daripada potensi bahaya di jalan raya.

Inisiatif dan Sorotan

Kami menjadikan keselamatan sebagai keutamaan kami dan berusaha untuk memastikan keselamatan 1.7 juta pelanggan lebuhraya setiap hari.



Purata trafik harian pasca COVID-19:

1.7 juta kenderaan

Fokus kami terhadap keselamatan meliputi Warga PLUS, rakan niaga dan komuniti jajaran lebuhraya di sepanjang lebuhraya kami serta berlandaskan rangka kerja keselamatan jalan raya 3E kami untuk memastikan keselamatan semua menerusi Kejuruteraan (*Engineering*), Pendidikan (*Education*) dan Penguatkuasaan (*Enforcement*) (3E).



Kejuruteraan



Pendidikan



Penguatkuasaan

Rangka kerja keselamatan jalan raya 3E kami.

Rangka kerja keselamatan jalan raya 3E kami dirangka untuk menyelaraskan perniagaan dan operasi kami dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya 2022-2030 (MRSP 2022-2030) yang berhasrat memacu inisiatif keselamatan jalan raya di semua peringkat masyarakat bagi menyokong aspirasi nasional untuk mencapai pengurangan kemalangan maut sebanyak 50% menjelang 2030.



Kejuruteraan

Penambahbaikan Infrastruktur Lebuhraya

Infrastruktur kami meliputi pelbagai jenis aset dan kemudahan di sepanjang lebuhraya kami dan menjadi titik sentuhan utama bagi para pelanggan lebuhraya. Oleh itu, kami memperuntukkan sumber yang besar untuk melaksanakan pemantauan yang rapi dan penyelenggaraan mengikut piawaian.

Pada tahun 2022, kami bekerjasama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk menjalankan kerja menaik taraf dan penyelenggaraan di sembilan (9) lokasi kritikal yang dikenal pasti di jajaran Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mencegah kemalangan dan kehilangan nyawa dalam kalangan pelanggan lebuhraya kami. Kerja menaik taraf tersebut merangkumi pemasangan *rumble strips* baru, papan tanda amaran untuk mengurangkan kelajuan dan lampu berkelip pada papan tanda *chevron* sedia ada di kawasan yang sering berlaku kemalangan.

Pasukan pakar kami telah menjalankan audit keselamatan jalan raya secara berkala untuk mengenal pasti perkara-perkara yang memerlukan perhatian dan memastikan jalan raya kami mencapai piawaian keselamatan tertinggi.

Program Penilaian Jalan Raya Antarabangsa (iRAP)

Bagi meningkatkan kualiti jalan raya kami dan memastikan keselamatan para pelanggan lebuhraya, kami telah menyertai Program Penilaian Jalan Raya Antarabangsa (iRAP) yang merupakan inisiatif yang diiktiraf di seluruh dunia. Inisiatif ini beroperasi di lebih 100 buah negara yang memberikan penarafan bintang atas penambahbaikan keselamatan jalan raya yang dilaksanakan.

Program Penilaian Jalan Raya Malaysia (MyRAP)

Kami bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) di bawah Program Penilaian Jalan Raya Malaysia (MyRAP) yang menggunakan rangka kerja iRAP untuk mengenal pasti keperluan penambahbaikan dan naik taraf bagi semua infrastruktur kami.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Bantuan Lebuhraya

Pasukan PLUSRonda dan LPT2Ronda kami mempunyai kuasa Polis Bantuan (AP), justeru diberi kepercayaan untuk mengawasi pengurusan trafik di lebuhraya kami, terutama sekali apabila berlaku kemalangan.

Kami mengakui kepentingan dalam memastikan pelanggan lebuhraya berasa selamat dan dilindungi semasa perjalanan mereka. Pasukan PLUSRonda dan LPT2Ronda kami sentiasa bersedia untuk membantu para pelanggan lebuhraya apabila diperlukan menerusi keupayaan-keupayaan berikut:

	Kawal Selia Trafik		Bantuan Asas Pertolongan Cemas
	Perkhidmatan Tunda		Pemanduan Defensif
	Pembaikan Ringan untuk Kenderaan di Lokasi		Penyelarasan Tindak Balas Kecemasan



Anggota PLUSRonda kami sedang membantu pelanggan lebuhraya yang mengalami tayar pancit.

Selain daripada aspek keupayaan, kami berusaha untuk memastikan pasukan PLUSRonda dan LPT2Ronda kami dilengkapi dengan alat dan teknologi yang sesuai untuk melaksanakan tugas-tugas mereka secara efektif. Bagi memastikan mereka mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk menjalankan tugas dengan selamat dan boleh dipercayai, setiap anggota pasukan perlu menjalani Penilaian Keupayaan Bekerja (FTW) dan memenuhi keperluan ketat terhadap aspek fizikal dan mental yang ditetapkan.

Tersedia 24 jam sehari dan 365 hari setahun, perkhidmatan PLUSRonda dan LPT2Ronda kami mencerminkan dedikasi kami dalam menyediakan pengalaman perjalanan yang terbaik untuk para pelanggan lebuhraya kami.



Dua orang anggota PLUSRonda kami telah diiktiraf sebagai Wira Lebuhraya oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) semasa Majlis Penyampaian Anugerah Industri Lebuhraya 2021 atas bantuan yang diberikan kepada pasangan yang menyambut kelahiran bayi di Lebuhraya NKVE.

Penggunaan Kenderaan Keselamatan (SV)

Kami memanfaatkan kerjasama dengan *Edgenta Infrastructure Services* (EIS) dalam melaksanakan langkah-langkah bagi meningkatkan tahap keselamatan di lebuhraya kami. Diilhamkan oleh konsep kereta keselamatan *Formula One*, kami merupakan pengendali lebuhraya pertama yang telah memperkenalkan Kenderaan Keselamatan (SV) untuk mengawal selia kelajuan trafik dan membantu pasukan tindak balas kecemasan bagi mengalihkan objek bahaya di lebuhraya kami. SV kami dilengkapi ciri-ciri keselamatan yang mencukupi untuk memberi amaran kepada pelanggan lebuhraya akan kehadiran mereka, memasuki formasi dan membolehkan pelaksanaan kerja-kerja terancang atau kecemasan dalam keadaan terasing dan selamat di lebuhraya kami. Pada tahun 2022, SV kami telah digunakan untuk lebih 34,000 tugas di lebuhraya kami.



Kenderaan Keselamatan kami yang digunakan untuk kerja-kerja terancang dan kecemasan.

Kami sedang menjalankan pemodenan SV dengan memperkenalkan *Truck Mounted Attenuator* (TMA) untuk mengurangkan kerosakan struktur dan kenderaan sekiranya berlaku pelanggaran. TMA boleh memberikan perlindungan yang lebih baik kepada semua pihak berkepentingan di lebuhraya kami ketika kerja operasi dan penyelenggaraan dijalankan.




Kami berjaya menggunakan Kenderaan Keselamatan kami untuk melakukan lebih **34,000** tugas di lebuhraya kami pada tahun 2022.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Menambah Baik Keselamatan Penunggang Motosikal

Terdapat peningkatan ketara kepada bilangan kejadian pelanggaran antara kenderaan lain dan motosikal dari belakang. Bagi membantu penunggang motosikal meningkatkan kesedaran situasi mereka, kami telah bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) untuk mencipta Sistem Amaran Pelanggaran Motosikal (MCAS). Menerusi peranti pemancar cahaya dan alat audio, sistem canggih dan inovatif ini memberi amaran visual dan audio kepada penunggang motosikal akan bahaya yang bakal menimpa atau risiko berlaku pelanggaran dalam laluan perjalanan mereka bagi mempertingkatkan keupayaan bertindak mereka untuk mengelakkan pelanggaran.

Kami kini dalam proses menjalankan ujian untuk MCAS dan berharap dapat memperkenalkan peranti yang mudah dipasang ini untuk kegunaan motosikal tidak lama lagi.



Ilustrasi sensor jarak motosikal yang berasaskan Pengesanan Cahaya dan Penjarakan (LiDAR) bagi mengesan laluan perjalanan hadapan dalam lingkungan jarak yang ditentukan.

Program Keselamatan Kenderaan Komersial dan Berat

Lebih kurang 10% pelanggan lebuhraya Malaysia merupakan pemandu kenderaan berat. Kami membangunkan program keselamatan komprehensif bagi para pemandu kenderaan komersial menerusi program PLUSTRack kami yang melengkapi para pemandu dengan keupayaan dan kemahiran mengendalikan kenderaan berat secara selamat dan bertanggungjawab.

Ini termasuk penyelesaian pengurusan pintar dalam pengendalian kenderaan komersial yang menawarkan pengesanan secara langsung terhadap perbelanjaan tol, keselamatan pemandu dan pengurusan penyelenggaraan serta keselamatan dan keupayaan cekap untuk mengendalikan kenderaan dalam kalangan para pemandu. Penyelesaian ini juga dilengkapi dengan Kecerdasan Buatan (AI) bagi membolehkan mereka menguruskan perjalanan dan membuat persediaan menghadapi cabaran yang tidak terduga semasa perjalanan.

Kami berganding bahu bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan MIROS sebagai penganjur bersama Persidangan Keselamatan dan Teknologi Kenderaan Berat (HEVTEC 2022) yang julung kali diadakan. Persidangan tersebut dihadiri oleh lebih 120 peserta dalam kalangan komuniti dan persatuan industri kenderaan berat serta menampilkan para penceramah terkemuka tempatan dan antarabangsa daripada organisasi awam dan swasta. Ia menyediakan sebuah platform pertukaran ilmu dan perbincangan dalam kalangan para peserta mengenai amalan terbaik dan teknologi terkini dalam bidang keselamatan.



HEVTEC 2022 dihadiri oleh **120+** peserta dalam kalangan komuniti dan persatuan kenderaan berat.



Kami berkolaborasi dengan Volvo Trucks Malaysia (Volvo) untuk memacu penyelesaian keselamatan dan kelestarian bagi industri kenderaan berat Malaysia.

Kolaborasi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Kami terus mencari dan menjalin kerjasama dengan pihak universiti dan menyediakan pembiayaan bagi mencipta peluang R&D dalam bidang keselamatan jalan raya. Kami telah melancarkan program-program R&D yang berjaya seperti projek Sistem Isyarat Pengesanan Amaran (SWAD) melalui kolaborasi dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

SWAD adalah peranti berasaskan sensor pengesanan bahaya untuk memberi amaran dan perlindungan kepada Warga PLUS di lebuhraya kami menerusi isyarat berkenaan kejadian bahaya yang mungkin berlaku dalam lingkungan zon pekerjaan mereka. Sistem tersebut terdiri daripada pengesanan tanpa wayar, alat kawalan, lampu, siren dan jaket keselamatan yang dilengkapi dengan pengesanan output. Sistem ini sedang diuji dan bakal dilaksanakan sebagai perintis dalam keadaan operasi sebenar.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Pendidikan

Advokasi Menerusi Program Bersama Komuniti (CBP)

Kami memahami kepentingan memupuk budaya keselamatan jalan raya bagi pelanggan lebuhraya dan komuniti secara umum. Oleh hal yang demikian, kami telah mengambil pendekatan yang proaktif dan kolaboratif terhadap penambahbaikan keselamatan menerusi kerjasama dengan organisasi utama sektor awam, swasta dan sosial. CBP kami termasuk "Webinar Bersama Membudayakan Keselamatan Jalan Raya" (*Let's Inculcate Safety Culture Together Webinar*) yang dianjurkan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) bagi berkongsi maklumat dan meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya dalam kalangan peserta dari universiti, politeknik dan pusat latihan.

Kami turut menganjurkan pertandingan melukis untuk pelajar sekolah rendah bagi memupuk budaya keselamatan pada peringkat usia awal. Pada tahun 2022, kami telah menganjurkan:



7 webinar, melibatkan **3,611** peserta



10 peraduan, melibatkan **1,283** peserta



Kami telah menganjurkan webinar keselamatan jalan raya untuk para pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak.



Kami telah menganjurkan pertandingan melukis untuk mendidik pelajar Sekolah Kebangsaan Datin Khadijah, Kuala Kangsar, Perak tentang kepentingan keselamatan jalan raya.

Maklumat Keselamatan Untuk Orang Ramai

Kami memanfaatkan jangkauan kami di platform media sosial untuk mengagihkan maklumat mengenai keselamatan dan panduan bagi meningkatkan kesedaran terhadap amalan terbaik supaya keselamatan individu di jalan raya dapat dilindungi. Di samping itu, saluran-saluran ini amat penting untuk kami berinteraksi dan memaklumkan pihak berkepentingan kami mengenai inisiatif yang dijalankan bagi memastikan keselamatan dan memudahkan perjalanan mereka.



Poster-poster keselamatan jalan raya yang disiarkan menerusi saluran media sosial bagi berkongsi panduan keselamatan dalam kalangan pelanggan lebuhraya kami.



Penguatkuasaan

Kerjasama dengan Pihak Berkuasa

Kami menyedari kepentingan kerjasama erat dengan agensi penguatkuasaan utama seperti PDRM dan JPJ untuk memastikan keselamatan pelanggan lebuhraya kami. Sepanjang beberapa tahun yang lepas, kami telah menyumbang kenderaan baru kepada PDRM dan JPJ yang dikhaskan untuk rondaan di lebuhraya PLUS dan menyediakan beberapa stesen lapangan untuk menyelaras dan menyokong aktiviti penguatkuasaan mereka.

Kerjasama kami dengan JPJ boleh dilihat menerusi penubuhan Unit Penguatkuasa Lebuhraya (UPLR) yang pertama di Malaysia. Pada masa yang sama, kerjasama erat kami dengan PDRM telah menyaksikan penubuhan Unit Siasatan Lebuhraya (USLR) di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan plaza tol terpilih. USLR membolehkan pelanggan lebuhraya membuat laporan polis di pejabat kami sepanjang lebuhraya tanpa perlu mencari stesen polis di laluan keluar terdekat.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Selain itu, kami juga terus memberikan sokongan penuh kepada operasi anjuran bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) seperti Ops Rempit, Ops Bersepadu, Ops *Emergency Lane*, Ops Lejang dan Ops Halangan. Kami juga mengadakan persetujuan bersama dengan JPJ untuk memantau prestasi kami dalam memastikan keselamatan lebuhraya.



Persatuan dan Keahlian

Penyertaan dan keahlian kami dalam pelbagai persatuan dan jawatankuasa memperlihatkan komitmen berterusan kami untuk menambah baik keselamatan jalan raya dalam industri dan sokongan aktif kami kepada Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) menerusi program keselamatan dan libat urus bersama komuniti.

Kami bekerjasama dengan agensi dan pihak berkuasa berikut untuk mengekalkan ekosistem yang selamat untuk semua warga Malaysia:



Lembaga
Lebuhraya Malaysia
(LLM)



Polis
Diraja Malaysia
(PDRM)



Jabatan
Pengangkutan Jalan
Malaysia (JPJ)



Institut Kesihatan dan
Keselamatan Pekerjaan
Kebangsaan (NIOSH)



Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia
(BOMBA)



Jabatan Keselamatan
Jalan Raya Malaysia
(JKJR)



Persatuan Syarikat-
syarikat Konsesi
Lebuhraya Malaysia
(PSKLM)



Institut Lebuhraya dan
Pengangkutan Bertauliah
(CIHT)



Institut Penyelidikan
Keselamatan Jalan
Raya Malaysia
(MIROS)



Pegawai JPJ menjalankan pemeriksaan kenderaan berat di jajaran lebuhraya kami bagi memastikan kepatuhan kepada peraturan yang ditetapkan.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Pengurusan Kesyakan Trafik

Kepentingan Pengurusan Kesyakan Trafik Kepada Kami:

Pelaksanaan langkah-langkah mengurangkan kesyakan trafik dan menguruskan trafik semasa waktu puncak.

Aspirasi Kami:

Pengurusan trafik secara proaktif untuk mengoptimumkan Tahap Perkhidmatan (LOS) dan mengurangkan kesyakan insiden, bermusim dan berkala di lokasi sasaran.

Inisiatif dan Sorotan

Jumlah populasi negara yang kian bertambah dan peningkatan aktiviti ekonomi telah melonjakkan bilangan kenderaan di atas jalan raya, justeru menyumbang kepada jumlah purata trafik mencecah 1.7 juta di lebuh raya kami.

Bagi memastikan pengalaman yang lancar, selamat dan selesa untuk semua pelanggan lebuh raya, kami telah melaksanakan langkah-langkah inovatif dan berlandaskan data bagi menguruskan trafik untuk mengurangkan kesyakan.

Di samping memenuhi kewajipan Perjanjian Konsesi, kami juga dibimbing oleh Kementerian Kerja Raya (KKR), Rangka Tindakan Sistem Pengangkutan Pintar Malaysia (ITS) dan Garis Panduan Perancangan Pengurusan Trafik Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Pusat Pemantauan Trafik (TMC)

TMC kami memainkan peranan yang amat penting dalam menguruskan trafik di semua lebuh raya kami. Ia memantau keselamatan dan kesejahteraan pelanggan lebuh raya kami selama 24 jam sehari dan turut menempatkan pusat panggilan talian khidmat pelanggan kami.

Operasi TMC disokong oleh dinding video pintar, yang bertindak sebagai "mata" di lebuh raya kami. Ia dikuasakan oleh rangkaian kamera CCTV resolusi tinggi sejumlah 179 buah di sepanjang lebuh raya dan merupakan teknologi yang mampu menyediakan rakaman video situasi di lebuh raya secara masa nyata. Hal sedemikian membolehkan pengurusan trafik yang berkesan, penghantaran bantuan dengan cepat dan membolehkan pemberitahuan segera dilakukan kepada pihak berkuasa. Tambahan pula, dinding video tersebut juga berupaya memaparkan suapan sosial sumber terbuka dan aplikasi perisian, seterusnya membolehkan penyebaran maklumat yang tepat dan pantas kepada pelanggan lebuh raya.

Ciri-ciri dinding video pintar kami adalah seperti berikut:



Ditayang melalui skrin LED untuk mengurangkan penggunaan tenaga.



Menyediakan paparan resolusi lebih tinggi untuk menghasilkan visual yang lebih tepat.



Membolehkan perkongsian tanpa wayar menerusi aplikasi mudah alih.



Penggunaan berbilang dinding video LED membolehkan pembentangan maklumat yang lebih banyak pada bila-bila masa.



Paparan video dan aplikasi secara langsung bagi memudahkan pengurusan trafik menerusi dinding video pintar di TMC.

Anggota TMC kami sentiasa bersedia untuk membantu pelanggan lebuh raya, terutama sekali apabila mereka berada dalam kesusahan. Oleh hal yang demikian, kami terus berusaha meningkatkan kemahiran berkomunikasi anggota TMC kami bagi memudahkan interaksi dengan pelanggan lebuh raya secara berhemah dan pantas, sambil menonjolkan empati, profesionalisme dan keyakinan.




1,000+ ke 2,000+

Panggilan pelanggan diuruskan setiap hari.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Papan Tanda Mesej Boleh Ubah (VMS)

VMS di sepanjang lebuh raya kami membolehkan pelanggan lebuh raya mendapatkan maklumat penting untuk merancang perjalanan mereka dengan lebih efisien. Maklumat yang dikongsi menerusi VMS termasuk maklumat secara langsung mengenai sebarang insiden, kerja pembaikan jalan raya, keadaan trafik dan laluan alternatif serta peringatan keselamatan.



VMS memaparkan maklumat terkini trafik di salah satu lebuh raya kami.

SMARTLane

Kami memperkenalkan inisiatif SMARTLane untuk menukar lorong kecemasan lebuh raya menjadi lorong tambahan sementara bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas. SMARTLane dilaksanakan di sepuluh (10) laluan sepanjang lebuh raya dan diaktifkan semasa waktu puncak antara jam 6.30 pagi sehingga 9.30 pagi pada hari bekerja dan pada musim perayaan.

Kami memaklumkan pengaktifan SMARTLane menerusi VMS dan platform media sosial kami. Bagi meningkatkan keterlihatan pengaktifan inisiatif ini, kami turut menghantar PLUSRonda ke laluan-laluan SMARTLane tersebut agar mereka dapat memberikan panduan kepada pelanggan lebuh raya bagi menggunakannya.

Di samping itu, kami telah membina beberapa ruang kecemasan baru di pelbagai laluan sepanjang lebuh raya kami untuk membolehkan kenderaan berat berhenti semasa kecemasan tanpa menjejaskan keselamatan pelanggan lebuh raya lain. Dengan pelaksanaan SMARTLane, kami menyaksikan peningkatan kelancaran aliran trafik dan pengurangan bilangan kemalangan.

Melangkah ke hadapan, kami berhasrat untuk menggunakan peralatan Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) bagi mewujudkan SMARTLane elektronik untuk meningkatkan lagi kecekapan pelaksanaannya.

Lorong Tol Bertukar Arah

Bagi mengurangkan kesesakan di plaza tol pada waktu puncak, terutama sekali apabila trafik datang dari arah yang berbeza, kami telah melaksanakan mekanisme lorong tol bertukar arah. Ini dapat mengurangkan kesesakan dengan meminjam kapasiti lorong dari arah yang kurang sesak. Makluman mengenai perubahan ini akan disampaikan kepada pelanggan lebuh raya menerusi paparan lampu trafik dan papan tanda di plaza tol.

Mekanisme ini terbukti berkesan di Rawang Selatan, Simpang Pulai dan Putra Mahkota, di mana lorong keluar ditukar menjadi lorong masuk pada waktu puncak di awal pagi.



Kami menggunakan lorong masuk di plaza tol sebagai lorong keluar tol pada waktu puncak.

Peningkatan Kapasiti Lorong

Kami melaksanakan kajian secara proaktif bagi mengenal pasti punca kesesakan dan mereka bentuk penyelesaian bagi menangani isu ini. Hal sedemikian termasuk meningkatkan kapasiti lorong menerusi pelbagai cara seperti melakukan konfigurasi semula dan pelebaran lorong, penjajaran semula tanda jalan di lokasi strategik dan memasang peralatan lebuh raya tambahan untuk mengurus kesesakan dengan lebih berkesan.



Kami menggunakan lorong kecemasan sebagai SMARTLane secara sementara pada waktu puncak di awal pagi.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Sistem Pengesanan Kenderaan Automatik (AVDS)

Bagi mengukuhkan usaha pemantauan trafik di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan (NSE), kami melaksanakan AVDS yang merupakan teknologi berasaskan radar untuk mengumpul data trafik secara langsung bagi mengesan kesesakan, kemalangan, serta kepadatan, kelajuan, panjang dan kelas kenderaan di jalan raya.




62

Sistem Pengesanan Kenderaan Automatik dipasang sepanjang NSE.

HAWKEYE untuk Ramalan Pemantauan Trafik

HAWKEYE adalah alat ramalan pemantauan trafik yang dapat memproses data secara langsung bagi meramal pola aliran trafik menerusi ramalan aliran, kepadatan dan kelajuan trafik di sepanjang lebuhraya kami.

Dengan menggunakan alat ini, kami dapat merancang operasi dan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan seperti pengaktifan SMARTLane untuk mengurangkan kesesakan, memberikan maklumat tepat kepada pelanggan lebuhraya mengenai keadaan trafik terkini dan meramalkan kejadian salah laku trafik berdasarkan trend masa lalu.



11

Plaza tol akan dilengkapi dengan Alat Pemantauan HAWKEYE menjelang akhir tahun 2023.



Anggota Pusat Pemantauan Trafik (TMC) kami menggunakan AVDS dan HAWKEYE untuk memantau trafik dan kemalangan di sepanjang lebuhraya kami.

Menyampaikan Maklumat Trafik kepada Pelanggan Lebuhraya

Kami menggunakan saluran digital dan pelbagai platform media sosial untuk menyampaikan maklumat trafik kepada pelanggan lebuhraya kami. Kemas kini disampaikan secara langsung berdasarkan maklumat yang diterima daripada TMC. Inisiatif-inisiatif kami termasuk:



Kemas kini maklumat secara langsung menerusi akaun Twitter kami (i.e. @plustrafik dan @lpt2trafik), Chatbot Putri dan aplikasi PLUS.



Ciri "Rancang Perjalanan Anda" dalam aplikasi PLUS menunjukkan suapan trafik CCTV di lebuhraya secara masa nyata untuk membantu pelanggan lebuhraya kami merancang perjalanan terlebih dahulu berdasarkan keadaan trafik.



Khidmat nasihat waktu perjalanan menerusi Chatbot Putri memberikan nasihat mengenai anggaran masa perjalanan dari satu plaza tol ke plaza tol lain berdasarkan maklumat semasa.



Suapan trafik CCTV secara masa nyata menerusi ciri "Rancang Perjalanan Anda" dalam aplikasi PLUS.



Sila imbas kod QR ini untuk mengikuti akaun Twitter @plustrafik.



Sila imbas kod QR ini untuk mengikuti akaun Twitter @lpt2trafik.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Kecemerlangan Penyelenggaraan dan Operasi

Kepentingan Kecemerlangan Penyelenggaraan dan Operasi Kepada Kami:

Penyampaian prestasi optimum menerusi pengurusan sumber, proses dan sistem secara efektif bagi memastikan aset kami berada dalam keadaan baik dan beroperasi pada kecekapan tertinggi.

Aspirasi Kami:

Penyampaian aktiviti operasi (termasuk program penyelenggaraan) secara cekap dan berkesan menerusi penggunaan teknologi dan kepatuhan kepada piawaian tertinggi dari segi kualiti dan semua peraturan relevan.

Inisiatif dan Sorotan

Ketika negara bergerak maju ke arah pembangunan ekonomi dan infrastruktur, kami dapat menyaksikan peningkatan pesat mobiliti, seterusnya mengukuhkan lagi fokus kami dalam menyediakan infrastruktur lebuh raya yang berkualiti, selamat dan boleh dipercayai. Oleh hal yang demikian, kami komited untuk menawarkan pengalaman perjalanan yang lancar kepada pelanggan lebuh raya menerusi penggunaan alat inovatif bagi memastikan penyelenggaraan yang mantap dan kecemerlangan operasi.



Pasukan penyelenggaraan kami melakukan pemeriksaan cerun untuk memastikan keselamatan pelanggan lebuh raya.

Kami melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan aset secara holistik. Hal sedemikian dilakukan dengan teliti untuk memastikan aset-aset berfungsi dan selamat. Semasa aktiviti penyelenggaraan, aset-aset turut diperiksa dengan langkah pencegahan yang sewajarnya bagi memperkukuhkan integriti dan memanjangkan jangka hayat mereka.

Aktiviti penyelenggaraan yang dilaksanakan untuk aset sivil, mekanikal dan elektrik adalah seperti berikut:



Penyelenggaraan Rutin

Kerja-kerja kitaran atau berkala bagi memelihara fungsi, keselamatan dan estetik (iaitu penyelenggaraan saliran, landskap, peralatan jalan raya, pam, peralatan tol dan bangunan).



Penyelenggaraan Pembaikan

Kerja-kerja pembaikan kerosakan dan memastikan keselamatan, kebolehhidmatan dan integriti struktural (iaitu pembaikan turapan jalan, jambatan, cerun, tambak, terowong dan penggantian kabel kuasa lampu).



Penyelenggaraan Pencegahan

Kerja-kerja terancang bagi meningkatkan jangka hayat rekabentuk aset dan kemudahan (iaitu penggunaan bahan inovatif untuk turapan jalan bagi memanjangkan jangka hayat dan pengubahsuaian lampu LED).

Operasi dan aktiviti penyelenggaraan kami adalah berlandaskan piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), di mana kami berhasrat untuk memenuhi segala obligasi peraturan tersebut dan menjadi penanda aras dalam industri lebuh raya di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kami bekerjasama dengan pihak LLM untuk membangunkan beberapa manual dan garis panduan sebagai rujukan bagi semua lebuh raya di seluruh negara.



Memaksimumkan Kecekapan Penyelenggaraan menerusi Inovasi

Kami melakukan inovasi secara berterusan ke atas strategi penyelenggaraan kami dan pelaksanaan melalui kolaborasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan teknologi dan jentera bagi menggantikan proses manual yang tradisional. Sebahagian daripada kekuatan kami dipaparkan pada halaman seterusnya.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Kolaborasi dengan Institusi Pembelajaran

Kejayaan kolaborasi kami bersama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah membawa kepada pembangunan mesin peletakan dan pengumpulan kon separa automatik yang pertama di ASEAN, yang dikenali sebagai mesin C2L. C2L bukan sahaja menghapuskan keperluan terhadap tenaga buruh malah mengurangkan masa untuk meletak dan mengumpul kon serta mengurangkan pendedahan risiko kepada pasukan kami ketika menguruskan trafik lebuh raya.

Kerjasama inovatif kami dengan UTeM telah diiktiraf oleh Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC), di mana kami dianugerahkan pingat emas dan mendapat kelulusan harta intelek bagi rekabentuk C2L. Kini kami sedang menjalankan Bukti Konseptual (POC) untuk sistem C2L bagi mengintegrasikan penyelesaian inovatif ini ke dalam aktiviti penyelenggaraan kami pada masa hadapan.

Pesawat Tanpa Pemandu (UAV)

Kami telah menambah baik aktiviti pemeriksaan penyelenggaraan menerusi penggunaan UAV atau dron, yang dikendalikan oleh ahli geomatik profesional dalaman. UAV membolehkan kami melakukan pemeriksaan secara pantas dan komprehensif terhadap aset-aset kami bagi mengenal pasti kerja penambahbaikan yang perlu dilakukan. Kami sedang membangunkan perancangan UAV jangka masa panjang yang memanfaatkan teknologi baru seperti kecerdasan buatan geospasial, pembelajaran mesin dan pembelajaran mendalam bagi memajukan kerja-kerja pemantauan, terutamanya di kawasan berisiko banjir. Penggunaan UAV memberikan manfaat kepada kami seperti berikut:



Penambahbaikan Tahap Keselamatan

Menghapuskan keperluan Warga PLUS untuk mengakses tempat berbahaya, seterusnya mengurangkan risiko kehilangan waktu bekerja akibat kecederaan (LTI).



Peningkatan Tahap Akses

Membolehkan akses ke lokasi mencabar dengan mengatasi batasan geografi.



Penambahbaikan Tahap Kejutuan

Menggunakan kamera definisi tinggi dan sensor pengimejan bagi menghasilkan data visual terperinci dan tepat untuk tujuan pemeriksaan.



Tindak Balas Kecemasan yang Pantas

Memudahkan tindak balas dijalankan untuk kerja-kerja terancang dan kecemasan menerusi intervensi yang efektif.



Pasukan Operasi Geomatik kami membuat penerbangan dron untuk melakukan pemeriksaan kerja penyelenggaraan.



Memelihara Kualiti Turapan Jalan dan Membantu Penguatkuasaan Melalui Teknologi

Kenderaan berlebihan saiz dan muatan boleh merosakkan aset lebuh raya serta menimbulkan risiko berlakunya kemalangan. Oleh hal yang demikian, kami telah membuat pelaburan dalam Sistem Pengesanan Kenderaan Lebih Saiz (OSVD) dan Sistem Timbang Dalam Gerakan (WIM) bagi mengenal pasti kenderaan yang berlebihan saiz dan muatan di lebuh raya secara berkesan supaya tindakan penguatkuasaan boleh diambil.

Sistem Pengesanan Kenderaan Lebih Saiz (OSVD)

OSVD adalah teknologi canggih yang direka untuk mengesan dan mengenal pasti kenderaan berlebihan saiz sebelum ia memasuki Terowong Meru-Menora. Sistem ini menggunakan pengimbas laser dan Sistem Pengesanan Automatik Plat Lesen Kenderaan (ALPR) untuk mengenal pasti kenderaan berlebihan saiz dan menghantar amaran kepada pelbagai pihak, termasuk pasukan tindak balas. Amaran visual dipamerkan pada Papan Tanda Mesej Boleh Ubah (VMS) untuk memaklumkan pemandu kenderaan berat tersebut supaya menyusur keluar dari lebuh raya atau membuat Pusingan-U di lokasi yang ditetapkan.

Sistem Timbang Dalam Gerakan (WIM)

WIM adalah teknologi yang merakam dan merekod berat kenderaan secara automatik ketika ia bergerak atas pengesan yang diletakkan dalam turapan jalan sepanjang lebuh raya.

Kami sedang menjalankan Bukti Konseptual (POC) di lokasi perintis di mana kami merancang menambah baik sistem WIM dengan ciri-ciri canggih seperti kamera ALPR untuk mengesan nombor plat kenderaan dan menghantar amaran kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat tindakan salah laku.



Kami telah berjaya memasang **19 sistem Timbang Dalam Gerakan (WIM)** di sepanjang lebuh raya kami.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Tempat Kerja Kami

Warga PLUS merupakan nadi operasi kami dan berperanan penting dalam membantu mencapai objektif perniagaan dan kelestarian kami. Perkara-perkara kelestarian utama kami yang berkaitan dengan tempat kerja memastikan penyediaan persekitaran kerja yang kondusif bagi membolehkan Warga PLUS merealisasikan potensi mereka sepenuhnya, di samping menjaga kesejahteraan mereka.



Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

Kepentingan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kepada Kami:

Penyediaan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat serta bebas dari kemalangan, kecederaan dan penyakit di samping mematuhi undang-undang dan piawaian kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

Aspirasi Kami:

Mencapai Sasaran Sifar Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecederaan (LTI) bagi Warga PLUS dan pekerja kontrak kami serta memastikan kemudahan, produk dan perkhidmatan mematuhi keperluan undang-undang dan piawaian industri.


Inisiatif dan Sorotan

Seiring dengan usaha kami dalam memacu keselamatan lebuhraya, kami juga amat mementingkan keselamatan di tempat kerja.

Perjalanan kami untuk mencapai Sasaran Sifar Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecederaan (LTI) memperlihatkan cita-cita kami mengorak langkah ke arah sifar bahaya di seluruh operasi kami. Kami memastikan kepatuhan ketat kepada piawaian kesihatan dan keselamatan tempat kerja dengan memberikan fokus terhadap kesejahteraan Warga PLUS dan pekerja kontrak, di samping meluaskan pengalaman positif tersebut kepada semua pelanggan lebuhraya kami. Selain memenuhi piawaian minimum, kami berhasrat untuk sentiasa menjangkau keperluan pematuhan dalam usaha menunjukkan kepimpinan pengurusan yang berwibawa dalam bidang keselamatan dan menjadi teladan dalam industri sebagai pengendali lebuhraya yang bertanggungjawab.

Model HSSE 6C Kami

Kami telah membangunkan model 6C untuk Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) berdasarkan amalan terbaik peringkat antarabangsa dan tempatan. Model 6C kami telah menjadi asas kepada segala program keselamatan dan kesihatan PLUS, berdasarkan dimensi yang dinyatakan berikut:



KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Komitmen

- > Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) untuk merangka hala tuju pelaksanaan keselamatan PLUS menuju ke Sasaran Sifar.
- > Jawatankuasa Pemandu Operasi PLUS - *Edgenta Infrastructure Services* (EIS) untuk menangani cabaran berkaitan operasi dan penyelenggaraan.
- > Sambutan Hari Keselamatan secara tahunan memperlihatkan komitmen kami terhadap keselamatan.

Kecekapan

- > Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP) dengan kolaborasi bersama Institut Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) memberikan pengetahuan keselamatan yang penting kepada semua Warga PLUS, rakan usahasama dan pekerja kontrak yang berkhidmat di sepanjang lebuhraya kami.
- > Kursus Pemanduan Defensif meningkatkan kecekapan memandu dalam kalangan PLUSRonda dan LPT2Ronda serta memupuk budaya pemanduan yang selamat dalam kalangan Warga PLUS.
- > Modul e-pembelajaran HSSE memberi kesedaran kepada Warga PLUS mengenai asas HSSE.

Pematuhan

- > ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSMS) dan ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).
- > Sistem Penilaian Dalam Talian Peraturan dan Keperluan Undang-undang Lain (ALORR).
- > Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC).
- > Pendigitalan dan penambahbaikan Sistem Permit Bekerja bagi memastikan pematuhan sepenuhnya dalam aktiviti kritikal atau berisiko tinggi.
- > Menjalankan 24 audit keselamatan setiap tahun dan menempatkan wakil kesihatan dan keselamatan di semua pejabat seluruh negara.
- > Sistem Pelaporan Insiden Dalam Talian bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Pengurusan Insiden.

Budaya



- > Budaya Kesihatan dan Keselamatan (CoHS) memberikan pendekatan menarik untuk memupuk pandangan holistik terhadap kesihatan dan keselamatan sambil menyarankan Warga PLUS supaya bertindak demi menjaga kesejahteraan diri.
- > Kempen Pemeriksaan Kesihatan Sayangi Diri meningkatkan kesedaran Warga PLUS mengenai kesihatan fizikal dan mental serta menggalakkan mereka menjalani pemeriksaan kesihatan.
- > Kelab PLUSRonda Selamat (KPS) dan Kelab Pembantu Khidmat Pelanggan Selamat (KCS) memupuk Budaya HSSE dalam kalangan anggota barisan hadapan kami.



Reka bentuk logo Kelab PLUSRonda Selamat (KPS).



Reka bentuk logo Kelab Pembantu Khidmat Pelanggan Selamat (KCS).

Komunikasi

- > Peringatan Keselamatan dan Pembelajaran Daripada Insiden (LFI) untuk mengelakkan kejadian berulang pada masa hadapan diterapkan di setiap wilayah dan seksyen.
- > Platform *HSSE Flix* memaparkan dan mengetengahkan berita, maklumat terkini dan inisiatif HSSE.
- > Webinar dalaman mengenai kesedaran HSSE.

Akibat

- > Prosedur pengurusan akibat digunakan oleh semua Warga PLUS terhadap mana-mana ketidakpatuhan utama yang menyebabkan kematian atau Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecederaan (LTI).
- > Ketidakpatuhan kecil diuruskan dengan cara memperkukuh pengetahuan mengenai kesihatan dan keselamatan melalui latihan dan bimbingan.



Kami kerap menyediakan latihan dalaman HSSE untuk Warga PLUS.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Inisiatif untuk Menambah Baik Kepimpinan Kami dalam Keselamatan

Kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk melindungi keselamatan Warga PLUS di sepanjang perniagaan dan operasi kami. Inisiatif dan program tersebut adalah untuk mengukuhkan langkah-langkah dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif untuk semua Warga PLUS. Tambahan pula, ia menyediakan peluang untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa dan agensi-agensi luar bagi memperkukuhkan keseluruhan ekosistem keselamatan kami demi kepentingan pelanggan lebuhraya.

> Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE)

Komitmen kami terhadap keselamatan bermula dari pihak atasan melalui sokongan pengurusan kanan kami yang mempamerkan kepimpinan dalam memupuk budaya HSSE. Kami kerap mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pengurusan HSSE sebagai saluran strategik untuk membincangkan dan menyediakan penyelesaian serta menerajui HSSE dalam PLUS.



Sila imbas kod QR ini untuk membaca Polisi HSSE kami.

> Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP)

Kami bekerjasama dengan NIOSH untuk membangunkan EOSP pada tahun 2017, di mana kami berjaya menjadi syarikat konsesi pertama yang telah melaksanakan EOSP sepenuhnya di seluruh operasi kami.

EOSP merupakan kursus induksi keselamatan yang wajib untuk semua pekerja kontrak, kakitangan yang berkaitan serta individu lain yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan, operasi dan pembinaan di lebuhraya kami. Kursus tersebut dijalankan untuk memastikan semua petugas lebuhraya yang berkaitan memperoleh ilmu pengetahuan yang mencukupi mengenai asas-asas keselamatan, pengurusan trafik dan tindak balas kecemasan. Hal sedemikian memupuk pemikiran keselamatan serta melindungi persekitaran kerja di lapangan kami daripada berlakunya insiden bahaya. Berikutan kejayaan program EOSP, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah berganding bahu dengan NIOSH untuk menjadikan ia sebuah modul industri yang wajib dipatuhi menjelang tahun 2025.

> Pengiktirafan Daripada Pertubuhan Pemiawaian Antarabangsa (ISO)

Kami berjaya beralih kepada ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSMS) sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk menambah baik sistem kesihatan dan keselamatan bagi Warga PLUS serta semua pihak yang bertugas di lebuhraya kami. Pada tahun 2021, OHSMS kami telah diiktiraf semula. Ini menunjukkan keberkesanan usaha berterusan kami dalam pengurusan keselamatan ke arah mencapai Sasaran Sifar.

> Menyediakan Persekitaran Kerja yang Selamat, Dilindungi dan Sihat

Bagi menambah baik keselamatan dan sekuriti tempat kerja, pejabat dan kemudahan kami, kami telah memasang sebanyak 2,770 kamera CCTV dan menempatkan 247 orang pengawal keselamatan.

Pasukan kami dilengkapi dengan peralatan dan tetapan minda yang betul untuk bertindak balas secara berkesan bagi membantu pelanggan lebuhraya yang berada dalam kesusahan sambil menampilkan keyakinan dan menyemai kepercayaan. Kami menyediakan kakitangan dan kontraktor kami dengan peralatan perlindungan diri (PPE) yang diperlukan, termasuk jaket keselamatan, topi, kasut dan abah-abah keselamatan untuk mereka yang bekerja di tempat tinggi. Dengan mengambil tindakan proaktif ini, kami memberikan keyakinan bahawa keselamatan mereka adalah keutamaan kami, justeru memberikan mereka ketenangan fikiran.



Jurutera kami memakai PPE yang sewajarnya ketika melakukan penyelenggaraan bangunan pejabat kami.

> Daya Pemikiran S.T.A.R

Pada tahun 2022, kami telah memperkenalkan pemikiran S.T.A.R. (Berhenti, Berfikir, Bertindak dan Menyemak) sempena kempen pencegahan LTI untuk memupuk daya pemikiran yang mengutamakan keselamatan di keseluruhan peringkat operasi kami yang bermula daripada pihak kepimpinan sehingga kakitangan barisan hadapan. Pemikiran S.T.A.R. menekankan kepentingan menggunakan pancaindera seseorang melalui pemikiran, pemerhatian, pendengaran, komunikasi dan amalan budaya dalam mengasuh amalan keselamatan serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat.

Kami berusaha gigih untuk membangunkan pendekatan yang mengutamakan keselamatan dalam aktiviti harian operasi kami dan menggalakkan kesedaran yang lebih meluas terhadap keadaan sekeliling serta menerapkan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi dalam kalangan Warga PLUS.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Melalui program Jom Praktikkan S.T.A.R, kami berjaya menerima sebanyak 13,000 laporan maklum balas tentang pemerhatian positif dan perkongsian pengajaran yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan, bertujuan untuk mengurangkan risiko kesihatan dan keselamatan di tempat kerja melalui pelaksanaannya pada masa akan datang.

> Kelab PLUSRonda Selamat (KPS) dan Kelab Pembantu Khidmat Pelanggan Selamat (KCS)

KPS dan KCS telah memainkan peranan penting dalam memupuk budaya keselamatan dalam kalangan anggota barisan hadapan melalui sistem anugerah rating (0 hingga 3 bintang di mana 3 bintang adalah pengiktirafan tertinggi) berdasarkan penyertaan mereka dalam inisiatif HSSE. Pada tahun 2022, sebanyak 80% ahli KPS dan KCS telah berjaya mencapai dua (2) bintang dan ke atas sejak program ini dimulakan.

> Hari Keselamatan 2021

Bertemakan *ISihatSelamat*, Hari Keselamatan 2021 kami memberikan fokus terhadap tanggungjawab individu dari segi kesihatan dan



Chef selebriti Naem mengajar Warga PLUS cara menyediakan makanan sihat di rumah sempena Hari Keselamatan 2021.



Warga PLUS menerima panduan Zumba langkah demi langkah daripada jurulatih Celebrity Fitness sempena Hari Keselamatan 2021.

keselamatan dalam era digital. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan dan menampilkan pelancaran rasmi Program Bantuan Kakitangan (EAP), sesi memasak makanan sihat oleh chef profesional, webinar pencegahan COVID-19 oleh pakar perubatan serta sesi Zumba. Menjelang sambutan Hari Keselamatan 2021, kami juga menganjurkan pelbagai aktiviti seperti kempen *Cergaslympic* yang menggalakkan Warga PLUS menyertai senaman fizikal seperti berjalan, berjoging dan menaiki basikal.

> Hari Keselamatan 2022

Kami memperluaskan fokus kami daripada penjagaan diri kepada penjagaan kesihatan dan keselamatan pelanggan lebuah raya kami dengan melancarkan tema *WeSihatSelamat* sempena Hari Keselamatan 2022. Ini memperlihatkan komitmen kami dalam menggalakkan budaya kesihatan dan keselamatan dalam kalangan Warga PLUS selain mencerminkan budaya keutamaan pelanggan dengan memberikan tumpuan kepada pelanggan lebuah raya kami.

Majlis tersebut telah dianjurkan secara hibrid dan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR). Ia juga memaparkan acara *Safety Hunt* yang interaktif dan menyeronokkan di Persada PLUS.



Ketua Pegawai Operasi kami yang digelar sebagai "Captain Safety" berkongsi kejayaan kami dan inisiatif akan datang sempena Hari Keselamatan 2022.





Pasukan PLUSRonda kami telah diiktiraf atas pencapaian mereka sempena Hari Keselamatan 2022.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Impak Aktiviti-aktiviti HSSE Kami

> Pengukuhan Kepimpinan Keselamatan

Kami telah menyaksikan pengurangan ketara dalam bilangan kematian dan insiden Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecederaan (LTI) ekoran usaha pelaksanaan program HSSE kami yang mantap dan kadar penerimaan Warga PLUS yang tinggi. Statistik utama kami sepanjang lima tahun yang lalu adalah seperti berikut:



Sebagai peneraju industri, kami berperanan penting untuk melangkaui jangkaan dalam usaha membimbing dan memupuk budaya dan amalan HSSE dalam kalangan anggota yang bekerja di lebuhraya kami demi mengurangkan LTI di seluruh industri.

> Penambahbaikan Kesedaran dan Budaya Kesihatan dan Keselamatan

Kami telah merangka dan melaksanakan program kesedaran, kempen, acara dalam talian dan aktiviti HSSE yang komprehensif. Oleh hal yang demikian, kami telah berjaya melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran dalam menerajui keselamatan dan telah menginstitusikan budaya keselamatan yang kukuh di seluruh perniagaan dan operasi kami.



Kadar penyertaan Warga PLUS dalam program Budaya Kesihatan dan Keselamatan (CoHS) meningkat daripada **99.8%** pada tahun 2021 kepada **100%** pada tahun 2022.



Kadar penyertaan Warga PLUS dalam program pemeriksaan kesihatan meningkat daripada **8%** pada tahun 2021 kepada **100%** pada tahun 2022.



Tinjauan Keterlibatan Kakitangan (EES) pada tahun 2022 menunjukkan keselamatan kekal sebagai **3** faktor utama yang menyumbang kepada tahap keterlibatan di tempat kerja.

Keselamatan adalah antara faktor penting yang menentukan kepuasan tenaga kerja. Di PLUS, kami terus berusaha untuk memastikan Warga PLUS berasa selamat, selesa dan tenang semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Persekitaran yang kondusif akan meningkatkan keyakinan dan semangat kerja mereka dan seterusnya menyumbang kepada kepuasan bekerja serta produktiviti yang lebih tinggi demi membentuk tenaga kerja yang bermotivasi dan bersemangat.



Warga PLUS menyertai acara S.T.A.R safety hunt sempena Hari Keselamatan 2022.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

SayHeart PLUS (SHP)

Kami sentiasa komited untuk menjaga kesejahteraan Warga PLUS. SayHeart PLUS (SHP) adalah program kesejahteraan kami yang menyeluruh untuk membantu Warga PLUS berhadapan dengan norma baru semasa pandemik COVID-19. Ia merangkumi program kesejahteraan peribadi yang dilaksanakan menerusi lima (5) teras, khususnya: Keselamatan, Kesihatan Fizikal, Kesihatan Mental, Sosial dan Kehidupan. SHP juga diperluaskan supaya meliputi inisiatif intervensi seperti Program Bantuan Kakitangan (EAP) dan penyediaan garis panduan untuk menggalakkan mesyuarat dan komunikasi yang berkesan. Selain daripada kesejahteraan individu, SHP juga memupuk semangat kemasyarakatan yang teguh, seterusnya menggalakkan perpaduan dan menambah baik dinamik pasukan di seluruh organisasi. Kami percaya bahawa pendekatan yang Prihatin Terhadap Warga PLUS boleh meningkatkan semangat Warga PLUS dan memacu penyampaian perkhidmatan yang unggul kepada pelanggan kami. Bahagian di bawah berikut memaparkan inisiatif bagi setiap teras:



Lima (5) teras SayHeart PLUS.

Gamifikasi Budaya Kesihatan dan Keselamatan

Inisiatif Budaya Kesihatan dan Keselamatan (CoHS) 1.0 telah diperkenalkan untuk melengkapi Rangka Kerja Kesihatan Keseluruhan SHP yang membawa kepada kejayaan pelaksanaan 58 program pada tahun 2021. Dengan kejayaan CoHS 1.0, permintaan tinggi untuk pemeriksaan kesihatan pengaturan sendiri serta peningkatan isu kesihatan mental, kami meneruskan usaha bagi memupuk budaya kesihatan dan keselamatan pada tahun 2022 menerusi CoHS 2.0.

Bagi meningkatkan penyertaan aktiviti CoHS, kami telah memanfaatkan konsep gamifikasi dan sistem ganjaran untuk menarik perhatian dan mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan Warga PLUS. Platform CoHS membolehkan Warga PLUS mengemukakan laporan CoHS dan merekod penyertaan mereka dalam aktiviti SHP serta menerima mata ganjaran CoHS yang akhirnya membawa kepada pengiktirafan semasa Hari Keselamatan 2022.



Sebanyak **53,000+** laporan CoHS telah dikemukakan oleh Warga PLUS pada tahun 2022, mencerminkan budaya kesihatan dan keselamatan yang positif di seluruh organisasi.



Keselamatan

Kami berhasrat untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan dilindungi bagi semua Warga PLUS dan menggalakkan amalan keselamatan untuk mencapai Sasaran Sifar Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecederaan (LTI).

Menggalakkan Perjalanan Yang Selamat ke Tempat Kerja

Selain daripada persekitaran kerja, budaya keselamatan kami turut merangkumi aspek lain dalam kehidupan Warga PLUS termasuk perjalanan mereka ke tempat kerja. Oleh itu, kami menganjurkan Webinar Perjalanan Selamat dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran terhadap pemanduan yang bertanggungjawab bagi mengelakkan kemalangan semasa perjalanan harian.



Webinar bersama Dr. Bakri Zainal Abidin daripada PDRM untuk mendidik Warga PLUS mengenai amalan keselamatan semasa perjalanan.



Kesihatan Fizikal

Teras ini memberikan fokus kepada usaha untuk menggalakkan dan mengekalkan kesihatan fizikal Warga PLUS.

Menerajui Perubahan Gaya Hidup Melalui Teknologi

Kami memperkenalkan aplikasi untuk memacu pengamalan gaya hidup yang positif dan menggalakkan Warga PLUS menjaga kesihatan masing-masing. Aplikasi ini memaparkan program kesihatan yang sesuai bagi setiap individu seperti pengurusan berat badan, penjejak nutrisi dan bimbingan secara maya.

Pemeriksaan Kesihatan Wajib

Kami menyediakan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada semua Warga PLUS untuk menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan peribadi. Pemeriksaan ini adalah wajib untuk PLUSRonda, LPT2Ronda dan komander syif untuk memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan berkesan.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Kesihatan Mental

Kami memperakui kepentingan kesihatan mental, justeru kami berdedikasi dalam menunjukkan sokongan menerusi pelaksanaan beberapa inisiatif kepada Warga PLUS yang berhadapan dengan cabaran sedemikian.



Webinar bersama Dr. Aida Syarinaz dari Universiti Malaya (UM) untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental dalam kalangan Warga PLUS.

Menerajui Kesejahteraan Mental dengan Bimbingan Pakar

Berikutan usaha kami sepanjang tahun 2021 dan 2022, kami telah berjaya menganjurkan sebanyak 30 webinar bernas dengan kerjasama pakar perubatan dan akademik untuk melengkapi Warga PLUS dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjaga kesihatan mental. Inisiatif-inisiatif tersebut turut mendapat sokongan hebat daripada Warga PLUS dengan purata kehadiran sebanyak 1,200 orang bagi setiap program.



Kehadiran purata sebanyak **1,200+** orang bagi setiap program yang mencerminkan tahap kesedaran mental yang tinggi dalam kalangan Warga PLUS.

Program Bantuan Kakitangan (EAP)

Kami telah menyediakan EAP sebagai sumber untuk meningkatkan kesedaran Warga PLUS mengenai sokongan profesional sedia ada untuk Warga PLUS dalam menguruskan sebarang cabaran mereka. EAP merupakan sebuah platform untuk Warga PLUS mendapatkan nasihat dan perkhidmatan kaunseling daripada pakar dalam isu-isu yang meliputi tempat kerja, peribadi dan kesihatan mental melalui pertemuan bersemuka, telefon dan saluran komunikasi dalam talian.



Sosial

Di samping menjaga kesihatan dan kesejahteraan Warga PLUS, kami kekal komited terhadap usaha memupuk semangat bermasyarakat yang kukuh dalam kalangan mereka. Teras ini menggalakkan interaksi dan pergaulan antara mereka menerusi aktiviti yang memupuk kebersamaan, meningkatkan motivasi dan perkembangan peribadi.

Peluang untuk Bersenam Bersama-sama di Tempat Kerja

Program *Let's Get Physical* kami membawa Warga PLUS bersama-sama bagi melakukan aktiviti fizikal dalaman yang dipimpin oleh Warga PLUS di seluruh perniagaan dan operasi kami. Program ini turut melibatkan senaman Zumba, Tarian Kardio dan Tabata bagi meningkatkan tenaga warga kerja dan menambah baik kecergasan fizikal, tahap produktiviti dan penglibatan dalam kalangan Warga PLUS.



Warga PLUS dari pejabat Seksyen C5 mengetuai senaman bersama-sama sempena program *Let's Get Physical*.



Kehidupan

Teras ini menggalakkan Warga PLUS untuk menambah baik kemahiran insaniah dan fokus kepada pengasuhan rasa puas, positif dan gembira bagi memperkasakan Warga PLUS agar menjadi versi terbaik diri mereka di tempat kerja dan akhir sekali berada pada tahap terbaik untuk menyampaikan perkhidmatan unggul kepada para pelanggan kami.

Memperkasakan Warga PLUS untuk Mencapai Matlamat Kewangan

Memandangkan pandemik COVID-19 telah menyebabkan ketidakstabilan ekonomi, kami mengiktiraf kepentingan literasi kewangan. Oleh hal yang demikian, kami berusaha untuk melengkapi Warga PLUS dengan ilmu pengetahuan yang penting dalam pengurusan kewangan dengan lebih baik menerusi siri-siri webinar, termasuk kolaborasi dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Menambah Baik Integrasi antara Kerja dan Kehidupan Menerusi Bimbingan Kehidupan

Kami mengakui kepentingan untuk melengkapi Warga PLUS dengan kebolehan untuk mencapai keseimbangan antara kehidupan peribadi dan profesional demi menggalakkan perkembangan peribadi dan kesejahteraan mereka secara holistik. Sehubungan dengan itu, kami bekerjasama dengan pakar pembimbing kehidupan untuk menganjurkan sesi-sesi perkongsian yang mengemukakan cadangan terhadap cara-cara memupuk keharmonian perhubungan dalam kehidupan di tempat kerja dan di rumah.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Pendigitalan dan Inovasi

Kepentingan Pendigitalan dan Inovasi Kepada Kami:

Pengenalan dan aplikasi teknologi digital dalam persekitaran yang semakin meningkat kebergantungan kepada digital.

Aspirasi Kami:

Memperhebatkan pelaksanaan inisiatif digital untuk meningkatkan kecekapan di tempat kerja dengan matlamat penghapusan sepenuhnya proses manual pada masa hadapan.

Inisiatif dan Sorotan

Kewujudan organisasi kami merentasi 1,130km jajaran lebih raya di Semenanjung Malaysia dengan kehadiran Warga PLUS yang berdedikasi di sepanjang lokasi keberadaan kami bagi menunaikan janji untuk *Menjaga Anda Di Sepanjang Perjalanan*.

Pandemik COVID-19 mendorong kami melipatgandakan usaha untuk menerapkan penyelesaian inovatif dan kolaboratif di seluruh organisasi kami bagi membolehkan Warga PLUS bekerja dan memastikan organisasi berdaya tahan semasa berhadapan dengan kesulitan. Sehubungan itu, kami telah memanfaatkan kemunculan teknologi baru termasuk *cloud computing*, Kecerdasan Buatan (AI) dan data raya untuk menyampaikan perkara berikut:



Penambahbaikan dalam Kecekapan Bekerja



Memberikan Pengalaman Pelanggan yang Lebih Baik

Kami memanfaatkan teknologi digital untuk menghubungkan Warga PLUS antara satu dengan yang lain dan memastikan keterlibatan mereka semua dalam ekosistem operasi kami. Berpanduan objektif tersebut, kami telah berjaya menganjurkan 41 acara maya di peringkat kebangsaan pada tahun 2021 dan 2022 yang menghubungkan 3,800 Warga PLUS secara serentak. Acara seperti Hari Keselamatan, Hari Keutamaan Pelanggan, persidangan pemimpin dan perjumpaan *townhall* telah membolehkan penyebaran maklumat secara lancar bagi memperkasakan Warga PLUS di pelbagai peringkat untuk berinteraksi dan berkomunikasi.



Warga PLUS dari pejabat wilayah dan seksyen menghadiri Hari Keutamaan Pelanggan 2022 secara maya.



Penambahbaikan dalam Kecekapan Bekerja

Sejak tahun 2022, kami telah meningkatkan kecekapan bekerja dengan melaksanakan peralihan keseluruhan syarikat daripada proses perniagaan manual kepada digital dengan memanfaatkan pelbagai penyelesaian *Microsoft*.

Sebagai contoh, kami menerapkan penggunaan *Microsoft Teams* untuk menganjurkan pelbagai acara, perjumpaan *townhall* dan mesyuarat dengan lancar secara maya dan hibrid untuk mengurangkan keperluan perjalanan dan jejak karbon yang berkaitan. Kami juga menggunakan *Power App* untuk membangunkan aplikasi digital yang mudah dan menggalakkan penggunaan alatan digital. Kami mengautomasikan tugas manual yang mengambil masa dengan memanfaatkan *Microsoft Power Platform*.



Warga PLUS menggunakan teknologi dalam aktiviti seharian mereka.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Usaha pendigitalan kami membuahkan hasil seperti berikut:



5,360 jam

Dalam pengurangan kitaran masa sejak 2020.



3 juta +

Kertas dijimatkan sejak 2020.



49

Peneraju proses telah berjaya mengetahui proses pendigitalan.



80%

Penjimatan masa bagi menghasilkan laporan.



7

Platform digital yang bersemuka dengan pelanggan.



96

Penyelesaian digital dalaman telah dibangunkan.

Semasa konvensyen ini, pasukan kami bukan sahaja mempersembahkan idea mereka dan berpeluang belajar daripada syarikat dan para perwakilan dari negara lain, malah telah berjaya membawa pulang anugerah-anugerah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa atas penemuan inovatif mereka.



Memberikan Pengalaman Pelanggan yang Lebih Baik

Pilihan Pembayaran Tanpa Tunai

Sebagai langkah memudahkan pelanggan lebuhraya kami dan menyokong aspirasi Kerajaan Malaysia bagi menggalakkan pembayaran secara digital di seluruh negara, kami menawarkan pilihan pembayaran tanpa tunai kepada pelanggan lebuhraya di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) kami. Kami berkolaborasi dengan 12 penyedia perkhidmatan pembayaran tanpa tunai strategik bagi mendidik orang awam dan menyemai kesedaran mengenai penggunaan pembayaran tanpa tunai di Kawasan R&R dan hentian sebelah di sepanjang lebuhraya kami. Kami berasa bangga untuk memaklumkan bahawa 85% daripada pengendalian operasi gerai kami telah menawarkan pembayaran digital setakat bulan Disember 2022 dan kami berazam untuk mencapai 100% menjelang tahun 2023.



85%

daripada pengendalian operasi gerai kami menawarkan pembayaran tanpa tunai.



Kempen Transaksi Tanpa Tunai di Kawasan R&R Dengkil.


Dalam usaha menegakkan nilai korporat untuk *Melakukan Sesuatu Dengan Lebih Baik*, kami memberikan penekanan kepada inovasi dan pembelajaran. Sepanjang beberapa tahun yang lepas, beberapa pasukan telah dihantar untuk mewakili PLUS dan juga negara di Konvensyen Kumpulan Kawalan Kualiti Antarabangsa (ICQCC).



Ketua Pegawai Komersial kami (pertama dari kanan) menerima pengiktirafan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada ketika itu setelah mempamerkan penggunaan teknologi dan aplikasi pintar PLUS di Ekspo dan Forum Smart Nation 2022.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Pelbagai jenis pembayaran tanpa tunai yang diterima di semua Kawasan R&R kami:



Seorang pelanggan menggunakan pembayaran tanpa tunai di salah satu Kawasan R&R kami.

Penggunaan Identifikasi Frekuensi Radio (RFID)

Kami mengambil langkah progresif ke arah merealisasikan Lebuhraya Pintar Masa Hadapan melalui penerimaan teknologi yang memberikan pelanggan lebuhraya kami pengalaman yang lancar sepanjang perjalanan mereka. Ini termasuk melengkapi infrastruktur kami dengan sistem yang cekap dan boleh dipercayai bagi memastikan persediaan kami menghadapi pelaksanaan Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF).

Evolusi sistem teknologi tol kami boleh dilihat berdasarkan ilustrasi berikut:



Transaksi Tunai

Kutipan tol secara tunai telah dilaksanakan sejak tahun 1981.



Transaksi Berasaskan Kad

Kutipan tol elektronik berasaskan kad yang diperkenalkan pada tahun 1997 memerlukan para pelanggan lebuhraya berhenti di plaza tol untuk menyentuh kad Touch 'n Go mereka.



Transaksi Laluan dengan Infrared

Kutipan Tol Elektronik Berasaskan *On Board Unit (OBU)* (SmartTAG) telah diperkenalkan pada tahun 2000 bagi membolehkan pelanggan lebuhraya melalui plaza tol tanpa menghentikan kereta.



Transaksi Laluan dengan RFID

Teknologi RFID dilaksanakan secara berperingkat bermula dari tahun 2018, di mana tag RFID yang unik dipasang pada kenderaan dan dipautkan secara langsung kepada e-dompet (*e-wallet*).

Kami menyediakan pelanggan lebuhraya dengan kaedah pembayaran pilihan mereka di plaza tol kami yang dilengkapi dengan kemudahan Touch 'n Go, SmartTAG dan RFID.

Dengan lebuhraya kami merentasi lebih 1,130km dan dilengkapi dengan 104 plaza tol, keputusan Kerajaan untuk memperkenalkan RFID telah mengubah landskap industri lebuhraya Malaysia. Sistem RFID membolehkan pelanggan lebuhraya melalui plaza tol dengan lancar dengan bayaran dibuat secara langsung dan mudah dari e-dompet (*e-wallet*) Touch 'n Go mereka.



216

Lorong RFID dalam operasi ekosistem kami.



30%

Peningkatan daya tampung di lorong RFID.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Tenaga Kerja Cekap

Kepentingan Tenaga Kerja Cekap Kepada Kami:

Pembangunan tenaga kerja cekap dan produktif yang menerima pakai dan menjangkakan perubahan pesat dalam persekitaran operasi dan perniagaan.

Aspirasi Kami:

Membangunkan kapasiti dan keupayaan setiap Warga PLUS secara berterusan untuk memenuhi cabaran perniagaan semasa dan masa hadapan.

Inisiatif dan Sorotan

Kami berhasrat untuk membangunkan tenaga kerja yang menghayati nilai-nilai korporat kami dan dilengkapi dengan kecekapan serta kemahiran dalam persediaan menghadapi masa hadapan bagi menyesuaikan diri dengan keperluan para pelanggan lebuhraya kami yang sentiasa berkembang. Tenaga kerja kami yang mahir akan terus menyumbang kepada kemajuan industri serta berkhidmat kepada negara dalam pelbagai kapasiti.

Tenaga kerja yang cekap adalah mereka yang sentiasa rasa terlibat dan bermotivasi untuk bekerja, membolehkan mereka mencapai prestasi yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan unggul kepada pelanggan lebuhraya kami. Bagi meningkatkan lagi keterlibatan Warga PLUS, kami memberikan fokus kepada bidang-bidang utama seperti berikut:



Pembelajaran dan pembangunan Warga PLUS di semua peringkat.



Menarik perhatian golongan profesional bercita-cita tinggi dan bakat muda untuk memacu pertumbuhan masa hadapan.



Penginstitutionan nilai-nilai korporat dalam kalangan Warga PLUS.



Menilai tahap keterlibatan Warga PLUS menerusi Tinjauan Keterlibatan Kakitangan (EES).




Warga PLUS daripada pelbagai lapisan masyarakat bekerjasama secara harmoni di tempat kerja.



Pembelajaran dan Pembangunan Berterusan

Bagi menyemai pemikiran pembelajaran berterusan, kami telah menghasilkan program pembelajaran dan pembangunan untuk membolehkan Warga PLUS menjadi lebih cekap dan menyumbang kepada pembangunan kerjaya mereka. Kami berjaya menyampaikan jumlah masa latihan yang tinggi untuk memenuhi keperluan pelbagai lapisan Warga PLUS bagi membolehkan mereka memperoleh kepakaran teknikal, kebolehan kepimpinan dan kemahiran yang dapat menyediakan mereka untuk menghadapi masa hadapan.



KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Kami merangka sebanyak **180+** program pembelajaran dan pembangunan serta menyampaikan **290+** sesi sepanjang tahun 2021 dan 2022.

Program kami mudah diakses oleh semua Warga PLUS di mana mereka boleh memilih untuk menyertai secara fizikal, maya atau hibrid. Kami menawarkan pilihan program yang meluas, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

> Program Pembangunan Profesional Umum

Program ini merangkumi tajuk kemahiran insaniah yang meluas dan disokong oleh peluang pembelajaran luaran bagi memastikan Warga PLUS memiliki pengetahuan dan kemahiran tertentu untuk menjalankan tugas dengan efektif. Sebagai contoh, kami membangunkan pelbagai latihan untuk Warga PLUS yang berkhidmat di Pusat Pemantauan Trafik (TMC) bagi memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi dan mendengar secara aktif untuk meningkatkan perkhidmatan mereka kepada semua pelanggan lebuhraya.

> Program Pembangunan PLUSRonda

Program ini wajib bagi semua anggota PLUSRonda dan LPT2Ronda. Ia bertujuan untuk meningkatkan kebolehan dan kecakapan mereka dalam menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan lebuhraya kami. Program ini meliputi kursus seperti berikut:



Perhubungan Awam dan Komunikasi



Pengawalseliaan Selia dan Pengurusan Trafik



Pemanduan Defensif



Asas Pertolongan Cemas Pekerjaan (BOFA)

> Program Bakat Digital

Kami percaya akan kepentingan untuk melengkapi Warga PLUS dengan kemahiran dalam persediaan menghadapi masa hadapan, meningkatkan literasi digital dan membina keupayaan digital dalaman untuk melangkah ke arah memacu inovasi digital dan mencipta penyelesaian berlandaskan data yang boleh menambah baik operasi dan perkhidmatan kepada pelanggan lebuhraya kami.

Program Bakat Digital kami merangkumi, antara lainnya, kursus Analisis Data *Microsoft Power BI* yang membolehkan proses membuat keputusan dilakukan berlandaskan data dan kursus Asas Data Raya yang memperkenalkan Warga PLUS kepada alatan analisis dan teknik-teknik amat bermanfaat kepada tugas mereka.



Kami menjalankan latihan dalaman untuk meningkatkan literasi digital dan data dalam kalangan Warga PLUS.

> Program Pembangunan Kepimpinan Kanan

Kami telah merangka program untuk Warga PLUS menjalani pelbagai pilihan kurikulum secara individu, berstruktur kohort dan bimbingan atau tunjuk ajar semasa bekerja, diikuti oleh tugas projek dan pusingan kerja.

Selain itu, kami berkolaborasi dengan Emeritus, sebuah penyedia pendidikan dalam talian, untuk memberi para peserta peluang menerokai program Pendidikan Eksekutif yang meluas daripada pelbagai institusi terkemuka di seluruh dunia.

> Bengkel *Outward Mindset* dan Webinar Kesedaran *Agile*

Kami menggalakkan aplikasi *outward* dan *agile mindset* untuk memacu inovasi, kebolehsuaian, penyelesaian masalah yang efektif dan keupayaan membuat keputusan secara mantap.

Pada tahun 2021, kami menganjurkan bengkel *Outward Mindset* yang dikendalikan oleh jurulatih dalaman dan dihadiri oleh 400+ orang eksekutif. Kami turut berganding bahu dengan pakar luaran sebagai penganjur Webinar Kesedaran *Agile* untuk Warga PLUS. Webinar tersebut telah memperkenalkan konsep asas pemikiran cekap dan bagaimana ia boleh mendatangkan kebaikan kepada organisasi menerusi penyediaan amalan kolaborasi, fleksibiliti dan daya tahan bagi mencapai prestasi yang tinggi.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Poster Webinar Kesedaran Agile yang dianjurkan pada tahun 2022.




Menarik Perhatian Golongan Profesional dan Bakat Muda

Memposisikan PLUS Sebagai Majikan Pilihan

Kami menyedari kepentingan menarik perhatian bakat untuk memacu pertumbuhan masa hadapan PLUS dan menyokong misi kami. Oleh hal yang demikian, kami kerap menyertai pameran kerjaya golongan belia untuk mempamerkan peluang pekerjaan yang ada dalam organisasi kami dan memacu pertumbuhan masa hadapan sambil menyediakan platform kerjaya untuk bakat-bakat tempatan.



Pengarah Urusan kami sedang berinteraksi dengan bakat-bakat muda di Pameran & Persidangan Kerjaya GRADUAN 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



Usaha kami untuk menarik bakat baru supaya menyertai Warga PLUS di Pameran & Persidangan Kerjaya GRADUAN 2022 telah membawa kepada pengiktirafan PLUS sebagai Majikan Paling Diidamkan dalam Sektor Pembinaan dan Hartanah.

Program Protégéship dan Latihan Amali

Sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan negara sejak tahun 2021, kami telah menawarkan peluang kepada lebih 250 graduan muda bagi menimba pengalaman bersama PLUS menerusi program-program *protégéship* dan latihan amali kami.

Para graduan mendapat peluang untuk belajar dan memperoleh pelbagai jenis kebolehan serta kemahiran bernilai melalui peluang untuk bekerja bersama para pemimpin, pakar-pakar teknikal dan penginovasi industri yang berpengalaman. Hal yang sedemikian dapat meningkatkan prospek mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Program *protégéship* kami telah membantu 80% *protégé* mendapat pekerjaan tetap dalam pelbagai industri.



Warga PLUS dari pelbagai fungsi perniagaan mengendalikan ruang pameran kami di Pameran & Persidangan Kerjaya GRADUAN 2022.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Penginstitusian Nilai-nilai Korporat dalam Kalangan Warga PLUS

Menguatkan Keterlihatan Nilai-nilai Korporat Merentasi Perniagaan dan Operasi

Kami memastikan nilai-nilai korporat, misi dan matlamat jenama kami dapat dihebahkan menerusi pelbagai platform media sosial serta dipamerkan di ibu pejabat dan semua pejabat wilayah dan seksyen kami di seluruh negara. Hal sedemikian memberi peringatan kepada Warga PLUS bagi menggalakkan penyemaian nilai-nilai tersebut dalam rutin mereka seharian.



Visual enam (6) nilai-nilai korporat kami.

Bagi meningkatkan pemahaman dan penginstitusian nilai-nilai korporat kami dalam kalangan Warga PLUS, kami telah memperkenalkan Buku Amali Nilai Korporat (BANK) and PowerBANK yang merupakan siri e-buku untuk membantu ejen perubahan yang dilantik untuk mengendalikan bengkel dalaman bagi setiap fungsi perniagaan.

Bermodalkan kejayaan BANK dan PowerBANK, kami turut melancarkan platform PowerBank+ yang membolehkan fungsi perniagaan mempamerkan inisiatif berimpak yang boleh diintegrasikan ke dalam perniagaan dan operasi.



Evolusi program BANK (kiri) menjadi PowerBANK (tengah) dan PowerBANK+ (kanan).

Tinjauan Keterlibatan Kakitangan (EES)

Kami menjalankan Tinjauan Keterlibatan Kakitangan (EES) setiap tahun untuk mengukur tahap keterlibatan, kesediaan dan penerimaan Warga PLUS dalam menghayati nilai-nilai korporat kami. Hasil tinjauan disemak oleh pakar bebas dari luar organisasi bagi memastikan ketelusan dan memelihara kerahsiaan. Menerusi tinjauan ini, kami dapat menanda aras organisasi kami berbanding dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) lain dalam negara, mengenal pasti kekuatan dan perkara-perkara yang perlu diperbaiki serta mengambil tindakan segera bagi menambah baik keterlibatan kakitangan.

Menurut EES yang dilaksanakan pada tahun 2022:



79% Warga PLUS berasa terlibat di tempat kerja, melebihi norma industri sebanyak **9%**.

Tiga (3) faktor tertinggi yang memperkukuhkan pengalaman positif Warga PLUS di tempat kerja adalah seperti berikut:



Budaya & Nilai
(83%)



Keselamatan
(82%)



Perubahan
(81%)

Perangkaan di atas menunjukkan bahawa Warga PLUS memahami budaya dan nilai-nilai teras kami, mengutamakan keselamatan dan terbuka kepada perubahan dalam ekosistem perniagaan dan operasi.

Nota: Hasil tinjauan adalah berdasarkan data daripada pihak ketiga yang berwibawa.



Warga PLUS dari berlainan fungsi perniagaan sedang mengadakan perbincangan.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Hak Asasi Manusia

Kepentingan Hak Asasi Manusia Kepada Kami:

Amalan-amalan yang memastikan mereka yang bekerja di lebuhraya kami mendapat layanan adil dari segi undang-undang dan peraturan pekerja.

Aspirasi Kami:

Terus memacu, menegakkan dan mengintegrasikan amalan terbaik hak asasi manusia dalam keseluruhan ekosistem kami ke arah melindungi Warga PLUS dan para pemegang hak dalam perniagaan dan operasi kami.

Inisiatif dan Sorotan

Kami komited untuk menjadi majikan yang bertanggungjawab kepada Warga PLUS dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan hak dan amalan pekerja yang relevan. Komitmen ini bukan hanya kepada Warga PLUS, malah ia juga merangkumi semua pihak yang bekerja di lebuhraya kami bagi memastikan kesaksamaan layanan kepada semua yang menyumbang khidmat mereka kepada kami.

Hak Kepada Perjanjian Kolektif

Bagi memastikan suara Warga PLUS didengari, kami mengekalkan dasar pintu terbuka dan sentiasa mengadakan pertemuan dengan kedua-dua kesatuan pekerja kami, iaitu Kesatuan Pekerja dan Kesatuan Penyelia. Kami membincangkan isu-isu dan perkara-perkara berkaitan dengan pekerjaan bagi mencari jalan penyelesaian yang menguntungkan semua pihak berkenaan.



61% Warga PLUS adalah ahli kesatuan pada tahun 2022.

Menggalakkan Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman (DEI)

Kami menerima kepelbagaian dalam kalangan tenaga kerja kami, bukan sahaja merentasi jantina malah juga kumpulan etnik, usia dan tahap kemahiran. Kami berpegang kepada amalan kesaksamaan dalam pengambilan pekerja berdasarkan keperluan perniagaan dan operasi kami, pada masa yang sama menggalakkan kepelbagaian dalam tenaga kerja serta mewujudkan suasana tempat kerja yang inklusif. Tenaga kerja kami terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang berbeza, membolehkan kami memperoleh idea dan pandangan unik daripada mereka dalam mengemudi perniagaan dan operasi kami.




Para Pembantu Khidmat Pelanggan (CSA) kami yang bertugas di salah satu tol plaza.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Sepanjang lima (5) tahun yang lepas, prestasi kami dari segi kepelbagaian kakitangan adalah seperti berikut:

Kepelbagaian Kakitangan Mengikut Jantina



Menyokong Kepimpinan Wanita

Kami komited dalam menyokong aspirasi Kerajaan untuk para pemegang jawatan yang terlibat dalam membuat keputusan terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% wanita.



Keseimbangan jantina dalam tenaga kerja kami.

~50%


anggota tenaga kerja kami adalah wanita.



Kepimpinan wanita kami.

30%

representasi wanita dalam kalangan pemegang jawatan peringkat pengurusan kanan sepanjang lima tahun yang lalu.



Kami memperkasakan pemimpin wanita dan menyambut Hari Wanita Antarabangsa bersama-sama.



Sila imbas kod QR ini untuk menyaksikan bagaimana kami menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2023.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Menjaga Kesejahteraan Warga PLUS

Sebagai majikan yang menitikberatkan kesejahteraan semua Warga PLUS, kami menyediakan manfaat berikut:



Cuti

Kami menyediakan cuti tahunan, cuti sakit, cuti bersalin, cuti paterniti, cuti ehsan, cuti menduduki peperiksaan dan cuti belajar untuk membolehkan tenaga kerja kami mempunyai keseimbangan dalam kerjaya dan kehidupan.



Perubatan

Kami menanggung perbelanjaan pesakit luar, kemasukan ke hospital, pergigian dan optik serta pemeriksaan kesihatan untuk memastikan Warga PLUS sihat dan dilindungi sepenuhnya.



Insurans

Kami menyediakan insurans hayat berkelompok dan insurans kemalangan peribadi berkelompok bagi memastikan Warga PLUS dijaga sekiranya berlaku peristiwa yang tidak dijangka.



Elaun

Kami menawarkan elaun bertugas, elaun kembali bertugas dan elaun syif kepada Warga PLUS yang diperlukan untuk memastikan kesinambungan operasi kami dan mengiktiraf keperluan untuk bekerja secara berterusan dalam industri kami.



Subsidi

Kami menyediakan subsidi atas faedah pinjaman kereta atau motosikal, subsidi tol serta pembayaran balik caj panggilan.



Aturan Kerja Fleksibel

Bagi membantu Warga PLUS menyesuaikan diri dengan norma-norma baru pekerjaan, kami menawarkan aturan kerja fleksibel termasuk waktu bekerja fleksibel dan waktu rehat yang mencukupi.



Jadual Kerja

Kami menyediakan jadual kerja yang boleh diubah bagi memastikan Warga PLUS yang bekerja mengikut syif mendapat rehat secukupnya demi kesejahteraan mereka secara keseluruhan.



Bantuan Belas Kasihan

- > Kami menyediakan bantuan pengebumian berikutan kematian Warga PLUS atau ahli keluarga mereka yang terdekat.
- > Kami menyediakan sumbangan kewangan kepada waris Warga PLUS yang meninggal dunia ketika menjalankan tugas.
- > Kami menubuhkan Tabung Warga PLUS Prihatin untuk membolehkan Warga PLUS menyalurkan derma kepada keluarga rakan sekerja yang meninggal dunia.
- > Kami memperkenalkan Skim Anak Angkat PLUS yang menyediakan bantuan kewangan tahunan bagi anak-anak Warga PLUS yang kehilangan ibu atau bapa ketika bertugas. Bantuan yang diberikan akan berterusan sehingga mereka tamat pengajian tinggi.



Bantuan Kewangan B40

Kami mengagihkan bayaran zakat kepada Warga PLUS B40 beragama Islam yang layak dan memberikan bantuan khas kepada Warga PLUS B40 bukan Islam yang layak sebagaimana zakat diberikan kepada rakan sekerja beragama Islam.



Bantuan Bencana Alam

Kami menyumbangkan bantuan bencana alam kepada Warga PLUS yang layak serta terjejas akibat banjir, kebakaran dan ribut.



Kesihatan Mental

Kami menyediakan platform bagi Warga PLUS mendapatkan perkhidmatan kaunseling profesional mengenai kesihatan mental serta perkara-perkara berkaitan urusan peribadi dan pekerjaan.



Komunikasi Pintu Terbuka

Kami mengamalkan dasar pintu terbuka bagi membolehkan Warga PLUS mengemukakan sebarang kebimbangan berkaitan pekerjaan kepada pihak pengurusan menerusi pelbagai saluran.



Manfaat Pembangunan Diri

Kami menyediakan manfaat untuk menggalakkan Warga PLUS mendapatkan keahlian persatuan-persatuan profesional.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Kami menggalakkan keseimbangan dalam kerjaya dan kehidupan serta menyediakan persekitaran kerja kondusif bagi Warga PLUS termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kemudahan-kemudahan seperti berikut:



Pusat Perkembangan Kanak-kanak di kawasan pejabat untuk membantu meningkatkan produktiviti para penjaga di tempat kerja supaya mereka tenang mengetahui bahawa anak mereka berada berdekatan.



Gimnasium dengan pelbagai peralatan senaman untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan Warga PLUS.



Kompleks Sukan termasuk padang bola dan dewan serbaguna untuk menjamin kesejahteraan fizikal.



Ruangan rehat dan pantri di pejabat dan plaza tol bagi memastikan Warga PLUS mendapat rehat yang mencukupi semasa hari bekerja.



Pusat Perkembangan Kanak-kanak kami memberi sokongan kepada Warga PLUS yang mempunyai anak-anak.



Pelbagai kemudahan sukan disediakan bagi menggalakkan integrasi antara kerja dengan kehidupan dalam kalangan Warga PLUS.

Menghargai Warga PLUS

Bagi menunjukkan penghargaan kami atas dedikasi dan usaha Warga PLUS dalam menunaikan tugas mereka, kami melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memupuk keakraban dan keterlibatan di samping mengukuhkan hubungan sesama Warga PLUS di pelbagai peringkat.

Kami mengagihkan duit raya kepada semua anggota barisan hadapan yang bertugas sehari sebelum, dan pada hari pertama serta kedua Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda menghargai pengorbanan dan komitmen mereka untuk berkhidmat kepada para pelanggan lebuhraya semasa musim perayaan.



Pengarah Urusan kami (pertama dari kiri) di Pusat Pemantauan Trafik (TMC) untuk menyampaikan duit raya kepada anggota TMC pada hari pertama Raya.



PLUS prihatin terhadap keadaan dan persekitaran tempat kerja. Kami disediakan saluran untuk mengemukakan sebarang isu kepada pihak pengurusan. PLUS juga sentiasa proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah baik kebajikan Warga PLUS meliputi aspek keselamatan dan kesihatan fizikal serta mental.



Azmi Abu Bakar
Presiden, Kesatuan
Pekerja-Pekerja PLUS




KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Mengeratkan Hubungan

Kami telah menganjurkan acara-acara untuk mengukuhkan perpaduan dan memupuk keakraban dalam kalangan Warga PLUS, termasuk Majlis Berbuka Puasa dan sambutan Hari Raya di semua pejabat wilayah.

Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada tahun 2021, kami telah menganjurkan sambutan Hari Raya secara maya yang menyaksikan penyertaan Warga PLUS dari lokasi berlainan di seluruh negara. Sambutan tersebut jelas memperlihatkan budaya Warga PLUS dalam membina hubungan yang kukuh dan memberikan sokongan antara satu sama lain sungguhpun berada dalam situasi yang mencabar.



Warga PLUS menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun 2021 secara maya.

Libat Urus Bersama Pemimpin

Kami menganjurkan sesi *townhall* dan *Jom Sembang* untuk menyediakan platform komunikasi dua hala di mana para pemimpin dapat berkongsi kemahiran dalam pelbagai bidang bersama semua Warga PLUS. Inisiatif ini memberi peluang kepada Warga PLUS untuk mendapatkan maklumat daripada pihak pengurusan atasan dan mengukuhkan komunikasi pada semua peringkat. Di samping itu, kami juga menganjurkan acara interaktif yang melibatkan Warga PLUS dari semua wilayah bagi membincangkan pencapaian organisasi dan objektif masa hadapan menerusi sesi-sesi dalam talian dan secara bersemuka.



Sesi *Jom Sembang* bersama Ketua Pegawai Teknologi di mana beliau berkongsi maklumat mengenai usaha pendigitalan PLUS dan mendapatkan maklum balas mengenai inisiatif tersebut.



41

Inisiatif perdana telah dilaksanakan secara maya sepanjang tahun 2021 and 2022.

Penilaian Risiko Hak Asasi Manusia (HRRA)

Kami berbangga menjadi pengendali lebuhraya pertama di Malaysia untuk melaksanakan HRRA di seluruh operasi dan rantaian nilai kami bagi menyelaraskan komitmen kami terhadap Rangkaian Tindakan CEO (CAN) dan Pakatan Global Bangsa-bangsa Bersatu (UNG).

Penjajaran Kami:



Pakatan Global Bangsa-bangsa Bersatu

Hak Asasi Manusia



Menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa

Memastikan tiada penglibatan dalam pelanggaran hak asasi manusia

Menegakkan kebebasan berserikat dan pengiktirafan efektif terhadap hak rundingan kolektif

Pekerja



Menghapuskan penggunaan semua bentuk buruh paksaan dan wajib

Menghapuskan penggunaan pekerja kanak-kanak

Menghapuskan diskriminasi berkaitan dengan pengambilan kerja dan pekerjaan



Rangkaian Tindakan CEO

Sosial



Menetapkan sasaran awam bagi peratusan komposisi wanita dalam kumpulan pengurusan atasan

Melaksanakan penilaian risiko hak asasi manusia yang meliputi pekerja kanak-kanak/ buruh paksaan/ buruh wajib di seluruh operasi dan rantaian nilai

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

HRRA adalah amat penting bagi mengenal pasti, mencegah dan mengurangkan risiko hak asasi manusia di seluruh rantai nilai kami serta memperkukuhkan kemampuan kami untuk melindungi pihak berkepentingan yang mendapat impak daripada perniagaan kami. Keputusan HRRA membolehkan kami terus mengekalkan dan menambah baik persekitaran kerja yang diidamkan, selamat dan kondusif untuk Warga PLUS. Hal yang demikian seterusnya membawa kepada pembentukan tenaga kerja yang produktif, sedia maklum dan berpengetahuan selaras dengan agenda pembangunan negara.

Kami telah membangunkan metodologi dalaman HRRA berdasarkan garis panduan dan piawaian terkemuka antarabangsa termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:




Rang Undang-undang Antarabangsa Hak Asasi Manusia

Memberi penekanan kepada asas hak asasi manusia yang dilindungi secara universal untuk menggalakkan kemajuan sosial dan standard kehidupan yang lebih baik.



Prinsip Panduan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

Piawaian global dan rangka kerja panduan untuk mengelakkan dan menangani risiko kesan buruk terhadap hak asasi manusia yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan.



Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Mengenai Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja

Menyatakan komitmen kerajaan, majikan dan organisasi untuk menegakkan nilai-nilai asas kemanusiaan.

Seterusnya, kami mengenal pasti tujuh (7) dimensi hak asasi manusia yang disokong oleh 39 sub-bidang meliputi perkara-perkara operasi perniagaan kami yang mungkin telah memberi kesan kepada hak asasi manusia pihak berkepentingan luaran dan dalaman kami.

HRRA dilaksanakan dalam tiga (3) peringkat meliputi temu ramah dalam talian, tinjauan, pertemuan bersemuka dan temu ramah menerusi telefon dalam kalangan pihak berkepentingan luaran dan dalaman kami. Dalam sesi libat urus yang dijalankan, pihak berkepentingan kami diberi peluang untuk memberikan maklum balas mengenai situasi semasa dan masa lalu, di mana operasi kami mungkin telah memberi kesan terhadap hak asasi manusia dan meminta mereka mengemukakan cadangan mengenai pelan tindakan dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk melindungi hak asasi manusia mereka.

HRRA membolehkan kami membangunkan pelan tindakan untuk mengukuhkan amalan hak asasi manusia kami. Hal sedemikian termasuk pembangunan polisi hak asasi manusia yang pertama dalam industri.

Libat Urus HRRA dan Hasilnya:

Dimensi	Metodologi	Pihak Berkepentingan	Responden	Tindakan Seterusnya	
 Sumber Manusia	Temu Ramah Dalam Talian	 Warga PLUS	1,700+	 Mengukuhkan mekanisme aduan	 Meningkatkan kesedaran mengenai perbuatan buli dan gangguan
 Aturan Keselamatan Fizikal		 Rakan Niaga	278		
 Impak Komuniti	Tinjauan Dalam Talian	 Vendor	155	 Menambah baik langkah-langkah keselamatan di Kawasan Rehat & Rawat	 Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar
 Kesihatan & Keselamatan	Libat Urus Berkumpulan	 Pelanggan	125		
 Integriti Perniagaan	Temu Ramah Bersemuka	 Wakil Pengurusan	60+	 Mengukuhkan pengukuran impak CSR	 Meningkatkan penglibatan masyarakat
 Kontraktor & Rantaian Bekalan		 Komuniti Jajaran Lebuhraya	25		
 Kualiti Produk & Amalan Pemasaran	Temu Ramah Menerusi Telefon	 Anggota Keselamatan	12		
		 NGO	10		

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Sesi libat urus HRRA bersama dengan Warga PLUS di Pejabat Wilayah Tengah.

Polisi Hak Asasi Manusia

Berdasarkan hasil penemuan HRRA, kami telah menubuhkan polisi hak asasi manusia berdasarkan garis panduan antarabangsa dan keperluan peraturan tempatan. Hal sedemikian menegaskan lagi komitmen kami untuk menghormati hak asasi manusia dalam kalangan Warga PLUS, rakan niaga dan juga pihak yang berurusan dengan kami.

Skop Polisi Hak Asasi Manusia



Warga PLUS



Rakan usahasama kami



Semua pihak yang terlibat dengan PLUS



Sila imbas kod QR ini untuk membaca Polisi Hak Asasi Manusia PLUS di laman web kami.



Poster sesi Jom Sembang mengenai gangguan seksual.

Kami membangunkan polisi ini berpandukan piawaian, garis panduan dan dokumen berikut untuk memastikan pendekatan yang holistik dan komprehensif:



Garis panduan amalan terbaik antarabangsa, termasuk Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dan Deklarasi ILO mengenai Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja.



Keperluan undang-undang dan peraturan tempatan, termasuk Akta Kerja 1955 dan Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual 2021.



Amalan syarikat lebih raya tempatan dan antarabangsa, syarikat berkaitan kerajaan dan organisasi yang terkenal dengan kepimpinan amalan hak asasi manusia.




Jangkaan pihak berkepentingan utama, mengambil kira maklum balas daripada HRRA.



Dasar, prosedur dan garis panduan kami yang sedia ada.

Menegakkan hak asasi manusia di seluruh operasi perniagaan kami adalah amat penting dalam mengekalkan semua nilai teras kami dan usaha ini adalah selaras dengan aspirasi kami untuk menghubungkan komuniti bagi mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari. Polisi Hak Asasi Manusia kami merangkumi tujuh (7) dimensi seperti yang ditunjukkan di bawah dan mengandungi kenyataan utama kami bagi setiap dimensi tersebut serta langkah-langkah yang wajar dilaksanakan.



KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Komitmen Terhadap Anti Gangguan dan Anti Buli

Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk gangguan, perbuatan buli dan berhak melindungi Warga PLUS daripada tindakan-tindakan tersebut yang dilakukan oleh mana-mana pihak. Kami menganggap gangguan sebagai sebarang tingkah laku yang tidak dikehendaki dan perbuatan buli sebagai tingkah laku yang boleh menyebabkan ketakutan, rasa terugut, penjejasan emosi, fizikal dan psikologi termasuk perbuatan buli siber.

Kami menyediakan pelbagai platform dalaman untuk melaporkan kejadian gangguan dan buli. Saluran *Speak Up* kami dikendalikan oleh pihak bebas yang dilantik dari luar bagi menjamin kerahsiaan dan keyakinan apabila membuat laporan.

Kami kerap memberi kesedaran kepada Warga PLUS mengenai kempen-kempen anti gangguan dan anti buli yang dianjurkan, di mana kami menyediakan pendidikan dan menimbulkan kesedaran mengenai mekanisme pelaporan yang tersedia. Bagi mengukuhkan pelaksanaan kempen-kempen tersebut, kami telah menyediakan latihan kepimpinan kepada Warga PLUS yang berperanan sebagai penyelia.

Komitmen kami untuk mencegah kejadian gangguan dan buli bukan sahaja terhad di tempat kerja, malah turut melibatkan premis seperti Kawasan R&R, plaza tol dan lebuh raya kami. Selanjutnya, kami telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan keselamatan

rakan niaga, vendor, kontraktor dan para pelanggan lebuh raya kami, jelas memperlihatkan bahawa kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan atau buli.

Kami telah menambahkan kamera CCTV untuk menjaga keselamatan persekitaran tempat kerja bagi para pelanggan lebuh raya dan pihak yang berada di premis kami. Di samping itu, kami memasang poster dan papan tanda di semua pejabat kami sebagai peringatan visual bahawa kami tidak menyokong sebarang bentuk perbuatan buli dan gangguan.

Kami mendapat pengiktirafan kategori Tindakan Perintis Pembangunan Lestari dari pihak Pakatan Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei (UNGCMYB) atas usaha kami dalam memacu amalan hak asasi manusia dalam industri dan merupakan organisasi pertama yang telah melaksanakan HRRA di seluruh operasi dan rantai nilai kami.



Sila imbas kod QR ini untuk membaca dengan lebih lanjut pencapaian kami di majlis Anugerah Prestasi Kelestarian UNGC 2022.



Kami telah diiktiraf atas inisiatif-inisiatif kelestarian kami di majlis Anugerah Prestasi Kelestarian UNGC 2022 yang dianjurkan oleh Pakatan Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei (UNGCMYB).

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Keutamaan Pelanggan

Kepentingan Keutamaan Pelanggan Kepada Kami:

Kebolehan memahami situasi, persepsi dan jangkaan para pelanggan yang menjadi tumpuan utama produk, perkhidmatan dan pengalaman.

Aspirasi Kami:

Memberikan pengalaman selamat, lancar dan menggembirakan sepanjang perjalanan para pelanggan bersama kami.

Inisiatif dan Sorotan

Pelanggan kami menjadi keutamaan dalam apa jua yang kami lakukan. Selaras dengan matlamat jenama kami untuk *Menjaga Anda Di Sepanjang Perjalanan*, kami beraspirasi untuk menyampaikan perkhidmatan dan produk yang terbaik supaya sentiasa dapat memberikan kepuasan kepada para pelanggan kami.

Kami mengakui keperluan perjalanan dan kehendak para pelanggan semakin berkembang atas pendedahan dan interaksi dengan pelbagai jenama di seluruh dunia. Hal sedemikian mendorong keinginan untuk menikmati produk yang lebih unggul dan perkhidmatan berkualiti tinggi. Kami kekal fokus terhadap usaha menjalinkan hubungan rapat dengan semua pelanggan demi memastikan penyampaian pengalaman pelanggan yang cemerlang.

Piagam Pelanggan PLUS

Piagam Pelanggan PLUS adalah inisiatif yang melibatkan seluruh kumpulan kami untuk menambah baik pengalaman para pelanggan melalui titik sentuhan utama sepanjang perjalanan mereka. Piagam kami kepada para pelanggan membina keseragaman piawai perkhidmatan bagi memenuhi jangkaan di seluruh operasi kami.



KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Program Budaya Mengutamakan Pelanggan



Program Budaya Mengutamakan Pelanggan (3CP) adalah program perdana yang dilancarkan untuk menyemai budaya mengutamakan pelanggan dalam kalangan Warga PLUS. Program tersebut bertujuan untuk memupuk pemahaman dan empati terhadap para pelanggan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kami. Pelaksanaan 3CP yang berpandukan kepada Rangka Kerja Budaya Pelanggan adalah seperti berikut:

	Membina dan Memperkukuhkan Pemikiran - Sesi Jom Sembang - Bengkel <i>Outward Mindset</i> Arbinger
	Memupuk dan Menerapkan Kebiasaan - Program Kepatuhan Piagam Pelanggan (CPC) <i>Mystery shoppers</i> - Laporan G.I.F.T.
	Pemerkasaan menerusi Ilmu dan Alatan - Hari Keutamaan Pelanggan - Pembinaan keupayaan terhadap keutamaan pelanggan - Buku Bahasa Perkhidmatan (SLP)

Program Kepatuhan Piagam Pelanggan (CPC)

Meningkatkan dan menyeragamkan kualiti perkhidmatan di titik sentuhan utama para pelanggan. Program ini memantau kepatuhan dan mempamerkan markah setiap pejabat seksyen yang merangkumi sepuluh (10) Piagam Pelanggan pada papan pemuka yang disatukan.

Mystery shoppers

Menilai kepatuhan titik sentuhan utama para pelanggan dan mengenal pasti aspek yang memerlukan penambahbaikan.

Laporan G.I.F.T.

Pendekatan gamifikasi dan pemberian anugerah untuk memupuk budaya mengenal pasti, menjangka dan memahami keperluan para pelanggan. Warga PLUS mengemukakan pemerhatian terhadap para pelanggan, termasuk maklum balas positif dan konstruktif melalui aplikasi mudah alih yang memberikan ganjaran untuk setiap laporan yang dikemukakan.



Paparan PowerApp untuk Warga PLUS mengemukakan laporan G.I.F.T.

Kami menganjurkan Hari Keutamaan Pelanggan pada tahun 2022 untuk memperkukuhkan penghayatan budaya mengutamakan para pelanggan dalam kalangan Warga PLUS. Acara tersebut telah dilaksanakan secara fizikal di Persada PLUS dan disiarkan secara langsung kepada di semua pejabat seluruh negara.

Dengan bertemakan Pelanggan Kita, Tetamu Kita, program tersebut mengingatkan Warga PLUS untuk mengambil pendekatan holistik di sepanjang rantai nilai kami bagi memastikan para pelanggan sentiasa berpuas hati. Antara pengisian program pada hari tersebut adalah sesi panel dengan para penceramah dari organisasi-organisasi yang telah memenangi anugerah kecemerlangan perkhidmatan pelanggan dan penyampaian Anugerah Bintang Lebu Raya kepada Warga PLUS yang mempamerkan profesionalisme terpuji semasa berinteraksi dengan para pelanggan.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Pengarah Urusan kami (dua dari kiri) dan Ketua Pemasaran (pertama dari kiri) bersama ahli panel jemputan.

Anggota barisan hadapan kami mengaplikasikan prinsip-prinsip dalam Buku Bahasa Perkhidmatan (SLP) yang dijadikan panduan mengenai cara berkomunikasi secara berkesan dengan para pelanggan lebuhraya. Kami akan memperkenalkan modul e-pembelajaran berkenaan keutamaan pelanggan untuk memperkasakan Warga PLUS dalam mengaplikasikan amalan terbaik orientasi pelanggan dan memupuk pemikiran fokus pelanggan.

Usaha Kami bagi Menambah Baik Pengalaman Pelanggan

1 Menyelesaikan Maklum Balas Para Pelanggan Secara Efektif

Kami mengakui bahawa sistem pengurusan maklum balas yang mantap adalah penting bagi memastikan pengalaman pelanggan yang bermakna, meningkatkan kesetiaan pelanggan dan mengenalpasti aspek untuk penambahbaikan. Oleh hal yang demikian, kami melaksanakan pendekatan bersepadu 4R untuk merakam, melapor, bertindak balas dan menyelesaikan maklum balas serta kebimbangan daripada para pelanggan kami.

Talian PLUSline kami beroperasi selama 24 jam sehari, 7 hari seminggu bagi membolehkan para pelanggan melaporkan sebarang isu atau perkara yang membimbangkan mereka, termasuk isu berkaitan kesesakan trafik, keadaan jalan raya atau kemalangan. Talian *hotline* ini dikendalikan oleh pasukan berdedikasi yang terdiri daripada anggota perkhidmatan pelanggan yang terlatih untuk mengendalikan maklum balas pelanggan secara berkesan, cepat dan cekap.

Selain PLUSline, kami juga menggalakkan para pelanggan untuk mengemukakan maklum balas mereka menerusi laman web dan pelbagai saluran media sosial kami.

Saluran Maklum Balas Pelanggan



PLUSline



Borang
Maklum Balas



Chatbot
PUTRI



Media
Sosial Kami



Emel



Laman
Web Kami



Aplikasi
PLUS



PLUS Texting Realtime Interface (PUTRI) adalah *chatbot* pertama dalam industri lebuhraya yang memanfaatkan **Kecerdasan Buatan (AI)** dan **Pembelajaran Mesin (ML)**. Ia berkebolehan untuk melayani keperluan para pelanggan dalam pelbagai topik dengan cepat.

Portal Pintar Pelanggan (CIP) kami membolehkan maklum balas pelanggan dikumpulkan dalam satu platform untuk proses pemantauan dan maklum balas. CIP membolehkan ahli PLUSmiles menjejak status aduan mereka dan memberi maklum balas secara langsung menerusi mekanisme tiket.



Kami menerima anggaran **1,200 maklum balas pelanggan** daripada pelbagai saluran pada setiap hari dan memberikan maklum balas kepada mereka dalam tempoh masa purata selama **7 hari**.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

2 Menambah Baik Pengalaman Pelanggan Menerusi Aplikasi PLUS

Kami telah membangunkan prasarana tertentu untuk membantu para pelanggan memenuhi keperluan utama di sepanjang perjalanan mereka. Aplikasi PLUS mempunyai ciri-ciri berikut yang menjurus kepada penambahbaikan pengalaman perjalanan para pelanggan:



Perancang perjalanan membantu para pelanggan untuk merancang perjalanan terlebih dahulu menerusi maklumat trafik yang disediakan secara langsung.



Maklumat trafik yang dikemas kini menerusi @plustrafik memberi maklumat kepada para pelanggan mengenai keadaan trafik di lebuh raya kami dengan ikon-ikon terbaru yang diperkenalkan untuk menunjukkan lokasi kemalangan.



Butang SOS membolehkan para pelanggan menghantar isyarat kecemasan untuk mendapatkan perkhidmatan kecemasan. Ia dilengkapi dengan fungsi inklusif untuk pelanggan kelayakan upaya dari aspek mobiliti.



Suapan Aplikasi PLUS menunjukkan rakaman CCTV secara langsung di sepanjang lebuh raya.



Aplikasi PLUS mempunyai fungsi untuk memaparkan kadar tol, mengenal pasti lokasi stesen pengecas kenderaan elektrik dan pelbagai fungsi lain untuk memudahkan perjalanan para pelanggan lebuh raya kami.

Aplikasi PLUS dilengkapi dengan ciri integrasi dalaman bersama PLUS Miles, program ganjaran dan kesetiaan pelanggan kami. Hal yang demikian membolehkan para pelanggan mengumpul mata ganjaran dan memudahkan penebusan mata ganjaran. Aplikasi ini merupakan platform untuk menyokong perniagaan pengendali gerai Kawasan Rehat & Rawat (R&R) yang kini melalui pemulihan pasca COVID-19.



Sila imbas kod QR ini untuk menyaksikan video mengenai cara menggunakan fungsi 'Tambah Tol' pada Aplikasi PLUS bagi merancang perjalanan anda.



Sila imbas kod QR ini untuk menyaksikan video pengenalan 'Perancang Perjalanan' pada Aplikasi PLUS.

3 Mengutamakan Pelanggan di Titik Sentuhan Utama

Bagi memastikan keselamatan dan kepuasan pelanggan terpelihara sepanjang perjalanan mereka di lebuh raya, kami mengekalkan penjagaan aset dan kemudahan, termasuk turapan jalan, papan tanda dan kawasan rehat pada piawaian yang tinggi.

Kawasan R&R dan hentian sebelah kami dilengkapi dengan kemudahan untuk para pelanggan berehat dan menghilangkan rasa penat sebelum meneruskan perjalanan. Tandas dan gerai makan di kawasan tersebut dibersihkan dengan kerap setiap hari bagi memastikan keselesaan para pelanggan ketika mereka menikmati pelbagai pilihan makanan dan minuman yang ada. Ini termasuk makanan dengan harga yang berpatutuan, juadah terkenal dari pelbagai negeri dan jenama antarabangsa yang disediakan oleh rakan niaga kami yang dipilih menerusi proses yang telus dan berstruktur.



Pelbagai gerai makanan di Kawasan R&R Dengkil (Arah Selatan).

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Reka bentuk Kawasan Rehat & Rawat (R&R) kami mengambil kira keperluan golongan kelainan upaya dan juga mesra warga emas bagi memperlihatkan komitmen kami dalam menyediakan kemudahan yang inklusif. Kami menyediakan ruang yang luas di surau dan memperuntukkan ruang tertentu untuk taman permainan di mana kanak-kanak boleh melakukan aktiviti fizikal dan beriadah.

Plaza tol kami adalah titik sentuhan utama untuk pelanggan lebuhraya. Kami melaksanakan pengoptimuman dan fleksibiliti model operasi plaza tol bagi membolehkan Pembantu Khidmat Pelanggan (CSA) berkhidmat di plaza-plaza tol yang berbeza. Hal sedemikian memastikan CSA sentiasa ada bersama dengan pelanggan untuk memenuhi keperluan mereka dengan pantas.



Kami mempunyai lebih **400+** pengendali gerai di semua kawasan rehat dan lebih **80%** adalah usahawan yang menyediakan makanan kegemaran tempatan manakala baki **20%** adalah jenama antarabangsa yang memenuhi keperluan semua warga Malaysia.



Para pelanggan menikmati sajian tempatan di Kawasan R&R Rawang (Arah Utara).



Sila imbas kod QR ini untuk menyaksikan video mengenai usaha kami memperkenalkan 'Menu Rahmah' di Kawasan R&R.

Menyampaikan Nilai kepada Pelanggan

Usaha untuk memberikan pengalaman pelanggan yang cemerlang kekal menjadi fokus utama kami. Oleh hal yang demikian, kami bangga dengan kemajuan yang telah dicapai dalam beberapa dimensi utama kepuasan pelanggan, yang termasuk tetapi tidak terbatas pada yang berikut:



Skor Promoter Bersih (NPS) yang positif dan Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) berada di paras purata yang **melebihi 80%** sejak tahun 2019, bagi menunjukkan bahawa pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan kami.



Kajian Pengesanan Kepercayaan Ipsos Malaysia menunjukkan bahawa kami berada dalam senarai **lima (5)** teratas organisasi yang **paling dipercayai** di Malaysia.



Kemudahan surau di Kawasan R&R Dengkil (Arah Selatan).



Taman permainan kanak-kanak di Kawasan R&R Rawang (Arah Utara).

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Komuniti Kami

Kami berbangga kerana dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat. Usaha kami menyokong komuniti melalui inisiatif kelestarian kami adalah untuk menambah baik kehidupan dan pendapatan komuniti di sekeliling kami.



Pemeriksaan Bumiputera

Kepentingan Pemeriksaan Bumiputera Kepada Kami:

Pengenalan langkah-langkah untuk menyokong penambahbaikan status sosioekonomi komuniti Bumiputera dalam ekosistem kami.

Aspirasi Kami:

Menaikkan taraf hidup komuniti Bumiputera bagi mengurangkan jurang pendapatan dan meningkatkan sumbangan mereka kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

pemeriksaan komuniti menerusi pelbagai cara seperti menyediakan peluang pekerjaan bagi graduan Bumiputera, meningkatkan kemahiran perniagaan tempatan dan menyokong usaha mendekati masyarakat. Rangka Kerja Pemeriksaan Bumiputera kami adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV2030) dan Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB2030).

Inisiatif dan Sorotan

Sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang bertanggungjawab, kami memainkan peranan penting dalam merealisasikan agenda pembangunan Bumiputera Kerajaan ke arah mencapai objektif sosioekonomi kebangsaan. Kedudukan kami yang unik membolehkan kami berinteraksi dengan pelbagai komuniti Bumiputera di seluruh rangkaian nilai kami dan berusaha menyumbang kepada peningkatan taraf hidup mereka.

Dalam usaha untuk memberikan impak kepada komuniti Bumiputera, kami telah membangunkan dan memperkukuhkan Rangka Kerja Pemeriksaan Bumiputera kami untuk menjalankan program



Wawasan Kemakmuran Bersama (SPV2030)

Pelan tindakan untuk memandu Malaysia ke arah menjadi ekonomi berasaskan ilmu, termasuk memastikan kesaksamaan sosioekonomi untuk komuniti Bumiputera.



Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB2030)

Pelan Hala Tuju 10 tahun yang merangkumi strategi dan inisiatif untuk memperkukuhkan kedudukan komuniti Bumiputera dalam rangkaian bekalan merentasi pelbagai industri berlainan.



Kami mengiktiraf vendor berprestasi tinggi, termasuk usahawan Bumiputera, sempena Hari Perolehan 2022.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Berpandukan Rangka Kerja Pemerkasaan Bumiputera, kami menetapkan sasaran dan inisiatif untuk menyediakan peluang bermakna untuk graduan Bumiputera, melengkapkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan peralatan yang diperlukan supaya mereka dapat berkembang maju di samping menyokong usaha mendekati komuniti jajaran lebuh raya kami. Selain itu, kami berdedikasi dalam usaha mengenal pasti dan membimbing vendor tempatan yang berprestasi tinggi dan berdaya saing bagi membolehkan mereka meningkatkan pertumbuhan dan meluaskan kedudukan mereka dalam ekosistem perniagaan dan operasi PLUS demi mengukuhkan lagi portfolio bersama kami. Rangka Kerja Pemerkasaan Bumiputera menetapkan pencapaian yang diinginkan bagi setiap kumpulan pihak berkepentingan, seperti yang berikut:

Memperkasa Komuniti Bumiputera				
Objektif				
Kumpulan Sasaran	 Warga PLUS/ Modal Insan	 Komuniti Jajaran Lebuh Raya	 Pengendali Gerai Kawasan R&R	 Vendor
Objektif RMK-12	Memperkukuhkan Pendidikan & Pemerkasaan Modal Insan	Mempercepatkan Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera	Meningkatkan Daya Tahan & Kelestarian Perniagaan Bumiputera	
Hasil yang Diingini	➤ Graduan berwibawa yang mudah mendapat kerja dan menyumbang kepada tenaga kerja. ➤ Tenaga kerja cekap dan efektif yang dilengkapi dengan kemahiran relevan untuk menyokong industri. ➤ Tenaga kerja serba boleh untuk digerakkan bagi memenuhi keperluan perniagaan.	➤ Komuniti jajaran lebuh raya yang terlibat secara aktif dan mempunyai tahap kesedaran pendidikan, sosial dan kesihatan yang tinggi. ➤ Komuniti jajaran lebuh raya yang mempunyai akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas.	➤ Pemerkasaan usahawan yang berdaya saing dan inovatif. ➤ Pendapatan yang meningkat dan konsisten untuk pengendali gerai.	➤ Vendor berdaya saing yang boleh memenuhi atau melebihi jangkaan. ➤ Vendor lestari yang aktif menyumbang kepada ekonomi.

Maklumat terperinci mengenai inisiatif yang dijalankan untuk kumpulan sasaran tertentu di atas telah dinyatakan dalam bahagian berikut:

- Warga PLUS/ Modal Insan dalam bahagian Tenaga Kerja Cekap;
- Komuniti Jajaran Lebuh Raya dalam bahagian Pembangunan Komuniti Jajaran lebuh Raya; dan
- Vendor dalam bahagian Amalan Perolehan.



Lebih **90%** Warga PLUS, **72%** pengendali gerai Kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan sebahagian besar komuniti jajaran lebuh raya kami adalah daripada komuniti Bumiputera.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Pembangunan Komuniti Jajaran Lebuhraya

Kepentingan Pembangunan Komuniti Jajaran Lebuhraya Kepada Kami:

Amalan untuk meningkatkan status sosioekonomi komuniti dalam lingkungan 30km dari lebuhraya kami termasuk Kawasan Rehat & Rawat (R&R), restoran jejantas (OBR) dan hentian sebelah.

Aspirasi Kami:

Menyediakan peluang untuk meningkatkan status sosioekonomi komuniti jajaran lebuhraya bagi menjaga keselamatan dan meningkatkan rezeki mereka.

Inisiatif dan Sorotan

Jejak operasi kami di sepanjang Semenanjung Malaysia menyediakan peluang berharga untuk kami menyampaikan impak positif terhadap alam sekitar dan sosioekonomi bagi komuniti yang menetap dalam lingkungan 30km dari lebuhraya kami, di mana mereka dikenali sebagai komuniti jajaran lebuhraya.

Pendekatan Holistik Terhadap Komuniti


Kami mendekati pelbagai komuniti yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang berbeza di sepanjang jajaran lebuhraya. Kami amat berbangga dengan perubahan bermakna yang telah kami lakukan dalam kehidupan mereka dan kekal komited untuk meneruskan usaha-usaha bagi membantu lebih banyak lagi komuniti pada masa hadapan.



400+ rakan niaga kami adalah daripada komuniti jajaran lebuhraya.

Dari tahun 2018 sehingga 2022, kami telah menyumbangkan lebih daripada RM12.5 juta melalui program sosial berikut, yang telah memberi manfaat kepada lebih 128,000 penerima:

Jumlah yang dibelanjakan untuk Program Sosial (RM juta)



Pengagihan Zakat

Sebagai pengagih zakat yang dilantik secara rasmi, kami komited untuk mengagihkan zakat kepada para penerima yang layak sebagaimana yang telah dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. Bagi meningkatkan impak pengagihan zakat, kami telah membangunkan Rangka Kerja Zakat dan menubuhkan Jawatankuasa Tabung Zakat bagi melaksanakan pendekatan yang berasaskan sasaran pengagihan di samping mematuhi keperluan syariah.



Warga PLUS bermesra dengan komuniti jajaran lebuhraya kami di Kg. Balun, Slim River, Perak.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT

Hal sedemikian telah membolehkan kami mengagihkan zakat kepada komuniti asnaf yang layak semasa pandemik COVID-19.

- > Kami menyampaikan zakat kepada Pusat Maahad Tahfiz yang sesuai dalam lingkungan 30km dari lebuh raya kami bagi menunjukkan dedikasi kami untuk menyokong pusat seperti ini yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.
- > Kami menyalurkan zakat kepada Warga PLUS yang terjejas akibat banjir tahunan di samping anggota barisan hadapan pihak ketiga yang telah dikenalpasti untuk menerima zakat.
- > Kami mengagihkan zakat kepada asnaf di kampung, surau, masjid, organisasi kebajikan dan universiti berhampiran.

Jumlah zakat yang diagihkan dan penerima sumbangan tersebut daripada kami pada tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

		
Komuniti Jajaran Lebuh Raya	Warga PLUS	Wira Tidak Didendam
RM 1.83 juta kepada 5,600+ penerima	RM 1.03 juta kepada 870+ penerima	RM 0.15 juta kepada 500+ penerima

Dana Wakaf untuk Universiti

Kami menyampaikan zakat bernilai lebih RM300,000 kepada dana



Pengagihan zakat kepada Pusat Maahad Tahfiz di Wilayah Utara pada tahun 2022.

wakaf bagi membantu pelajar-pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Islam Antarabangsa (IIUM). Tabung ini bertujuan untuk membantu para pelajar yang menghadapi cabaran kewangan supaya mereka dapat menumpukan fokus kepada pengajian mereka. Pelaburan kami untuk generasi akan datang juga adalah faktor utama yang menyumbang kepada pembinaan masa hadapan yang lebih cerah untuk komuniti di mana kami berkhidmat.

Membawa Harapan kepada Komuniti

Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami memberi fokus kepada peningkatan tahap kesejahteraan dan status sosioekonomi komuniti jajaran lebuh raya kami serta menyokong mereka dalam pemulihan daripada cabaran ekonomi yang dihadapi selepas pandemik COVID-19. Hal sedemikian termasuk menyediakan bantuan semasa banjir, menaik taraf infrastruktur kritikal, menawarkan bantuan kewangan serta sumbangan makanan.



Menghulurkan Bantuan kepada Komuniti yang Dilanda Banjir

Kami amat mengambil berat terhadap komuniti di sekeliling kawasan kami berkhidmat, oleh itu kami sentiasa bersedia serta bersemangat untuk menghulurkan bantuan pada masa yang mencabar.

Pada Julai 2022, kami telah menghantar 57 Warga PLUS untuk membantu kawasan perkampungan yang dilanda banjir di Kupang, Baling, di mana harta benda dan rumah mereka rosak akibat banjir. Bersama-sama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Warga PLUS telah bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk membersihkan rumah penduduk kampung. Perkara sedemikian merupakan bantuan yang sangat diperlukan oleh mereka pada waktu tersebut.



Pengagihan zakat kepada asnaf Wilayah Selatan (Machap, Simpang Renggam, Kulai dan Senai) pada tahun 2022.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Membina Infrastruktur untuk Komuniti

Pada Disember 2022, kami telah menyiapkan kerja pembaikan dan penaiktarafan jalan di Kampung Sari Baru, Pagoh bagi menyediakan laluan dan akses yang selamat untuk komuniti di sekeliling tempat tersebut, termasuk memasang lampu berkuasa solar di laluan tersebut.

Ketika berada di Kampung Sari Baru, kami mengambil kesempatan untuk mengagihkan zakat kepada 60 orang asnaf dari beberapa kampung berhampiran di Surau Al-Hakim.



7,000+ penduduk dari **5** buah kampung berhampiran telah mendapat manfaat daripada kerja pembaikan dan penaiktarafan jalan di Kampung Sari Batu, Pagoh.



Membasmi Kebuluran Menerusi Pengagihan Bantuan Makanan

Sebagai sebahagian daripada kempen "Bersama Ambil Peduli" kami yang dijalankan bersempena dengan tema Hari Kebangsaan iaitu Malaysia Prihatin, kami telah menggerakkan Skuad Ambil Peduli seramai 313 orang Warga PLUS untuk mengagihkan bakul makanan kepada keluarga yang tinggal di sepanjang lebuh raya kami.



1,300+ bakul makanan telah diagihkan, memanfaatkan sebanyak **5,500+** individu daripada komuniti jajaran lebuh raya kami.

Pada tahun 2022, kami bekerjasama dengan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) di bawah PDRM untuk mengagihkan makanan kepada 50 orang penduduk Kampung Chepur, Lenggong, Perak demi membantu mereka mengatasi masalah kewangan yang mencabar.



Warga PLUS bersama dengan rakan niaga dan penyedia perkhidmatan bayaran tanpa tunai di Kawasan R&R Dengkil.



Pengarah Urusan kami (empat dari kanan) melancarkan Vehicular Box Culvert (VBC) yang baru dinaik taraf, di Kampung Sari Baru, Pagoh.

KOMITMEN KEPADA MASYARAKAT



Skuad Ambil Peduli kami menyampaikan bakul makanan kepada keluarga yang memerlukan sempena kempen Bersama Ambil Peduli pada tahun 2021.



Menyokong Badan Sosial Melalui Bantuan Kemasyarakatan

Kami aktif memberi bantuan kewangan kepada pelbagai badan sosial untuk membantu mereka menyampaikan impak yang lebih besar melalui program bantuan kemasyarakatan mereka. Sumbangan-sumbangan kami adalah seperti berikut:



Persatuan Kebajikan Keluarga Bekas Polis dan Tentera (POLTERA) Wilayah Persekutuan dan Selangor

Kami menyediakan bantuan kewangan untuk membiayai keperluan perubatan dan pendidikan bekas anggota tentera dan anggota polis, termasuk keluarga mereka sebagai tanda penghargaan kami kepada mereka yang menjaga keselamatan dan keamanan negara.



Persatuan Strok Nasional Malaysia (NASAM)

Kami menawarkan bantuan kewangan bagi membolehkan mangsa serangan strok mendapatkan rawatan pemulihan secara mudah dan berpatutan.



Kelab Rotary Kuala Lumpur Diraja

Kami menghulurkan sokongan kepada Projek Pertanian Bandar Organik Bertenaga Suria milik Kelab Rotary Kuala Lumpur Diraja yang bertujuan untuk meningkatkan keterjaminan makanan dan mengoptimumkan perbelanjaan untuk membiayai urusan pengendalian rumah anak yatim dan rumah orang tua di Kuala Lumpur.

Menyampaikan Impak Menerusi Sesi Libat Urus

Kami sering mengadakan sesi libat urus dengan komuniti jajaran lebuh raya kami untuk mendapatkan maklum balas mengenai impak dan keberkesanan inisiatif kami, di samping mendapatkan pandangan mereka sebelum memulakan projek penting yang mungkin memberi kesan terhadap mereka dari segi alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Pada tahun 2022, kami menjalankan tinjauan impak komuniti bagi menilai keberkesanan program sosial kami. Tinjauan tersebut memberi kami peluang untuk menilai secara formal dan memahami keperluan komuniti yang berinteraksi dengan kami.

Tinjauan kami telah menerima sambutan yang baik dengan penyertaan lebih daripada 400 responden daripada komuniti asnaf dan pekerja lebuh raya B40. Penemuan utama tinjauan tersebut adalah seperti berikut:

94%

bersetuju bahawa bantuan kami telah menolong mereka semasa pandemik COVID-19 dan fasa endemik.

89%

memanfaatkan bantuan yang diterima untuk membeli bekalan makanan, bayaran sewa rumah, bil perubatan dan keperluan harian keluarga yang lain.

89%

lebih gemar menerima bantuan berupa wang tunai berbanding dengan sumbangan dalam bentuk barangan kerana dapat menyesuaikan bantuan mengikut keperluan mereka.


82%

bersetuju bantuan yang disalurkan oleh PLUS adalah mencukupi.



Warga PLUS bekerjasama dengan NGO dan pertubuhan lain untuk membersihkan rumah yang dilanda banjir di Baling, Kedah.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Pusat Pemantauan Trafik (TMC) kami di Persada PLUS.



“

Hubungan simbiotik antara PLUS dan PDRM mampu meningkatkan pengalaman perjalanan pengguna yang lebih positif dan mewujudkan ekosistem lebuhraya yang selamat bagi semua lapisan masyarakat.

Kerjasama PLUS dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menjalankan rondaan cegah kemalangan dan menguatkuasakan peraturan dan undang-undang jalan raya melalui Unit Peronda Lebuhraya (EMPV) serta penubuhan Unit Siasatan Lebuhraya (USLR) di kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan plaza tol terpilih memberi akses mudah dan cepat untuk pengguna lebuhraya berinteraksi dengan pihak berkuasa sekiranya berhadapan dengan situasi yang merbahaya.

”

**Yang Dihormati CP Dato’
Sri Mat Kasim Bin Karim**
*Pengarah Jabatan Siasatan dan
Penguatkuasaan Trafik, PDRM*



“

PLUS sentiasa proaktif melaksanakan kolaborasi strategik ke arah memastikan keselamatan serta kelancaran aliran trafik selamat di lebuhraya. Kolaborasi strategik PLUS dan JPJ telah mengukuhkan lagi tahap kesiapsiagaan keselamatan pengguna lebuhraya menghadapi situasi risiko kecemasan di lebuhraya. Di mana, melalui aktiviti latihan simulasi fizikal secara berkala dan pengurusan komunikasi yang efektif telah meningkatkan keyakinan semua pihak akan kesiapsiagaan PLUS terhadap sebarang krisis.

”

**YBhg. Datuk Lokman
Bin Jamaan**
*Pengarah Kanan Penguatkuasa,
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
Malaysia*



KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang relevan dengan keteguhan tadbir urus kami:



Pemandangan Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) pada waktu malam.

Kami berbangga untuk mendukung piawaian tadbir urus korporat yang baik dan telah mewujudkan struktur, polisi dan prosedur yang sewajarnya bagi memastikan kami sentiasa bertanggungjawab dan telus dalam apa jua yang kami lakukan. Pendekatan kami terhadap tadbir urus melata dari Lembaga Pengarah hinggalah ke anggota barisan hadapan, di mana kami telah menerapkan amalan tadbir urus yang baik dalam segala proses membuat keputusan.

Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian Lembaga (BGRSC) kami ditugaskan untuk memantau pelaksanaan tadbir urus yang baik di seluruh organisasi. Tambahan pula, fungsi-fungsi perniagaan di seluruh PLUS memainkan peranan mereka dalam mendukung tadbir urus yang baik, di mana Bahagian Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan (GRC) merupakan pusat tumpuan bagi penyelarasan, pelaksanaan dan pelaporan hal-hal tersebut.

	Etika dan Integriti
	Amalan Perolehan
	Tindak Balas dan Komunikasi Krisis
	Pematuhan kepada Undang-Undang dan Peraturan
	Keselamatan Data
	Pengurusan Risiko
	Kepimpinan Kewangan

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Etika dan Integriti

Kepentingan Etika dan Integriti kepada Kami:

Penerapan amalan beretika dan berintegriti yang tinggi di semua peringkat organisasi.

Aspirasi Kami:

Menerapkan etika sebagai satu unsur budaya, dengan toleransi sifar terhadap salah laku, penipuan dan rasuah, ke arah mengekalkan sebuah ekosistem yang bebas rasuah.

Inisiatif dan Sorotan


Sejajar dengan penguatkuasaan seksyen 17(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, kami telah memperkukuhkan usaha integriti kami. Amalan integriti kami adalah berdasarkan konsep 'TRUST' yang diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi (GAP) menurut Subseksyen (5) Seksyen 17A di bawah Akta SPRM 2009.

Kami telah mewujudkan Rangka Kerja Integriti yang menetapkan pendekatan dan mekanisme untuk menghalang, mengesan dan bertindak balas terhadap salah laku berkaitan dengan rasuah, korupsi, penipuan dan salah guna kuasa dalam operasi PLUS. Rangka kerja tersebut juga mengetengahkan Ekosistem Integriti PLUS yang berpandukan 10 prinsip Antirasuah dan Korupsi (ABAC). Dalam halaman berikutnya, kami memberikan sorotan mengenai usaha yang kami laksanakan di bawah setiap prinsip 'TRUST'.



Kami berbangga dengan penubuhan Unit Penguatkuasa Lebuhraya pertama di Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).

Ekosistem Integriti



Pasukan PLUSRonda kami sedang melafaz ikrar integriti.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Komitmen Peringkat Tinggi

Panduan Antirasuah dan Korupsi (ABAC) kami mengandungi senario praktikal untuk setiap prinsip yang harus dibaca, difahami dan dipatuhi oleh semua Warga PLUS dan sesiapa yang ingin berurusan dengan kami. Untuk memastikan panduan ini sejajar dengan piawaian dan pembangunan terkini, kami telah mengemaskini kandungan panduan tersebut pada tahun 2022.

Selain itu, kami telah menetapkan pelbagai langkah kawalan untuk memastikan kejayaan dalam pelaksanaan inisiatif ABAC di seluruh PLUS, dengan pemantauan yang mantap dan berkala terhadap perkara integriti daripada Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian Lembaga (BGRSC).

Polisi Pemberian Maklumat (*Whistleblowing*)

Kami telah memperkukuh Polisi Pemberian Maklumat kami. Untuk memastikan amalan integriti yang kukuh, kami telah menjalankan kaji selidik pada tahun 2022 yang melibatkan lebih kurang 3,800 Warga PLUS dan 1,200 rakan usahasama untuk menentukan pemahaman dan tahap pematuhan kami terhadap amalan integriti.

Berdasarkan maklum balas daripada kaji selidik tersebut, kami telah mengambil langkah positif dengan menukar nama saluran "*Whistleblowing*" kepada saluran "*Speak Up*", selaras dengan amalan terbaik dan untuk menggalakkan pihak berkepentingan untuk bersuara secara proaktif tanpa rasa takut terhadap tindakan balas.

Untuk memperkukuh tahap kerahsiaan, kebebasan dan keadilan platform ini, kami telah melantik pihak ketiga yang bebas untuk menguruskan proses "*Speak Up*".



Imbas kod QR ini untuk melihat panduan dan saluran *Speak Up* kami.



Imbas kod QR ini untuk melihat panduan ABAC kami.

10 Prinsip Pendirian PLUS Terhadap Rasuah dan Korupsi:



Kami mengamalkan sikap toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi.



Kami komited untuk berurusan dengan Rakan Usahasama dan Pegawai Kerajaan secara adil, telus dan beretika.



Kami melarang sebarang bentuk penerimaan, pemberian atau janji untuk pembayaran kemudahan.



Kami tidak melayan apa-apa surat sokongan sokongan dan permintaan untuk mendapatkan keistimewaan tertentu.



Kami akan menjalankan proses usaha wajar (*due diligence*) ke atas Warga PLUS, Rakan Niaga, projek dan aktiviti perniagaan, terutamanya apabila terdapat pendedahan ketara terhadap risiko berlakunya rasuah dan korupsi.



Kami akan mengisytiharkan konflik kepentingan secara berjadual dan apabila timbulnya konflik yang sebenar, konflik yang mungkin atau yang dirasakan akan timbul.



Kami mengamalkan polisi Tiada Hadiah tertakluk kepada pengecualian had tertentu.



Kami melarang penawaran atau penerimaan hospitaliti tertakluk kepada pengecualian had tertentu.



Kami membenarkan sumbangan amal dan tajaan untuk sebab yang sah. Kami tidak membuat sumbangan politik.



Kami amat menggalakkan apa-apa aduan (pendedahan) tentang kes-kes rasuah dan korupsi sebenar atau yang disyaki tanpa rasa takut akan tindakan balas yang mungkin diterima.


KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Penilaian Risiko Rasuah

Kami mempunyai proses yang komprehensif untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan bertindak balas kepada pendedahan utama terhadap risiko-risiko rasuah. Laporan risiko rasuah kami kerap disemak semula dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian Lembaga (BGRSC) untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa risiko rasuah utama diuruskan secara aktif.

Selain itu, kami telah menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) Kerajaan 2019-2023. Untuk mencapai sasaran pencegahan rasuah, kami telah melaksanakan Keutamaan Strategik OACP seperti berikut:



Kami telah menggunakan OACP untuk melaksanakan proses yang menyeluruh dalam menangani pendedahan kepada risiko rasuah yang utama. Aktiviti berkala termasuk melakukan penilaian risiko rasuah di seluruh PLUS, menyemak Prosedur Operasi Standard (SOP) fungsi-fungsi perniagaan dan mengemaskini kawalan yang sedia ada serta mengemukakan pelan tindakan untuk profil risiko rasuah bagi setiap fungsi perniagaan.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Melaksanakan Langkah Kawalan

Untuk memperlihatkan dedikasi kami dalam mengamalkan piawaian etika dan integriti yang kukuh, kami telah memperoleh pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) pada tahun 2020. Pensijilan tersebut bertujuan membimbing organisasi dalam usaha menghalang, mengesan dan bertindak balas terhadap rasuah, mematuhi undang-undang dan peraturan, serta menekankan prinsip toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi.

Sejak mendapat pensijilan tersebut, kami telah menjalani audit pemantauan dan pensijilan semula oleh SIRIM setiap tahun untuk memastikan sistem pengurusan kami sentiasa mematuhi piawaian ABMS. Sehubungan itu, SIRIM telah mengesahkan dan mengesyorkan kami untuk menjalani pensijilan semula tanpa perubahan kepada pelaksanaan dan proses Antirasuah dan Korupsi (ABAC) kami yang sedia ada. Ini menunjukkan betapa komprehensifnya pelaksanaan ABAC kami.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap penambahbaikan yang berterusan, kami mempergiat usaha ke arah

pengukuhan kawalan dalaman untuk menggalakkan persekitaran bebas rasuah dan korupsi. Ini termasuk semakan semula yang kerap dijalankan terhadap panduan ABAC kami dan menerapkan kawalan dalaman terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) dan dokumentasi yang berkaitan.



Pasukan kami di Majlis Anugerah Pensijilan ABMS SIRIM.



Semakan Sistematis, Pemantauan dan Penguatkuasaan

Bagi menjamin bahawa amalan integriti kami adalah relevan, mencukupi dan berkesan, kami telah memperkenalkan mekanisme untuk memantau, melapor dan mengamalkan 10 Prinsip ABAC. Bagi tujuan ini, kami memantau rapi aktiviti dan statistik, menjalankan audit dan disusuli oleh pengurusan akibat atas sebarang ketidakpatuhan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk memupuk dan menguatkuasa budaya integriti yang baik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) wajib berkaitan integriti telah diperkenalkan. Kami juga telah memperkenalkan Kod Tatakelakuan yang komprehensif untuk Warga PLUS dan rakan usahasama kami.

Kod Tatalaku Pekerja (ECOC) kami menyelia tingkah laku profesional Warga PLUS dan meliputi tanggungjawab mereka dalam menjalankan tugas mereka. ECOC memastikan semua individu yang mewakili pihak PLUS menjalankan aktiviti-aktiviti mereka secara beretika, menurut undang-undang dan peraturan serta piawaian yang ditetapkan melalui polisi, garis panduan dan peraturan kami.



Imbas kod QR ini untuk menonton video Pencegahan Rasuah dan Korupsi kami.

Kod Tatakelakuan Rakan Usahasama (BACOC) kami pula menetapkan jangkaan terhadap tingkah laku profesional mana-mana pihak luar yang kami telah atau bercadang untuk menjalin hubungan perniagaan. Ini merangkumi rakan niaga, vendor, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil, penyewa dan pengantara lain.

BACOC berfungsi sebagai rujukan tunggal untuk membantu rakan usahasama memahami tanggungjawab mereka apabila berurusan dengan kami. Ia merangkumi bidang-bidang utama berikut:

	Prinsip ABAC		Harta Intelek dan Penjenamaan
	Keselamatan Maklumat		Kenyataan kepada Pihak Luar
	Amalan Berdaya Saing		Representasi
	Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar		Perlindungan Aset PLUS
	Penyimpanan Rekod		Pematuhan kepada Undang-undang dan Kewajipan Kontrak
	Hak Asasi Manusia		

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Latihan dan Komunikasi

Latihan

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran terhadap budaya integriti, kami telah menganjurkan beberapa sesi latihan seperti berikut:

- **Latihan wajib** bagi semua kakitangan baru. Setelah selesai menjalani latihan, mereka dikehendaki untuk melengkapkan dan lulus penilaian dalam talian. Kemudian, semua peserta latihan dikehendaki untuk menandatangani dan mengambil Ikrar Integriti yang menyatakan bahawa mereka memahami dan mematuhi Panduan Antirasuah dan Korupsi (ABAC). Sejak pelancaran program ABAC kami pada tahun 2019, 112 sesi latihan bersemuka telah diadakan yang memastikan sejumlah 3,802 (99.1%) Warga PLUS di

seluruh negara telah menjalani program latihan tersebut dan mengambil Ikrar Integriti. Sejak itu, 27 sesi latihan telah diadakan bagi 571 kakitangan baru untuk menjalani latihan wajib dan mengambil Ikrar Integriti mereka.

- **Latihan penyegaran** secara berkala untuk mengenal pasti pembelajaran daripada insiden yang dilaporkan, sesi libat urus di pelbagai pejabat wilayah dan modul e-pembelajaran yang interaktif. Sebanyak 77 sesi latihan telah dijalankan dengan melibatkan 2,588 Warga PLUS sejak tahun 2020.
- **Sesi taklimat ABAC** untuk semua rakan usahasama melalui Hari Perolehan dan Program Insentif Rakan Niaga (BPIP) kami.

Komunikasi Komitmen terhadap Etika dan Integriti

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah untuk memperkukuh tingkah laku beretika dalam kalangan Warga PLUS serta semua pihak yang berurusan dengan kami, kami telah mengeluarkan komunikasi mengenai integriti secara berkala, baik secara dalaman mahupun luaran. Platform komunikasi kami termasuk:

Komunikasi Dalaman

- Emel daripada pihak pengurusan tertinggi.
- Komunikasi HR melalui portal dalaman dan buzz@plus.
- Poster fizikal dan digital.
- Surat berita dan peringatan.
- Modul e-pembelajaran yang interaktif.

Komunikasi Luaran

- Polisi dan garis panduan di laman web korporat kami.
- Peringatan di media sosial.
- Peringatan tentang komitmen ABAC untuk rakan usahasama dan buletin mengenai jangkaan integriti kami.
- Sesi perjumpaan pada Hari Vendor dan Rakan Niaga.
- Sesi panel perkongsian.



Contoh komunikasi dalaman kami mengenai perkara ABAC.



Contoh komunikasi luaran kami mengenai perkara ABAC.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Amalan Perolehan

Kepentingan Amalan Perolehan kepada Kami:

Pelaksanaan amalan perolehan yang adil, cekap, beretika dan telus.

Aspirasi Kami:

Meningkatkan perolehan daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menyokong Kerajaan dalam mencapai sasaran sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada PMKS sebanyak 50%.

Inisiatif dan Sorotan

Kami telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan & Tender Lembaga (BITC) yang disokong oleh Jawatankuasa Perbelanjaan Pengurusan (MEC) dan Jawatankuasa Tender Pengurusan (MTC) untuk menggalakkan dan melaksanakan amalan perolehan yang adil dan cekap.

Fungsi perolehan kami memainkan peranan penting dalam memastikan pembelian bahan dan perkhidmatan yang diperlukan dilakukan secara lestari untuk menjalankan perniagaan dan operasi kami.



RM900+ juta

kontrak telah diberikan kepada lebih 600 vendor yang layak sepanjang 5 tahun yang lalu.

13,000+

Pesanan Pembelian (PO) telah diproses secara purata pada setiap tahun.

2,000+

vendor yang diluluskan dalam ekosistem kami.

99%

perolehan kami berasal daripada vendor tempatan.

Transformasi Perolehan

Pada tahun 2022, kami telah memulakan program transformasi perolehan untuk menambah baik keseluruhan rantai nilai perolehan. Program transformasi ini memberi tumpuan kepada dimensi utama berikut:



Strategi

Mengoptimumkan strategi perolehan kami untuk memenuhi jangkaan perniagaan sambil mematuhi Perjanjian Konsesi dan perjanjian tahap perkhidmatan (SLA).



Kakitangan

Memastikan kemahiran Warga PLUS ditingkatkan dan mereka dilengkapi dengan kemahiran (teknikal dan bukan teknikal) serta kompetensi yang diperlukan.



Proses

Mengekalkan proses yang efisien, tepat waktu dan jitu yang dapat memacu operasi yang cekap.



Tadbir Urus

Menerapkan amalan tadbir urus yang baik dengan tahap kawalan dan pemberian kuasa yang sesuai.

Kami telah mengadakan pelbagai sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dalam ekosistem perolehan kami untuk memahami jangkaan mereka serta menjalankan proses penanda aras untuk mengenal pasti piawaian perolehan dan amalan terbaik untuk dilaksanakan di organisasi kami.

Ini membolehkan kami untuk merancang penyelesaian secara berstruktur yang dapat mempercepatkan dan menambah baik model operasi perolehan kami serta menginstitusikan budaya perolehan yang lebih mantap antara semua pihak berkepentingan kami. Untuk mencapai tujuan ini, aktiviti transformasi kami disokong oleh penggunaan teknologi yang strategik, inisiatif pengurusan perubahan, latihan dan aktiviti kesedaran.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS

Dengan menggunakan teknologi yang sesuai, kami telah mencapai penambahbaikan sebanyak 50% dalam kitaran proses pendaftaran vendor dan dokumentasi kontrak, serta penambahbaikan sebanyak 30% dalam kitaran untuk menukar Permintaan Pembelian (PR) ke Pesanan Pembelian (PO), yang turut menyumbang kepada penjimatan lebih kurang 1 juta jam dari tahun 2020 hingga 2022.



1 juta jam

telah dijimatkan sepanjang 3 tahun setelah pendigitalan proses perolehan digital dijalankan.

Program Pembangunan Vendor (VDP)

Kami sedar akan peranan penting kami dalam mencipta nilai bagi komuniti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia, yang merupakan tulang belakang bagi mengukuhkan ekonomi negara.

Selaras dengan agenda nasional untuk pembangunan PMKS, yang juga berkaitan dengan pemerkasaan Bumiputera, kami telah menubuhkan Program Pembangunan Vendor (VDP) yang berdurasi selama lima (5) tahun dengan tujuan meningkatkan daya saing PMKS Malaysia di peringkat tempatan dan global. Objektif VDP kami adalah seperti berikut:

- Membangunkan dan meningkatkan kemahiran vendor Bumiputera agar menjadi lebih berkeupayaan dan berdaya saing.
- Menyokong aspirasi negara dalam pembangunan PMKS Bumiputera.
- Menyumbang kepada pembangunan perniagaan dan industri tempatan.

Terdapat sebanyak 15 vendor dalam program ini, di mana dua (2) di antaranya baru sahaja menyelesaikan program pada tahun 2021 dan 2022.



15 vendor

telah menyertai Program Pembangunan Vendor kami di mana perkembangan mereka dipantau secara berkala oleh pasukan perolehan kami.

Dengan kejayaan VDP beberapa tahun yang lalu, kami meneruskan program ini untuk memperkasakan lebih banyak PMKS Malaysia agar menjadi berdaya saing di peringkat tempatan dan global. Sebagai cerminan komitmen kami dalam perkara ini, kami telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada tahun 2021, menjadikan kami salah satu daripada 26 syarikat yang diamanahkan secara rasmi untuk mengukuhkan keupayaan vendor tempatan.



Salah satu sesi perundingan VDP.

Dalam usaha memastikan pembangunan yang holistik bagi vendor-vendor yang mengambil bahagian dalam VDP, program ini melibatkan beberapa aktiviti utama termasuk:



Perundingan vendor dan lawatan tapak.



Penilaian vendor mengikut Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan (BEF) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).



Latihan teknikal oleh rakan kongsi teknikal.



Jaringan rangkaian dan sesi padanan perniagaan.



Pameran vendor.



Pertandingan dan anugerah.

Kami menilai prestasi dan perkembangan vendor VDP kami berdasarkan BEF yang meliputi latihan, perundingan dan penilaian prestasi. Melangkah ke hadapan, kami sedang mengkaji pembangunan modul yang dapat meningkatkan kemampuan vendor yang mengambil bahagian dalam program kami, terutamanya dalam bidang kepimpinan, strategi perniagaan, teknologi maklumat (IT), perhubungan pelanggan, pengurusan tenaga kerja, sistem dan proses.

Kisah Kejayaan Vendor

Sebagai bukti kejayaan VDP kami, beberapa vendor kami telah memenangi anugerah yang terkemuka di peringkat kebangsaan. Ini termasuk sebuah syarikat perunding sivil dan struktur yang memenangi tempat kedua dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC) SIRIM pada tahun 2021. Anugerah tersebut memperakui usaha mereka dalam mengenal pasti dan menyelaraskan proses mereka untuk mencapai penjimatan kos, penghapusan pembaziran dan masa pemprosesan yang cekap.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Anugerah yang diterima oleh salah satu vendor yang menyertai Program Pembangunan Vendor (VDP) kami dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC) SIRIM.

Pada tahun 2022, salah satu vendor VDP kami telah menerima geran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan kapasiti dan keupayaan vendor semasa berlangsungnya program Pembangunan Kapasiti Vendor yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Kisah kejayaan ini adalah bukti kepada usaha kami dalam memacu perkembangan berterusan vendor kami.

Hari Perolehan

Pada tahun 2022, kami telah menganjurkan Hari Perolehan buat julung kalinya dengan tujuan untuk memberikan platform bagi vendor berinteraksi mengenai perkara berkaitan dengan perolehan dan seterusnya menyokong perkembangan mereka.

Acara ini disertai oleh vendor dalam ekosistem perolehan kami, institusi kewangan, rakan strategik dan Warga PLUS yang mendapat manfaat daripada peluang hubungan jaringan dan interaksi semasa acara tersebut dijalankan.

Hasil daripada Hari Perolehan sulung kami:

150+

wakil vendor telah dilibatkan dalam pemerkasaan kemahiran berkaitan amalan integriti kami.

45

vendor yang menyertai sesi padanan perniagaan untuk memahami apa yang mereka tawarkan dan bagaimana kami boleh menyumbang kepada perkembangan mereka.

40+

vendor baharu telah berdaftar, justeru memberi kesempatan kepada mereka untuk bekerja dengan kami pada masa hadapan.

Acara tersebut membolehkan kami mengiktiraf vendor-vendor kami yang telah memberikan pelbagai perkhidmatan dan produk yang kritikal bagi kerja-kerja penyelenggaraan, penambahbaikan dan pengelolaan operasi lebuhraya kami. Bagi menyambut kejayaan mereka, kami telah memberikan penghargaan yang setimpal sebagai tanda pengiktirafan pencapaian dan kemajuan yang telah mereka perolehi dalam bidang masing-masing.

Pada masa yang sama, vendor baharu yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dalam operasi lebuhraya telah diberikan kesempatan untuk mendaftar dan diterima masuk dalam ekosistem lebuhraya kami.



Ketua Setiausaha MEDAC sedang menerima penjelasan ringkas daripada salah seorang petugas pameran semasa Hari Perolehan kami.

Perolehan Hijau

Selaras dengan komitmen kami terhadap kelestarian, kami berhasrat untuk melaksanakan pelbagai inisiatif yang dapat mengurangkan impak perniagaan dan operasi kami terhadap alam sekitar. Hal sedemikian termasuk mengambil pakai amalan perolehan hijau yang sejajar dengan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan dan membangunkan Rangka Kerja Perolehan Hijau kami.



Pasukan Perolehan kami di Anugerah Perolehan Kecemerlangan Asia Pasifik, Singapura.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Tindak Balas dan Komunikasi Krisis

Kepentingan Tindak Balas dan Komunikasi Krisis kepada Kami:

Penerapan amalan yang cekap untuk bertindak balas dan pulih daripada situasi kecemasan dan krisis.

Aspirasi Kami:

Mengguna pakai pelan-pelan tindakan dan pemulihan untuk menguruskan insiden dan situasi krisis dengan berkesan bagi memastikan gangguan yang minimum.

Inisiatif dan Sorotan

Keupayaan kami untuk bertindak balas dan pulih daripada krisis dan kecemasan bergantung kepada amalan daya tahan kami yang kukuh dalam tiga bidang berikut:



Pelan, Polisi dan Prosedur

Kami telah menubuhkan pelan, polisi dan prosedur daya tahan yang menyeluruh untuk mentadbir urus perniagaan dan operasi kami semasa krisis. Dokumen-dokumen tadbir urus ini adalah penting untuk menentukan tindak balas dan pemulihan daripada insiden dan kecemasan bagi memastikan kesinambungan operasi kami.



Latihan dan Simulasi

Kami mengamalkan pembelajaran berterusan melalui perbincangan pasca insiden dan perkongsian pengetahuan, justeru memastikan sesi latihan berkala diberikan kepada semua lapisan organisasi daripada pihak Pengurusan Kanan sehingga anggota barisan hadapan kami. Pada tahun 2022 sahaja, sesi latihan telah diberikan kepada 200 Warga PLUS. Kami juga mengadakan latihan simulasi penuh untuk menguji keupayaan dan kemantapan amalan kami.

Sebahagian daripada latihan simulasi yang telah dijalankan adalah seperti berikut:



Latihan Desktop Walkthrough berkenaan situasi andaian kebakaran dan pemindahan di Jambatan Pulau Pinang (JPP), merangkumi pengenalanpastian perkara-perkara yang perlu diperbaiki, pengendalian media, komunikasi dari atas ke bawah dan penjagaan pelanggan.



Simulasi fizikal secara langsung di Plaza Tol Paka, LPT2 berkenaan kemalangan di plaza tol yang melibatkan beberapa mangsa yang terkorban, sebuah lori minyak, beberapa kenderaan awam dan sebuah ambulans yang dalam perjalanan membawa pesakit ke hospital. Skop latihan tersebut meliputi pengaktifan pelan tindak balas lebuhraya dan plaza tol, Pelan Komunikasi Krisis (CCP) organisasi dan latihan sidang media.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Simulasi fizikal secara langsung di Plaza Tol Ipoh Utara, Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) berkenaan kemalangan yang melibatkan sebuah lori minyak, sebuah kenderaan awam dan sebuah ambulans yang mengakibatkan kebakaran dan beberapa orang tercedera. Latihan tersebut meliputi pengaktifan Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP) kami dan latihan sidang media.

Semua aktiviti menyelamatkan dan komunikasi semasa simulasi fizikal secara langsung telah berjaya dilaksanakan melalui kerjasama rapat dengan pelbagai agensi dan pihak berkuasa yang tertera di bawah dan kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka:



Lembaga Lebuhraya
Malaysia (LLM)



Polis
Diraja Malaysia
(PDRM)



Jabatan
Pengangkutan Jalan
Malaysia (JPJ)



Majlis
Keselamatan Negara
(MKN)



Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia
(BOMBA)



Angkatan
Pertahanan Awam
Malaysia (APM)



Jabatan
Alam Sekitar
(JAS)



Institut Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya
Malaysia (MIROS)



Tindak Balas, Pemulihan dan Komunikasi

Prinsip tindak balas dan pemulihan diterapkan di seluruh rantai nilai operasi kami untuk memastikan tindakan yang tepat dan efektif dapat diambil untuk menangani insiden yang memberi kesan kepada pihak berkepentingan kami. Aktiviti tindak balas dan pemulihan kami boleh menangani insiden dengan pelbagai magnitud, antaranya termasuk yang berikut:

- > Kami menghantar pasukan PLUSRonda dan LPT2Ronda kami untuk melakukan rondaan di lebuhraya kami dan memberikan bantuan kepada pelanggan lebuhraya kami jika perlu. Pasukan PLUSRonda dan LPT2Ronda kami sedia berkhidmat 24 jam sehari dan dilatih untuk melakukan kerja-kerja ringan bagi membaiki pulih kenderaan rosak, perkhidmatan menunda, pengurusan trafik dan penyelarasan perkhidmatan kecemasan.
- > Bagi memastikan keselamatan pelanggan lebuhraya kami, Pusat Pemantauan Trafik (TMC) kami menyediakan penyelarasan dan pengurusan maklumat dan tindak balas secara berpusat untuk operasi lebuhraya kami. TMC berfungsi 24 jam sehari untuk memantau trafik dan memberikan sokongan kepada pasukan PLUSRonda dan LPT2Ronda.
- > Selain daripada pasukan TMC kami, kami juga menggalakkan Warga PLUS untuk menyertai inisiatif "Executive On-Call" kami. Hal sedemikian memberikan platform kepada Warga PLUS untuk mendapat pendedahan terhadap pelaporan dan komunikasi insiden trafik kepada pengurusan atasan.



Anggota PLUSRonda kami sedang membantu pelanggan lebuhraya untuk memeriksa dan melakukan pembaikan ringan.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS

Pelan Daya Tahan PLUS				
Objektif	Untuk melindungi kakitangan, aset, sistem dan reputasi PLUS supaya dapat bertindak balas, mengurus dan pulih daripada gangguan dengan tangkas dan berkesan.			
Skop	 Pejabat  Terowong  Tol  Sistem  Keselamatan Siber  Lebuhraya  Jambatan  R&R  Insan  Komunikasi		• Penyelarasan dan pengharmonian pelbagai pelan krisis. • Pengenalpastian pihak berkepentingan utama dan platform komunikasi. • Penentuan peranan dan tanggungjawab khusus, termasuk struktur pemakluman. • Penetapan kriteria pencetus berdasarkan tahap gangguan.	
Pelan Daya Tahan	 Daya Tahan Operasi	 Daya Tahan Teknologi	 Komunikasi & Ekosistem	 Kesinambungan Perniagaan
Butiran	Menginstitutionkan amalan yang baik untuk memastikan tindak balas yang cepat terhadap kecemasan sebelum keadaan merosot.	Infrastruktur teknologi yang kukuh untuk melindungi dan menjaga data serta pemulihan sistem-sistem kritikal.	Menyediakan panduan untuk bertindak balas secara berkesan dan lancar semasa kecemasan.	Mengenal pasti pendedahan dan impak untuk membantu pemulihan fungsi perniagaan.
Prosedur Daya Tahan	Pelan Tindak Balas Kecemasan untuk Aset Utama Pelan Tindak Balas Insiden Siber Pelan Pengurusan Krisis Pelan Tindak Balas Kecemasan untuk Bangunan Pejabat Pelan Pemulihan Bencana Teknologi Maklumat (IT) Pelan Komunikasi Krisis Pelan Kesenambungan Perniagaan			
Hasil	Panduan operasi/ pelan tindakan teliti	Tadbir urus dan kawalan untuk infrastruktur IT	Tindak balas strategik terhadap pihak berkepentingan dalaman dan luaran, termasuk pemulihan dan normalisasi secara berkesan	
Pemangkin Utama	Komunikasi	Menubuhkan saluran komunikasi untuk menyebarkan maklumat dengan cepat dan tepat supaya keputusan boleh diambil secara berkesan dan reputasi PLUS terlindung.		
	Proses dan Teknologi	Menginstitutionkan amalan terbaik dan memudahkan proses melalui teknologi, dengan fokus pada langkah-langkah proaktif untuk mengesan, mengurus dan bertindak balas terhadap gangguan yang mungkin berlaku.		
	Kakitangan	Membekalkan alat, kemahiran dan latihan kepada kakitangan untuk bertindak dan mengawal gangguan secara berkesan.		
Sokongan	Latihan, kesedaran dan simulasi secara berterusan untuk memastikan kesediaan.			

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Pematuhan kepada Undang-Undang dan Peraturan

Kepentingan Pematuhan kepada Undang-Undang dan Peraturan kepada Kami:

Pengurusan aktiviti perniagaan yang mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang relevan.

Aspirasi Kami:

Memperkenalkan proses yang mantap untuk mengenal pasti pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan kawal selia serta memantau pematuhan seluruh aktiviti perniagaan dan operasi.

Liputan Pematuhan kepada Undang-Undang dan Peraturan**Perjanjian Konsesi**

Keperluan yang termaktub di dalam Perjanjian Konsesi termasuk undang-undang relevan yang dinyatakan.

**Undang-Undang dan Peraturan Sedia Ada**

Undang-undang dan peraturan yang mesti dipatuhi dalam operasi harian kami.

**Undang-Undang Baharu**

Keperluan baharu susulan perubahan dalam persekitaran industri dan perniagaan.

**Panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Penguatkuasa Lain**

Mesti dipatuhi dalam operasi harian kami.

Inisiatif dan Sorotan

Kami memupuk budaya pematuhan yang kukuh secara menyeluruh dalam operasi kami dan mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengesanan secara berterusan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Operasi lebuhraya kami ditadbir oleh Perjanjian Konsesi (CA), serta panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Kami memantau pematuhan terhadap CA secara proaktif melalui laporan berkala yang dikemukakan kepada KKR dan LLM.

Di samping itu, kami telah menyediakan mekanisme untuk memantau pematuhan kami terhadap semua akta dan peraturan lain yang berkenaan dan mewujudkan mekanisme bagi memastikan pematuhan terhadap mana-mana undang-undang baharu.

Asas tadbir urus yang baik dalam kawalan dalaman berasal daripada Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Arahan Kerja (WI) yang dihasilkan dengan rapi untuk membantu Warga PLUS dalam menjalankan operasi perniagaan harian mereka. Untuk memastikan kawalan dalaman yang kukuh, kami mengambil langkah-langkah kawalan pencegahan, pengesanan dan pembetulan berikut, di mana ketiga-tiganya saling melengkapi bagi memperkukuh kawalan dalaman kami.

Kawalan pencegahan untuk mengurangkan kesilapan dalam proses dalaman kami.

- Mengetahui proses yang relevan, menyediakan SOP untuk mentadbir urus setiap proses dan menyelaraskannya dengan keperluan ISO yang relevan.
- Melengkapi SOP dengan butiran proses, peranan dan tanggungjawab pemilik proses yang jelas serta carta aliran/ diagram.

Kawalan pengesanan untuk menentukan keberkesanan SOP kami, di mana kami lakukan pemeriksaan pematuhan.

- Penilaian pematuhan, penyemakan semula dalaman serta pemeriksaan dan/ atau audit.
- Penyemakan semula SOP dan WI secara menyeluruh bagi semua fungsi perniagaan untuk memastikan dokumen tersebut dihasilkan dan dirangka bagi menepati keseimbangan dari segi kawalan dalaman yang mencukupi dan kecekapan menjalankan aktiviti perniagaan harian.

Kawalan pembetulan untuk memperbaiki kekurangan yang dikenalpasti semasa penilaian pematuhan dijalankan.

- Menjalankan penyemakan serta pemeriksaan dan/ atau audit dalaman secara berkala untuk bertindak balas terhadap perubahan dalam persekitaran perniagaan.
- Mengetahui kekurangan dan menyemak dengan cermat serta mengambil langkah-langkah untuk membetulkannya.
- Kadar komprehensif prosedur, kelengkapan kawalan dalaman, keberkesanan dan kecekapan proses, konsistensi pengliputan dan pematuhan kepada keperluan ISO9001:2015.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Keselamatan Data

Kepentingan Keselamatan Data kepada Kami:

Pelaksanaan langkah-langkah untuk mengenal pasti, memantau, menjamin dan melindungi data-data kritikal dan sensitif.

Aspirasi Kami:

Menginstitusikan piawaian dan amalan terkemuka untuk memastikan pematuhan kepada piawaian pengurusan data dan menghalang kehilangan data yang kritikal dan sulit.

Inisiatif dan Sorotan

Dengan kemajuan teknologi global sepanjang sedekad yang lalu, kami telah mendigitalkan sistem pencatatan dan penyimpanan maklumat kami secara progresif, menggunakan analisis data raya, serta meningkatkan kebergantungan kami pada platform komunikasi dalam talian untuk memacu kecekapan, menambah baik pengurusan perniagaan dan mengukuhkan usaha kolaboratif dengan pihak berkepentingan kami. Memandangkan kepentingan dan juga sifat sensitif data kami, kami telah meningkatkan fokus dan memperuntukkan sumber untuk memperkuatkan keselamatan data dan ekosistem maklumat kami.

Ekosistem pengurusan data kami telah diteguhkan dengan strategi keselamatan yang mantap dan terdiri daripada dua tahap pendekatan berikut:



Sistem dan Perkakasan

Memastikan mekanisme yang mencukupi dan komprehensif untuk memantau, menapis dan menghalang aktiviti yang memudaratkan supaya dapat mencegah kebocoran data. Bagi memperkuatkan keselamatan, kami telah memastikan yang kami mempunyai keupayaan keselamatan siber tertentu untuk memantau dan mengesan ancaman keselamatan siber dengan menggunakan pembelajaran mesin dan Kecerdasan Buatan (AI).



Imbas kod QR ini untuk membaca Panduan Keselamatan Maklumat (Pihak Ketiga) kami.



Kakitangan dan Proses

Kami mengakui bahawa asas yang kukuh diperlukan untuk menyelaraskan ekosistem pengurusan data secara holistik, justeru kami telah memperuntukkan sumber untuk memupuk budaya keselamatan maklumat dalam kalangan Warga PLUS dan dalam operasi perniagaan kami. Oleh hal yang demikian, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk mewujudkan pelbagai proses dalaman bagi membolehkan Warga PLUS menyedari akan kepentingan keselamatan data semasa menjalankan operasi harian, memberikan latihan untuk meningkatkan kesedaran dan menyediakan Polisi dan Panduan Keselamatan Maklumat (ISPG) yang komprehensif untuk Warga PLUS dan pihak ketiga.

Sebagai bukti kekuatan ekosistem pengurusan data, kami berbangga dengan pencapaian sifar insiden pelanggaran data yang merupakan pencapaian luar biasa dalam mengekalkan ekosistem digital yang selamat dan terjamin.

Polisi dan Panduan Keselamatan Maklumat (ISPG) Kami

Sebagai usaha kami untuk memupuk budaya keselamatan maklumat dalam kalangan Warga PLUS dan pihak berkepentingan luaran, kami melancarkan ISPG untuk membantu Warga PLUS dan pihak ketiga dalam mengambil langkah pencegahan bagi sentiasa memastikan keselamatan maklumat.




Petikan daripada ISPG kami tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan berkaitan dengan keselamatan maklumat.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS

Ekosistem Pengurusan Data Kami

Kami komited untuk memastikan pengurusan data yang kukuh bagi mengurangkan risiko pelanggaran data. Rangka Kerja Tadbir Urus Data kami yang komprehensif menetapkan garis panduan dan peraturan dalam mengendalikan data bagi keseluruhan organisasi. Ekosistem pengurusan data kami menggariskan objektif kami dan memberi pandangan menyeluruh ke atas perkara yang perlu kami lindungi dan tadbir.



KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS

Polisi dan Panduan Keselamatan Maklumat (ISPG) memberi tumpuan kepada lima (5) bidang utama keselamatan maklumat seperti berikut:

1 Organisasi Keselamatan Maklumat

Menjelaskan peranan dan tanggungjawab Pemilik Data, Pemilik Sistem dan Pengguna Data untuk memastikan keselamatan maklumat.

2 Pengklasifikasian Maklumat

Menjelaskan kategori klasifikasi maklumat dan menggariskan bagaimana Warga PLUS perlu mengklasifikasikan maklumat.

Sangat Sulit	Terhad
Dalam	Awam

3 Pelabelan dan Pengendalian Maklumat

Menjelaskan pelabelan, pencetakan, penyimpanan, pemfailan, sandaran, pengekalan dan pelupusan maklumat.

4 Kawalan Akses

Menjelaskan bagaimana pihak berkepentingan boleh mengakses maklumat yang disimpan di lokasi berikut secara selamat:



5 Perkongsian Maklumat

Menjelaskan langkah-langkah keselamatan yang harus diambil ketika berkongsi maklumat dengan pihak dalaman dan luaran, serta penggunaan aplikasi mesej dan media sosial. Selain itu, ia menggariskan bidang perkongsian maklumat dan panduan yang harus diteliti. Untuk memastikan pemahaman pihak berkepentingan, ISPG menyediakan contoh-contoh dan senario khusus untuk dipertimbangkan:

Bidang Perkongsian Maklumat

Perkongsian maklumat secara dalaman dan luaran melalui pelbagai platform:

- > Dalam organisasi
- > Komunikasi Awam
- > Pengawal Selia dan Badan Kerajaan
- > Permintaan pihak luar

Contoh-contoh dan panduan khusus untuk perkongsian maklumat melalui aplikasi mesej dan media sosial:



Aplikasi Mesej



Media Sosial PLUS



Media Sosial Peribadi



Warga PLUS sedang menghadiri latihan bagi menerapkan amalan baik keselamatan maklumat.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS

Pemangkin Polisi dan Panduan Keselamatan Maklumat (ISPG)

Kami telah melaksanakan tiga (3) pendekatan untuk memastikan inisiatif keselamatan maklumat kami berjalan dengan lancar:

Membolehkan

Menyokong pelaksanaan.

- Dalam usaha untuk menunjukkan komitmen kami melalui pendekatan atas ke bawah, kami telah menubuhkan Majlis Tadbir Urus Data yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Teknologi kami. Majlis ini kerap bersidang untuk membincangkan isu-isu penting termasuk pelaksanaan inisiatif tadbir urus data, penyelesaian dan pelaksanaan penambahbaikan teknologi di seluruh organisasi.

Memupuk

Menetapkan nada dan budaya yang betul dalam pelaksanaan keselamatan maklumat.

- Pendekatan bawah ke atas kami termasuk pemupukan budaya keselamatan maklumat dalam kalangan Warga PLUS melalui pelaksanaan modul e-pembelajaran wajib dan latihan dalaman yang kerap.
- Untuk memperkukuh mesej dan pendirian kami mengenai keselamatan maklumat, kami menerbitkan poster komunikasi secara konsisten untuk dijadikan panduan.

Menguatkuasakan

Memastikan pematuhan.

- Untuk memastikan perubahan yang berkekalan, kami menguatkuasakan pematuhan dengan mewajibkan e-pembelajaran dan mengenakan tindakan disiplin terhadap ketidakpatuhan.



Poster komunikasi dalaman berkaitan perkara keselamatan maklumat.

Perlindungan Data dan Privasi Pelanggan

Kami memberikan keutamaan tertinggi kepada keselamatan dan perlindungan data pelanggan kami dan telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan penyimpanan data pelanggan kami terjamin.

Kami komited untuk menjaga kerahsiaan, keselamatan dan integriti data peribadi pihak berkepentingan yang relevan. Oleh hal yang demikian, kami telah menyediakan Polisi dan Notis Privasi kami mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang bertujuan untuk menyatakan cara pengendalian dan pemprosesan Data Peribadi pihak berkepentingan kami serta kebolehan pihak berkepentingan untuk mengakses, memperbetulkan atau menghadkan akses kami kepada data peribadi mereka. Notis Privasi kami yang terdapat di laman web korporat kami meliputi pihak-pihak berikut:



Pelanggan
dan individu
lain



Rakan
Niaga



Vendor



Pemohon Kerja
dan Kakitangan



Imbas kod QR ini untuk melihat Polisi dan Notis Privasi kami.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Pengurusan Risiko

Kepentingan Pengurusan Risiko Kepada Kami:

Memupuk amalan mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko yang boleh memberi impak kepada perniagaan dan operasi.

Aspirasi Kami:


Mengenal pasti, menilai dan mengurangkan ancaman yang boleh memberi impak negatif kepada perniagaan secara berkesan, dengan menerapkan amalan pengurusan risiko yang efektif merangkumi keseluruhan perniagaan dan operasi.

Inisiatif dan Sorotan

Pengurusan risiko adalah penting bukan sahaja untuk mengurangkan ancaman, malah untuk memaklumkan kami mengenai tahap risiko yang boleh diterima dan peluang yang boleh dimanfaatkan dalam pengendalian perniagaan kami.

1 Mengenal Pasti

Kami mengenal pasti risiko secara menyeluruh melalui analisis persekitaran dalaman dan luaran seperti berikut:



Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM)

Kami dibimbing oleh Rangka Kerja ERM yang menggariskan pendekatan kami terhadap pengurusan risiko di seluruh peringkat organisasi kami. Rangka kerja tersebut menggariskan strategi, peranan, tanggungjawab serta garis panduan terperinci mengenai proses pengurusan risiko kami. Rangka Kerja ERM kami diselaraskan dengan garis panduan tempatan dan piawaian yang diiktiraf secara global termasuk:

- > ISO 31000:2018 Garis Panduan Pengurusan Risiko.
- > COSO 2017 Pengurusan Risiko Organisasi – Rangka Kerja Bersepadu.
- > Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021, Prinsip B – Audit Efektif dan Pengurusan Risiko.
- > Garis Panduan Bursa Malaysia: Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC).

Proses pengurusan risiko kami terdiri daripada lima (5) langkah seperti berikut:

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS

2 Menilai

Kami menilai risiko berdasarkan kebarangkalian dan impak serta memadankannya terhadap peta risiko kami menurut kategori-kategori berikut:



3 Bertindak Balas

Kami menggunakan pilihan tindak balas risiko yang berstruktur bagi membolehkan proses membuat keputusan dilakukan dengan tepat.

4 Memantau

Kami memantau secara berterusan penarafan risiko, kawalan, status pelan tindakan dan menyusun semula keutamaan risiko berdasarkan tahap kritikal.

5 Melapor

Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah kami sentiasa dimaklumkan mengenai hal ehwal pengurusan risiko melalui pelaporan yang kerap kepada Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian Pengurusan dan Lembaga.

Budaya Risiko Kami

Kejayaan dalam menginstitusikan pengurusan risiko di seluruh organisasi dipacu oleh budaya risiko yang kukuh. Kami berhasrat untuk mengukuhkan budaya risiko kami melalui amalan berikut:

Perspektif	Amalan
Komitment dari pengurusan tertinggi	Gaya kepimpinan dan komitmen yang jelas serta konsisten dari pihak atasan dalam mengamalkan budaya risiko.
Proses membuat keputusan	Pemikiran berasaskan risiko diguna pakai dalam proses membuat keputusan strategik dan operasi.
Kolaborasi	Kerjasama erat dalam kalangan fungsi perniagaan, di mana pasukan Risiko dan Daya Tahan Organisasi (ERR) berperanan sebagai penasihat dan memudahkan perkongsian pengetahuan.
Komunikasi dan kesedaran	Penyaluran maklumat risiko yang telus dan tepat di seluruh organisasi menerusi interaksi aktif yang menjangkau dan meliputi seluruh Warga PLUS.

Selain itu, kami menganjurkan pelbagai sesi latihan penyegaran risiko bersama Warga PLUS. Sesi-sesi ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran pengamal dan memastikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap amalan terbaik pengurusan risiko.

Advokasi Risiko

Kami memberikan penekanan terhadap amalan pengurusan risiko yang baik secara aktif dan menunjukkan kepimpinan risiko kami melalui aktiviti pembangunan industri dan negara yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.



Ketua Pegawai Tadbir Urus dan Risiko kami mengambil bahagian dalam Forum ESG Evolve 2022 sebagai seorang panelis.

Pengurusan Risiko dalam Pejabat Pengurusan Program

Pejabat Pengurusan Program (PMO) ditubuhkan untuk memainkan peranan dalam melaksanakan amalan pengurusan projek dan inisiatif yang berpiawaian di seluruh organisasi. Pengurusan risiko diterapkan dalam fungsi PMO untuk mengurus risiko luaran dan projek. PMO menganalisis dan menyampaikan maklumat penting kepada pihak pengurusan melalui papan pemuka untuk memastikan keputusan dilaksanakan berdasarkan maklumat yang sahih dan boleh dipercayai. Berikut adalah langkah-langkah yang diambil dalam menubuhkan dan melaksanakan PMO:



KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS



Kepimpinan Kewangan

Kepentingan Kepimpinan Kewangan Kepada Kami:

Perancangan dan pengurusan hal ehwal kewangan untuk memastikan pelaburan dapat menyokong perniagaan dan operasi kami dengan jayanya.

Aspirasi kami:

Melindungi kepentingan kewangan organisasi melalui penyusunan keutamaan pelaburan dan operasi kritikal untuk menyampaikan nilai.

Inisiatif dan Sorotan

Sebagai penerbit sukuk terbesar di Malaysia, kami memastikan bahawa sumber kewangan kami diuruskan secara bertanggungjawab untuk mewujudkan nilai bagi para pelabur kami. Kami mengadakan libat urus secara konsisten bersama para pemegang sukuk untuk memastikan penyelarasan kami kepada prinsip kewangan yang lestari. Kami merangka strategi kami dengan teliti untuk memenuhi jangkaan para pemegang sukuk dan pemegang saham kami serta berusaha untuk memastikan inisiatif-inisiatif kami terus memberikan pulangan yang lestari kepada mereka.

Pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan kecekapan dan pengoptimuman kos. Inisiatif organisasi kami memberi fokus kepada pembangunan penyelesaian inovatif untuk menginstitusikan kecekapan dan keberkesanan kakitangan, proses dan teknologi kami. Inisiatif-inisiatif ini diselaraskan dan diberi keutamaan berdasarkan potensi impak mereka dan dipantau rapi untuk mengurus risiko, cabaran dan sebarang kemungkinan penyimpangan dari objektif sebenar. Tahun demi tahun, kami telah berjaya mengurangkan kos struktur kami bagi memastikan kelestarian jangka masa sederhana dan panjang.

Dalam usaha untuk memastikan kawalan dalaman yang komprehensif, kami telah memperkembangkan proses-proses kewangan untuk memastikan pematuhan kepada pelbagai piawaian ISO. Ini membuktikan sistem tadbir urus kewangan yang diamalkan adalah mantap.

Kami terus berusaha ke arah memperkukuh keupayaan untuk beroperasi dengan cekap dan mengurangkan kos dalam usaha memaksimumkan pengagihan nilai kepada pihak berkepentingan kami.



Pemandangan matahari terbit di Jambatan Pulau Pinang.

KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI

Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Sungai Perak.



“

Pengurusan lebuhraya PLUS secara keseluruhannya adalah berlandaskan piawaian industri yang progresif dan pendekatan inovatif. Ini termasuklah kerjasama yang dijalankan bersama KKR dalam mengurangkan kesesakan trafik di lebuhraya, menambah baik aspek keselamatan serta meningkatkan mutu perkhidmatan di kemudahan yang disediakan.

Usaha ini sudah pastinya memberikan impak yang positif kepada pengguna-pengguna lebuhraya seterusnya memacu kecemerlangan industri lebuhraya.

Ini merupakan cerminan budaya korporat progresif yang membolehkan PLUS menjadi peneraju dalam industri lebuhraya, terutamanya dari aspek pembangunan kelestarian.

”

YBhg. Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah

*Timbalan Ketua Setiausaha
(Dasar dan Pembangunan),
Kementerian Kerja Raya*



“

PLUS is a proud Malaysian example of an industry leader that has spearheaded ESG initiatives aligned with national aspirations and global goals. Their efforts in driving positive change has been recognised locally and internationally as they continue to contribute towards building a more sustainable nation.

”

Ts. Dr. Siti Zaharah Ishak

*Deputy Director,
Industrial Networking
& Commercialisation,
Universiti Teknologi MARA
(UiTM)*



KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI

09 Disember 2022



Anugerah Prestasi Kelestarian 2022

Penganjur/ Badan Anugerah

Pakatan Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia & Brunei (UNGCMYB)

Anugerah/ Pencapaian

- > Anugerah Penanda Aras Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG) untuk Anugerah Sifar Insiden Rasuah
- > Tindakan Perintis Pembangunan Lestari

Huraian

- Anugerah ini adalah untuk mengiktiraf usaha berterusan penandatanganan UNGC dalam menyepadukan UN SDG dalam perniagaan dan operasi mereka.
- Kami menerima anugerah sifar insiden rasuah justeru memperlihatkan pendirian tegas kami terhadap etika dan integriti, berpandukan Rangka Kerja Integriti yang menerapkan konsep T.R.U.S.T dalam program Antirasuah dan Korupsi (ABAC) kami yang komprehensif.
- Selain itu, PLUS diiktiraf sebagai perintis dalam industri lebuhraya melalui pelaksanaan Penilaian Risiko Hak Asasi Manusia (HRRM). HRRM membolehkan kami mengenal pasti pelan-pelan tindakan untuk memperkukuhkan hak asasi manusia dan amalan kerja, termasuklah pembangunan Polisi Hak Asasi Manusia yang khusus.

08 Disember 2022



Anugerah Risiko ASEAN 2022

Penganjur/ Badan Anugerah

Akademi Pengurusan Risiko Organisasi (ERMA)

Anugerah/ Pencapaian

- > Peneraju Risiko ASEAN
- > Profesional Risiko ASEAN Tahun Berkenaan

Huraian

- ERMA adalah badan eksklusif yang mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada organisasi Asia Tenggara yang memperlihatkan amalan pengurusan risiko yang cemerlang.
- Kami dianugerahkan sebagai Peneraju Risiko ASEAN atas kejayaan kami menginstitutionkan pengurusan risiko dan menerapkannya dalam proses membuat keputusan strategik di seluruh organisasi kami.
- Di samping itu, Ketua Pegawai Tadbir Urus dan Risiko kami telah dinobatkan Pegawai Profesional Risiko ASEAN. Beliau telah menunjukkan aplikasi prinsip-prinsip pengurusan risiko dengan jayanya bagi menyelesaikan cabaran organisasi yang kompleks, serta dipuji atas komitmen beliau dalam menggalakkan amalan pengurusan risiko terbaik di kawasan serantau.

KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI

03 Disember 2022



Anugerah Jenama GRADUAN 2022

Penganjur/ Badan Anugerah

Graduan Sdn Bhd

Anugerah/ Pencapaian

- Majikan Paling Diidamkan di Malaysia (Sektor Pembinaan dan Hartanah)

Huraian

- Anugerah Jenama GRADUAN merupakan anugerah pengambilan kerja para graduan yang paling berprestij di Malaysia, dengan penyertaan lebih 150,000 graduan Malaysia dalam proses pengundian sepanjang satu dekad yang lalu.
- Kami diiktiraf sebagai Majikan Paling Diidamkan di Malaysia bagi Sektor Pembinaan dan Hartanah yang merupakan pengiktirafan terhadap usaha berterusan kami dalam menyediakan persekitaran kerja yang kondusif untuk perkembangan kerjaya para graduan. Usaha ini diperkukuh dengan komitmen dari pihak atasan supaya menggalakkan persekitaran inklusif.

01 Disember 2022



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC)

Penganjur/ Badan Anugerah

QKM Consults

Anugerah/ Pencapaian

- Kategori Perkhidmatan (Johan dan Naib Johan)
- Dua (2) Anugerah 3 Bintang

Huraian

- Konvensyen ini bertujuan untuk menggalakkan inovasi dan penjanaaan idea baru dengan memaparkan kejayaan formulasi dan pelaksanaan penyelesaian dalam mengatasi cabaran perniagaan dan operasi.
- Kami telah dianugerahkan sebagai pemenang Kategori Perkhidmatan atas pembangunan sebuah aplikasi untuk merancang dan memantau aktiviti-aktiviti berkaitan tanah di sepanjang lebuhraya kami yang berjaya mengurangkan masa memproses pengesahan secara ketara.
- Kami juga memenangi anugerah Naib Johan dalam Kategori Perkhidmatan atas pembangunan Sistem Pengurusan Pintar PLUSRonda (PRIME) kami yang berjaya mendigitalkan proses manual pasukan PLUSRonda kami dalam aktiviti melapor, merekod dan mendapatkan data.

KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI

18 November 2022



Konvensyen Kumpulan Kawalan Kualiti Antarabangsa (ICQCC) 2022

Penganjur/ Badan Anugerah

Persatuan Pengurusan Kualiti Indonesia

Anugerah/ Pencapaian

- > Satu (1) Anugerah Emas Perdana
- > Dua (2) Anugerah Emas

Huraian

- ICQCC merupakan platform bagi organisasi dari pelbagai negara untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan meneroka teknik yang boleh meningkatkan kualiti produk, produktiviti dan kepuasan pelanggan.
- Pasukan kami telah memenangi Anugerah Emas Perdana atas penggunaan peranti penghasilan tenaga yang memanfaatkan dinamo untuk menjana dan menyimpan tenaga elektrik daripada aliran trafik dan menyalurkannya semula kepada grid.
- Di samping itu, pasukan kami juga telah memenangi dua (2) anugerah Emas atas pembangunan aplikasi PLUS 5S Pro yang menyepadukan aktiviti audit, pemeriksaan, latihan dan papan pemuka prestasi dalam satu platform, serta melaksanakan e-Permit Perniagaan Sementara bagi meningkatkan kecekapan proses permohonan dan kelulusan.

28 Oktober 2022



Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat – Peringkat Kebangsaan

Penganjur/ Badan Anugerah

Kementerian Kesihatan (Kualiti dan Keselamatan Makanan) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Anugerah/ Pencapaian

- > Johan Peringkat Kebangsaan: R&R Machap (Arah Selatan)
- > Tempat Ketiga Peringkat Kebangsaan: R&R Paka (Arah Utara)
- > Tempat Keempat Peringkat Kebangsaan: Hentian Sebelah Nilai (Arah Selatan)

Huraian

- Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan menganjurkan pertandingan tahunan untuk menggalakkan dan meningkatkan tahap kebersihan medan selera di Malaysia. Pengiktirafan akan diberikan kepada medan selera yang mempunyai tahap keselamatan dan kebersihan tertinggi dalam suatu majlis penyampaian hadiah.
- R&R di sepanjang lebuh raya kami telah diberikan anugerah peringkat kebangsaan dan negeri atas kejayaan mengekalkan piawaian kebersihan dan keselamatan yang cemerlang demi keselesaan pelanggan lebuh raya kami.

KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI

17 Oktober 2022



Persidangan Antarabangsa MARIM 2022

Penganjur/ Badan Anugerah

Persatuan Pengurusan Risiko dan Insurans Malaysia (MARIM)

Anugerah/ Pencapaian

- > Kecemerlangan dalam Daya Tahan Semasa Pandemik COVID-19

Huraian

- MARIM adalah badan pengurusan risiko dan insurans yang paling aktif di Malaysia. MARIM memacu dan memupuk amalan pengurusan risiko dan insurans melalui seminar pendidikan, syarahan dan persidangan.
- Kami telah memenangi anugerah kecemerlangan dengan memperlihatkan daya tahan dalam bertindak balas dan usaha pemulihan daripada pandemik COVID-19. Kami memainkan peranan penting semasa pandemik tersebut dalam memastikan pengangkutan barangan dan perkhidmatan dapat dijalankan dengan selamat bagi memudahkan aktiviti ekonomi.

13 Oktober 2022



Majlis Pengiktirafan Kecemerlangan Produktiviti 2022

Penganjur/ Badan Anugerah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Anugerah/ Pencapaian

- > Anugerah Syarikat *Frontier* dalam Kecemerlangan Produktiviti
- > 216 Peneraju Produktiviti

Huraian

- Setiap tahun, MPC mengiktiraf organisasi dan individu yang memperlihatkan dan menerajui produktiviti di tempat kerja demi memacu pembangunan tenaga kerja masa hadapan, tahap akauntabiliti yang lebih tinggi terhadap produktiviti, pendigitalan dan inovasi, membentuk ekosistem yang teguh dan memupuk pemikiran produktif.
- Kami menerima Anugerah Syarikat *Frontier* dalam Kecemerlangan Produktiviti atas komitmen kami dalam membangunkan tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan serta menerajui 236 inisiatif peningkatan produktiviti.
- Selain itu, 216 orang Warga PLUS telah diiktiraf sebagai Peneraju Produktiviti.

KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI

13 Januari 2022



Anugerah Jenama Putra

Penganjur/ Badan Anugerah

Persatuan Agensi Pengiklanan Bertauliah Malaysia (4As)

Anugerah/ Pencapaian

- Anugerah Perak Jenama Putra – Anugerah Pilihan Orang Ramai bawah Kategori “Pengangkutan & Pelancongan”

Huraian

- Anugerah Jenama Putra mengiktiraf jenama-jenama yang menghubungkan para pengguna melalui prestasi, konsistensi dan penekanan terhadap Idea Bernilai Tinggi yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah jenama.
- Kemenangan Anugerah Pilihan Orang Ramai dalam Kategori Pengangkutan & Pelancongan (di mana 8,000 orang rakyat Malaysia telah mengundi kami) memperlihatkan impak positif yang telah kami berikan melalui program penyelenggaraan lebuh raya kami yang dijalankan tepat pada waktunya dan secara komprehensif demi menjamin keselamatan pengguna lebuh raya.

02 Disember 2021



Majlis Anugerah Industri Lebuh Raya 2021

Penganjur/ Badan Anugerah

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Anugerah/ Pencapaian

- Anugerah Komunikasi Jenama Lebuhraya Terbaik
- Anugerah Pengurusan Maklumat Terbaik

Huraian

- Majlis Anugerah Industri Lebuh Raya ialah acara sulung anjuran LLM yang memberi pengiktirafan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuh raya dan pihak berkepentingan yang relevan atas sumbangan mereka dalam pembangunan dan penyelenggaraan lebuh raya Malaysia sejak 41 tahun yang lalu.
- Kami telah memenangi Anugerah Komunikasi Jenama Lebuhraya Terbaik atas usaha gigih kami dalam melaksanakan komunikasi awam secara berkesan dan tepat pada waktunya mengenai maklumat berkaitan lebuh raya seperti pengumuman maklumat trafik dan kadar tol semasa secara langsung.
- Di samping itu, kami juga memenangi Anugerah Pengurusan Maklumat Terbaik atas kecemerlangan kami dalam pengurusan maklumat pelanggan dan pihak berkepentingan.

KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI

27 November 2021



Konvensyen Kumpulan Kawalan Kualiti Antarabangsa (ICQCC), Hyderabad, India

Penganjur/ Badan Anugerah

Forum Kumpulan Kualiti India (QCFI)

Anugerah/ Pencapaian

- Tiga (3) Anugerah *Par Excellence*

Huraian

- ICQCC merupakan platform antarabangsa untuk organisasi dari pelbagai negara berkongsi ilmu pengetahuan, menimba pengalaman dan meneroka teknik bagi meningkatkan kualiti produk, produktiviti dan kepuasan pelanggan.
- Kami diiktiraf atas penyelesaian kreatif kami dalam melaksanakan Sistem Pengesanan Kenderaan Lebih Saiz (OSVD) untuk mengelakkan kemasukan kenderaan berlebihan saiz ke Terowong Menora dan mengurangkan risiko kerosakan peralatan.
- Kami juga diiktiraf atas penggunaan Analitik Video (VA) dalam mengukur dan meningkatkan aliran trafik di plaza tol semasa waktu puncak.

15 November 2021



Konvensyen Tahunan Produktiviti dan Inovasi (ArlSe)

Penganjur/ Badan Anugerah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Anugerah/ Pencapaian

- Anugerah Video Kreatif & Popular - Johan
- Anugerah Kelestarian - Johan
- Anugerah Industri 4.0 - Johan
- Kategori QE/SS - Naib Johan dan kedudukan 6 teratas
- Lima (5) Anugerah 5 Bintang
- Dua (2) Anugerah 4 Bintang
- Anugerah Penjimatan Kos Tertinggi
- Anugerah Fasilitator Terbaik

Huraian

- Konvensyen kebangsaan ini menyediakan platform untuk organisasi menunjukkan kejayaan formulasi dan pelaksanaan penyelesaian mereka dalam mengatasi cabaran perniagaan dan operasi.
- Kemenangan hebat kami memperlihatkan kecanggihan dan kreativiti kami dalam membangunkan penyelesaian yang praktikal.
- Kami telah diiktiraf atas pembangunan sistem Timbang Dalam Gerakan (WIM) bagi kenderaan berat yang merupakan sebuah Sistem Modul Bersepadu untuk operasi komersial kami. Selain itu, kami juga diiktiraf atas sistem pemagaran kami yang kukuh bagi menghalang kemasukan haiwan liar ke lebuh raya kami.

KISAH PERJALANAN PENGIKTIRAFAN KAMI

11 September 2021



Anugerah Tenaga ASEAN 2021

Penganjur/ Badan Anugerah

Pusat Tenaga ASEAN

Anugerah/ Pencapaian

- Bangunan Persada PLUS - Naib Johan bagi Anugerah Bangunan Cekap Tenaga (Kategori Bangunan Yang Diubahsuai)

Huraian

- Anugerah Tenaga ASEAN merupakan anugerah berprestij untuk menggalakkan pembabitan dan minat yang lebih tinggi dalam pembangunan tenaga di rantau ASEAN serta menyediakan mekanisme kepada organisasi untuk terus meneroka idea baru, menanda aras dan mengiktiraf inisiatif dan amalan terbaik dalam pembangunan tenaga.
- Dengan mengekalkan kedudukan Naib Johan dalam Kategori Bangunan yang Diubahsuai untuk dua (2) tahun berturut-turut, kami berjaya menunjukkan bahawa kami adalah peneraju industri. Anugerah ini membuktikan usaha berterusan kami dalam menggunakan dan memanfaatkan teknologi hijau di Persada PLUS.

05 April 2021



Anugerah Tenaga Kebangsaan 2021

Penganjur/ Badan Anugerah

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

Anugerah/ Pencapaian

- Bangunan Persada PLUS - Naib Johan bagi Anugerah Bangunan Cekap Tenaga (Kategori Bangunan Yang Diubahsuai)

Huraian

- Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) dianjurkan setiap tahun oleh NRECC untuk mengiktiraf organisasi di Malaysia yang menerajui bidang amalan kelestarian melalui penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan penyelesaian cekap tenaga. Kriteria penilaian termasuk impak kepada alam sekitar, kebolehulangan dan keaslian.
- Kami telah memenangi anugerah ini atas usaha kami dalam mengurangkan penggunaan tenaga melalui pengurusan tenaga yang cekap di Persada PLUS, termasuk pemasangan Sistem Fotovoltai (PV) Solar untuk mengurangkan pelepasan karbon secara signifikan. Pencapaian ini juga melayakkan kami untuk mewakili Malaysia dalam Anugerah Tenaga ASEAN 2021.

CADANGAN-CADANGAN JAWATANKUASA PENZAHIRAN KEWANGAN BERKAITAN IKLIM (TCFD)

Cadangan-cadangan Jawatankuasa Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD)

Cadangan-cadangan TCFD membentuk sebuah rangka kerja yang membimbing organisasi dalam penzahiran tindakan mereka terhadap mengurangkan risiko perubahan iklim. Ia menggalakkan organisasi melaporkan komitmen kelestarian mereka secara telus, seterusnya menyemai keyakinan dalam kalangan pihak berkepentingan mereka.

Perkembangan kami dalam melaksanakan cadangan-cadangan TCFD yang merangkumi empat (4) teras (tadbir urus, strategi, pengurusan risiko serta metrik dan sasaran) adalah seperti berikut:

Tadbir Urus	
Penzahiran tadbir urus organisasi berkenaan dengan kewujudan risiko dan peluang berkaitan perubahan iklim.	- Mesyuarat suku tahunan diadakan dengan Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian Lembaga (BGRSC) serta Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Kelestarian Pengurusan (MGRSC) untuk mendapatkan hala tuju berhubung semua perkara berkaitan tadbir urus, risiko, kelestarian dan pematuhan. - BGRSC dan MGRSC mengawasi dan memantau prestasi kelestarian kami melalui laporan mengenai perkara-perkara ESG dan risiko serta mitigasi berkaitan perubahan iklim dalam Laporan Risiko Korporat kami.
Strategi	
Penzahiran kewujudan impak sebenar dan potensi bagi risiko serta peluang berkaitan perubahan iklim terhadap perniagaan, strategi dan perancangan kewangan organisasi, di mana terdapat keutamaan terhadap maklumat tersebut.	- Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0 menggariskan strategi mitigasi dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan untuk tempoh masa yang berbeza (iaitu jangka masa pendek, sederhana dan panjang) dalam menangani pelbagai perkara kelestarian termasuk kewujudan risiko dan peluang yang berkaitan dengan perubahan iklim. - Penilaian keutamaan yang dijalankan pada tahun 2022 membantu kami mengenal pasti dan menyusun keutamaan perkara-perkara kelestarian utama yang diterapkan dalam strategi dan operasi kami.
Pengurusan Risiko	
Penzahiran bagaimana organisasi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko berkaitan perubahan iklim.	- Kami dibimbing oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) kami yang menggariskan pendekatan pengurusan risiko di semua peringkat organisasi kami. Ini merangkumi pengenalan, penilaian dan pemantauan pelbagai kategori risiko berkaitan perubahan iklim. - Risiko berkaitan perubahan iklim dikenal pasti, dinilai dan diuruskan oleh Senarai Daftar Risiko Fungsi Perniagaan (BFRR). Risiko utama yang direkodkan dalam BFRR akan diketengahkan dalam Laporan Risiko Korporat dan seterusnya dipantau melalui pelaporan berkala kepada MGRSC dan BGRSC.
Metrik dan Sasaran	
Penzahiran metrik dan sasaran yang digunakan untuk menilai dan mengurus risiko dan peluang berkaitan perubahan iklim, di mana terdapat keutamaan terhadap maklumat tersebut.	- Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0 memberi fokus untuk memacu kami ke arah menjadi organisasi sifar bersih. Ia meliputi kajian garis dasar gas rumah hijau (GHG) kedua yang meliputi sumber-sumber pelepasan gas Skop 1 dan Skop 2, pembangunan perjalanan sifar bersih 2050 kami dan strategi mitigasi GHG untuk mencapai sasaran pengurangan pelepasan gas kami. - Selain daripada metrik berkaitan GHG, kewujudan peluang melalui inisiatif pengurusan tenaga diukur menerusi purata penjimatan tenaga dan penjimatan penghindaran karbon. Pengukuran ini merangkumi angka-angka lepas dari tahun garis dasar untuk tujuan pemantauan dan analisis trend.

INDEKS KANDUNGAN GRI

Inisiatif Pelaporan Global (GRI)

Inisiatif Pelaporan Global (GRI) menyediakan set lengkap garis panduan penzahiran dan prinsip pelaporan untuk organisasi melaporkan prestasi kelestarian mereka, seterusnya meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan organisasi tersebut.

Kami komited untuk berpegang teguh kepada piawaian ini dan pematuhan kami terhadap garis panduan penzahiran dan inisiatif pelaporan adalah seperti berikut:

Piawaian GRI	Penzahiran	Nombor Muka Surat
GRI 2: General Disclosures 2021		
Disclosure 2-1	Organisational details	12-13, 15
Disclosure 2-2	Entities included in the organisation's sustainability reporting	13
Disclosure 2-3	Reporting period, frequency and contact point	3
Disclosure 2-6	Activities, value chain and other business relationships	12-17
Disclosure 2-7	Employee	112
Disclosure 2-9	Governance structure and composition	18
Disclosure 2-11	Chair of the highest governance body	19
Disclosure 2-12	Role of the highest governance body in overseeing the management of impacts	18, 40
Disclosure 2-22	Statement on sustainable development strategy	4-9, 34
Disclosure 2-23	Policy commitments	34-43, 117-118, 134
Disclosure 2-24	Embedding policy commitments	34-43, 115-118, 133-137, 145-148
Disclosure 2-25	Processes to remediate negative impacts	134
Disclosure 2-26	Mechanisms for seeking advice and raising concerns	134
Disclosure 2-28	Membership associations	36-37, 57-58, 91
Disclosure 2-29	Approach to stakeholder engagement	40, 42-43
Disclosure 2-30	Collective bargaining agreements	111
GRI 3: Material Topics 2021		
Disclosure 3-1	Process to determine material topics	34-43
Disclosure 3-2	List of material topics	41
Disclosure 3-3	Management of material topics	46-151
GRI 203: Indirect Economic Impacts 2016		
Disclosure 203-1	Infrastructure investments and services supported	52-55, 74-75, 87, 93-94, 96, 122-123
Disclosure 203-2	Significant indirect economic impacts	39, 47-48, 124-129, 139
GRI 204: Procurement		
Disclosure 204-1	Proportion of spending on local suppliers	15, 63, 138, 140
GRI 205: Anti-corruption 2016		
Disclosure 205-2	Communication and training about anti-corruption policies and procedures	134-137

INDEKS KANDUNGAN GRI

Piawaian GRI	Penzahiran	Nombor Muka Surat
GRI 302: Energy 2016		
Disclosure 302-1	Energy consumption within the organisation	69
Disclosure 302-4	Reduction of energy consumption	62, 67-70
GRI 303: Water and Effluents 2018		
Disclosure 303-1	Interactions with water as a shared resource	62, 76-78, 80
Disclosure 303-2	Management of water discharge-related impacts	80
Disclosure 303-3	Water withdrawal	77-78
Disclosure 303-4	Water discharge	80
Disclosure 303-5	Water consumption	77
GRI 305: Emissions 2016		
Disclosure 305-1	Direct (Scope 1) GHG emissions	6, 72-73
Disclosure 305-2	Energy indirect (Scope 2) GHG emissions	6, 72-73
Disclosure 305-5	Reduction of GHG emissions	6, 52-54, 62, 70, 72-75
GRI 306: Waste 2020		
Disclosure 306-2	Management of significant waste-related impacts	76-80
GRI 401: Employment 2016		
Disclosure 401-2	Benefits provided to full-time employees that are not provided to temporary or part-time employees	113
GRI 403: Occupational Health and Safety 2018		
Disclosure 403-1	Occupational health and safety management system	97-101
Disclosure 403-2	Hazard identification, risk assessment and incident investigation	98
Disclosure 403-3	Occupational health services	102-103
Disclosure 403-4	Worker participation, consultation and communication on occupational health and safety	98
Disclosure 403-5	Worker training on occupational health and safety	98-100
Disclosure 403-6	Promotion of worker health	101-103
Disclosure 403-9	Work-related injuries	101
GRI 404: Training and Education 2016		
Disclosure 404-2	Programmes for upgrading employee skills and transition assistance programmes	107-108
GRI 405: Diversity and Equal Opportunity 2016		
Disclosure 405-1	Diversity of governance bodies and employees	19-31, 112
GRI 408: Child Labour 2016		
Disclosure 408-1	Operations and suppliers at significant risk for incidents of child labour	36-37, 115-118
GRI 409: Forced or Compulsory Labour 2016		
Disclosure 409-1	Operations and suppliers at significant risk for incidents of forced or compulsory labour	36-37, 115-118
GRI 413: Local Communities 2016		
Disclosure 413-1	Operations with local community engagement, impact assessments and development programmes	47-48, 50-51, 126-129



Jalan Duta, Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).

MELANGKAH KE HADAPAN

Kami dengan sukacitanya membentangkan Laporan Kelestarian sukarela kami yang kedua bagi merakamkan kemajuan penting kami, merangkumi aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sepanjang tahun 2021 dan 2022.

Matlamat kami adalah untuk memberikan pihak berkepentingan kami ketelusan dan pengawasan terhadap pelaksanaan inisiatif kelestarian kami dan penerapan budaya kelestarian di seluruh peringkat perniagaan dan operasi kami.

Kami berusaha untuk menyediakan penzahiran secara berkala mengenai inisiatif-inisiatif kelestarian kami dan komited untuk menambah baik piawaian penzahiran untuk mencapai aspirasi kelestarian kami. Marilah bersama-sama mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari untuk semua.

Muka surat ini sengaja dikosongkan.



PLUS MALAYSIA BERHAD

No. Pendaftaran: 201001039714 (923639-A)

Menara Korporat, Persada PLUS,
Persimpangan Bertingkat Subang,
KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang,
47301 Petaling Jaya, Selangor

Tel : +603 7801 6666

Faks: +603 7801 6600



Laporan ini dicetak di atas bahan yang mesra alam sekitar, disahkan oleh FSC.